

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 13)
USUL: Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datok)</i>	(Halaman 13)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi (Kuala Rajang), SIMP.,PGBK.,DPMS.,JSM.,JBS.,KMN., PPB.
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato’ Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin
P.I.S. (Johor Bahru)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- “ Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)

Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)

- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)

Yang Berhormat Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)

- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

Yang Berhormat Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)

- " Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- " Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- " Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.

- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Bagi Parlimen**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd.
Darus

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 20 Mac 2002

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kementerian mempunyai rancangan untuk membina sebuah lebuh raya yang menghubungkan Bandar Muadzam Shah, Seremban dan Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kerja Raya tiada perancangan untuk membina lebuh raya menghubungi terus Bandar Muadzam Shah, Seremban dan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Kerja Raya akan melaksanakan projek menaik taraf jalan dari Seremban ke Kuala Pilah dan memperelokkan jalan Bahau ke Kemayan. Jalan-jalan ini apabila siap kelak akan menghubungi Seremban ke Lebuhraya Utara-Selatan dan terus ke Kuala Lumpur. Manakala sebuah lebuh raya menghubungi Seremban dan Kajang sedang dalam pembinaan secara penswastaan oleh Syarikat Kajang-Seremban Highway (KASEH) yang dapat menghubungi Kajang ke Kuala Lumpur melalui lebuh raya iaitu Lebuhraya Cheras-Kajang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang jawapan tadi, tetapi saya hendak minta soal sedikit sebagai soalan tambahan. Kita semua tahu bahawa *first link* ataupun perhubungan kita Pantai Barat dengan Pantai Timur, jalan yang ada iaitu antara Bentong kadang-kadang pada hujung minggu sentiasa sesak dan ini akan memudaratkan apa juga usaha pembangunan ataupun menghubungkan pembangunan Pantai Timur dengan Barat. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan melihat bahawa rakyat Pantai Timur juga mahu menyertai arus pembangunan negara dan semua pembangunan bermula di Lembah Klang, adakah sudah sampai masanya kerajaan mengadakan link yang kedua antara Pantai Timur dengan Pantai Barat iaitu menghubungkan negeri-negeri Pantai Timur dengan Lembah Klang supaya satu jalan raya antara Utara-Selatan disambungkan melalui Seremban, Kuala Pilah dan Muadzam Shah sebagai link yang kedua ke Pantai Timur. Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk jawapan kepada saranan dan cadangan oleh Yang Berhormat bagi Rompin, sememangnya tidak dinafikan bahawa perlunya hubungan yang banyak antara timur dan juga barat negara kita dan kemungkinannya itu yang akan terlaksana apabila siapnya jalan daripada Seremban ke Kuala Pilah dan selepas daripada itu Kuala Pilah ke Muadzam Shah yang sekarang ini menggunakan jalan FELDA, kemungkinannya bila sampai masanya itu pun akan dinaiktarafkan dan ia menjadi satu lagi laluan antara timur dan barat Semenanjung Malaysia.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya menerangkan sejauh manakah prestasi kerja yang dilaksanakan, kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh tiga syarikat swasta yang mana telah diberikan kerja oleh pihak Kementerian Kerja Raya untuk menyelenggarakan jalan-jalan Persekutuan di seluruh negara di Semenanjung Malaysia. Dan adakah pihak Kementerian Kerja Raya membuat pemantauan dan perbandingan tentang penjimatan kos, kualiti kerja dan kecekapan kerja mereka berbanding dengan apa yang dilakukan oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kerja Raya pada masa dahulu, dan jika lebih mahal dari kos dan tidak cekap adakah pihak kerajaan akan timbang semula dan berikan balik kerja ini kepada

tenaga kerja Kementerian Kerja Raya yang lebih cekap selama ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu jauh daripada soalan asal. Tetapi walau macam manapun pihak kementerian sentiasa memantau kerja-kerja yang dilakukan oleh syarikat-syarikat yang diswastakan kerja-kerja *maintenance* jalan yang sedia ada. Dan sememangnya seperti yang telah dijawab dalam Dewan ini beberapa kali, setiap tuntutan kerja oleh syarikat-syarikat tersebut akan disemak oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan jika dipersetujui maka barulah dibayar. Jadi, itu yang hendak disampaikan.

2. **Datuk Yong Teck Lee [Gaya]** minta Menteri Pertahanan menyatakan kemajuan mengenai bangunan pangkalan angkatan laut di Sepanggar Kota Kinabalu. Adakah pembayaran pampasan telah dilakukan kepada semua penduduk kampung yang terlibat.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan terkini projek pembinaan pangkalan TLDM di Teluk Sepanggar ialah sebanyak 6%. Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan bayaran sagu hati kepada penduduk-penduduk kampung yang terlibat dan dikenal pasti seramai 708 orang. Dari jumlah tersebut seramai 200 orang telah dibayar pampasan, manakala baki seramai 508 orang akan dibayar sebelum perpindahan ke Kampung Numbak dilakukan.

Datuk Yong Teck Lee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai penduduk-penduduk ada yang belum menerima pampasan ataupun sagu hati, lagipun di antaranya pampasan yang dijanjikan oleh kerajaan bukan hanya dalam bentuk wang ringgit. Ia juga dalam bentuk skim pendapatan semula di sebuah kampung yang dinamakan Kampung Numbak. Maka minggu lalu ada juga penduduk di Kampung Sabang yang dahulu dikenal pasti untuk pangkalan TLDM ini ada juga penduduk kampung itu tidak termasuk dalam pemindahan ke kawasan Kampung Numbak ini, maka mereka walaupun mendapat sedikit wang ringgit dalam bentuk pampasan tetapi tidak diberikan tempat baru untuk dipintakan.

Dan soalan tambahan juga, ini yang penting, di mana kami mendapati bahawa tapak baru pemindahan untuk penduduk kampung ini tiada rizab tanah perkuburan. Seramai 400 keluarga ini akan dipindah tetapi kawasan baru itu tiada rizab tanah perkuburan. Ini merupakan satu perkara yang membimbangkan bagi penduduk di sana, Lagipun tapak baru itu tidak ada bekalan air, tidak ada bekalan elektrik dan tidak ada kemudahan saluran najis, maka 400 keluarga ini najis mereka akan terus ke dalam laut di persisiran pantai dan perkara ini semua akan membawa masalah baru pada masa akan datang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan apakah tindakan akan diambil. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gaya di atas kerjasama di dalam usaha kementerian hendak memindahkan para penduduk tempatan daripada Sabang ke Numbak ini. Seperti beliau sedia maklum, pendekatan pihak kementerian dalam membantu perpindahan para penduduk di Kampung Sabang ke Numbak ini ialah kita gunakan dua pendekatan.

Pertama, setelah kita berunding dengan penduduk tempatan meminta kepada mereka seramai 708 orang ini sama ada mereka hendakkan secara pampasan wang atau secara hendak kita buat rumah kepada mereka. Dan ada sebahagian daripada mereka telah bersetuju untuk dibayar pampasan yang berbentuk wang, dan wang ini kita anggarkan berdasarkan nilai rumah yang mereka duduki masa ini, iaitu kita anggarkan dari lingkungan RM6,000 hingga ke RM38,000, maka dengan itu kita telah membayar kepada keluarga sehingga kini seramai 200 orang dan mendapat wang sebanyak daripada lingkungan RM6,000 hingga RM38,000.

Malangnya saya difahamkan mereka tak pindah lagi tetapi sudah dapat duit. Dan sebahagian daripada itu, 433 orang telah sepakat dan bersetuju untuk mereka tidak mendapat wang tetapi mendapat perumahan. Maka dengan itu kerajaan menyediakan rumah yang sedia ada untuk penduduk-penduduk yang memilih untuk menyediakan perumahan daripada kewangan.

Walaupun demikian, seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi bersabit dengan, pertama, perkara berkenaan dengan tanah perkuburan, dan perkara ini saya

telah pun bangkit dengan Jabatan Ketua Menteri dan telah menyatakan satu lokasi yang agak jauh, tidaklah berhampiran kerana maklumlah dari Kampung Numbak ini adalah berhampiran dengan persisiran pantai, selepas itu ia berdekatan dengan Universiti Sains Sabah Malaysia. Maknanya tidak ada tanah yang sesuai untuk kita tempatkan tanah perkuburan di situ. Maka dengan itu saya telah meminta kerjasama daripada Jabatan Ketua Menteri di mana badan yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti tanah yang sesuai untuk kita menubuhkan satu tempat perkuburan orang-orang Islam di situ.

Bersabit dengan bekalan air, bekalan air sedang dalam pembinaan dan kita buat pendekatan yang agak *temporary measure*, dengan izin, iaitu kita membekalkan tangki air kepada rumah-rumah ini dan kita memberi air di samping untuk menunggu kita hendak sambung paip daripada UMS ke kampung itu, dan bukan hanya penduduk yang kita hendak pindahkan akan mendapat bekalan air, bahkan juga kita telah minta kepada pihak pemaju agar air juga harus dimanfaatkan oleh penduduk asal di Kampung Numbak itu. Maknanya penduduk yang hendak dipindah dengan penduduk yang sedia ada juga akan mendapat manfaat.

Juga perkara yang dibangkitkan mengenai dengan bekalan elektrik serta saluran najis, perkara ini saya akan ambil perhatian dan saya akan tinjau perkara ini untuk keperluan para penduduk di situ. Terima kasih.

3. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Menteri Pendidikan menyatakan kenapakah kerajaan hanya mengkorporatkan hospital di bawah Kementerian Pendidikan dan apakah manfaat yang akan diperolehi oleh pesakit yang dirawat di bawah hospital yang dikorporatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak mengkorporatkan hospital di bawah Kementerian Pendidikan. Sebaliknya dua buah hospital iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia telah disusun semula dan mempunyai status yang tersendiri. Langkah tersebut untuk membolehkan hospital ini ditadbir secara berasingan dengan fakulti perubatan dan universiti berkenaan.

Di bawah pengurusan hospital yang diperbadankan ini, pihak hospital dibenarkan menubuhkan dengan izin, *private wing* iaitu pusat kepakaran yang memberi perkhidmatan sama seperti hospital swasta. Ini adalah untuk memberi pilihan kepada pesakit-pesakit yang ingin mendapat rawatan dengan lebih selesa. Langkah ini juga adalah untuk membolehkan doktor pakar memberi perkhidmatan bagi mendapatkan bayaran yang berasingan. Ini bertujuan mengekalkan tenaga pakar untuk terus berkhidmat dengan pihak universiti dan tidak keluar untuk berkhidmat dengan pusat perubatan swasta.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang tidak faham tentang apakah maknanya jawapan yang diberi oleh Setiausaha Parlimen kerana yang dikatakan Hospital Universiti itu disusun semula dan bukan dikorporatkan. Tetapi yang saya tahu sekarang bayaran yang dikenakan oleh Hospital Universiti itu adalah jauh lebih mahal daripada hospital di bawah Kementerian Kesihatan.

Misalnya, endogram di GH bayaran adalah RM100, di UH adalah RM800 sehingga RM1,000, endoplastic di GH adalah RM200 tetapi di UH adalah RM5,000 hingga RM12,000 dan bayaran *by-pass*, jantung di GH adalah RM500 tetapi di Hospital Universiti minimum RM5,000.

Jadi, ini adalah kenaikan daripada 80% sehingga 100%. Jadi, saya berpendapat hospital jenis berpendidikan seperti Hospital Universiti itu mempunyai kelengkapan yang paling baik dan juga pakar doktor yang paling baik. Ia sepatutnya digunakan untuk merawat pesakit umum dan rakyat awam. Jadi, kenapakah mereka yang pergi ke UH itu dikenakan bayaran yang begitu tinggi, selepas penyusunan semula pentadbirannya.

Dan juga mengenai *private wing* yang disebut oleh Yang Berhormat itu ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang sangat itu, ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Bukan, ini *private wing* dalam jawapan yang diberi itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Yang Berhormat bertanya lain itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanya lain. Adakah mengkorporatkan hospital-hospital

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, kerana itu bagi saya ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanya lain pula ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, ini berkaitan kerana yang saya tahu

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim:Doktor dan jururawat di Hospital Universiti, mereka yang kata kepada saya hospital mereka telah pun dikorporatkan. Jadi, saya rasa ini adalah permainan tentang perkataan yang digunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Oleh itu, saya hendak membincangkan tentang *private wing* yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, yang saya tahu sekarang ramai doktor dalam Hospital Universiti, mereka sebenarnya menggunakan *private wing* untuk mengaut keuntungan tersendiri dan kurang tumpuan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, telah menyimpang luar daripada soalan asal Yang Berhormat itu ya. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, hendak jawab ataupun tidak?

Beberapa Ahli: Tidak payah! Tidak berkaitan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dia tidak faham, saya ingin jelaskan sekali lagi. Saya katakan tadi,

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya katakan tadi, iaitu kita tidak korporat seperti mana yang difahamkan oleh Yang Berhormat, ini bukan satu permainan, kita tidak pernah pun bermain-main dengan Yang Berhormat.

Jadi, saya berharap benarlah, Yang Berhormat harus faham Hospital Universiti dua buah ini, ia masih dianggap sebagai *teaching hospital* dan bayaran yang dikenakan adalah seperti mana hospital kerajaan yang lain. Itu satu.

Kemudian, tadi saya telah katakan, bila dia susun semula, diadakan *private wing*. Ini terpolang kepada *patient* tadi hendak memilih untuk wad *private* yang kita katakan yang mana bayarannya adalah berlebihan, umpamanya dia hendak sewa bilik, di situ dikhaskan seperti juga *private* hospital yang lain, malah lebih murah daripada hospital swasta. Misalnya kalau dia hendak berseorangan di sebuah bilik dengan ada TV, dengan ada peti ais dan sebagainya semua dilengkapi tetapi dia kena bayar dan di sini ingin saya jelaskan sekali lagi kita juga mengenakan, ada dua, satu bagi mereka yang umum, satu lagi kepada pegawai-pegawai kerajaan menurut tangga gaji mereka.

Jadi, di sini kita tidak main dan kita tidak pernah pun mengatakan kita sengaja hendak menaikkan. Jadi, bayaran bagi perubatan biasa kalau dia pilih hendak dimasukkan kepada wad yang dibayar, itu dia boleh buat pilihan, dia boleh pilih yang mana satu dan kita tidak mengabai pun.

Keduanya, ialah kita hendak mengekalkan pakar-pakar perubatan supaya ia tidak, dengan izin, iaitu tidak cabut pergi ke hospital swasta, jadi kita akan kehilangan orang ini, orang sebut sahaja mengapa doktor pakar daripada *teaching hospital* cabut pergi ke tempat lain.

Jadi, kita hendak mengekalkan mereka di universiti oleh itu dapatlah perkhidmatan mereka dengan lebih baik. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkan Yang Berhormat mengkaji semula bayaran yang dikenakan bukan *private wing*, yang bukan *private* ini kerana kita susah hendak faham mengenai korporat dan swasta sekarang ini,

masalah timbul kerana itu dan bolehkah Yang Berhormat itu mengkaji dengan sendiri di UH, UKM dan UHKL kita, sama ada bayaran itu setimpal atau cocok dengan bayaran dengan hospital-hospital kerajaan yang lain seperti Hospital Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sebab ada perbezaan, mesti ada, walaupun Yang Berhormat bagi Sungai Petani yang tidak petani itu tidak [*Ketawa*] dia kata semua serupa, tidak serupa dan bolehkah Yang Berhormat mengkaji juga dan memastikan perkhidmatan di sayap bukan *private* ini, adalah perkhidmatan yang baik juga, sebab ada gejala-gejala yang menunjukkan sesetengah itu minat kepada yang *private* sahaja.

Dan tadi hendak menghalang doktor-doktor daripada cabut, saya percaya bukan sahaja kewangan, tetapi ada masalah-masalah yang lain. Bolehkah Yang Berhormat mengenalpastikan faktor-faktor selain daripada kewangan yang menyebabkan doktor-doktor berhijrah daripada kedua-dua hospital itu. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ada tiga perkara di sini Yang Berhormat bagi Kepong. Ohh! Yang terkepong, maaf saya. [*Ketawa*] Tadi dia kata saya Sungai Petani yang tak bertani, dia Kepong yang terkepong, biasanya dia ada *switch mentality* di sini.

Mengenai dengan perkhidmatan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya percaya perkhidmatan diberi sama sahaja, sama ada dia memasuki dalam *private wing* ataupun di wad biasa. Jadi, cumanya kalau ada tuduhan daripada Yang Berhormat mengatakan ada perkhidmatan itu berbeza-beza, saya rasa buat masa ini yang setahu saya, tidak ada.

Oleh itu, saya berharap benar mengenai dengan *charges* yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat juga, saya akan dapatkan maklumat yang lebih terperinci dan perbezaan antara hospital kerajaan yang lain dan hospital-hospital universiti, ini akan saya lakukan. Terima kasih cadangan Yang Berhormat itu.

Perkara yang ketiga ialah mengenai masalah doktor-doktor pakar tadi, saya percaya, saya amat bersetuju juga dengan Yang Berhormat selain daripada kewangan ada masalah-masalah yang lain. Oleh kerana adanya masalah-masalah ini, pihak universiti telah pun membuat beberapa penilaian semula dan cadangan yang telah diberi ialah seperti elaun-elaun kepada doktor ini kita cepatkan.

Keduanya, mengenai dengan kenaikan pangkat juga daripada profesor madya kepada profesor, itu juga diambil kira. Terima kasih.

4. **Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah status rundingan antara Malaysia dan Singapura berhubung harga air mentah ke Singapura yang berkemungkinan terdedah kepada konflik antara dua negara.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, di samping menjawab soalan Yang Berhormat bagi Sepang, izinkan saya juga menjawab soalan-soalan lain yang berkaitan dengan isu-isu hubungan perkara yang tersebut. Soalan-soalan yang dimaksudkan ialah Yang Berhormat bagi Sri Gading pada 20 Mac iaitu hari ini, Yang Berhormat bagi Wangsa Maju pada 21 Mac 2002, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu pada 27 Mac 2002, Yang Berhormat bagi Tebrau pada 4 April 2002, Yang Berhormat bagi Parit Sulong pada 8 April 2002 dan Yang Berhormat bagi Machang pada 9 April 2002.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, perjanjian bekalan air oleh Johor ke Singapura telah dibuat pada tahun 1961 dan 1962. Perjanjian tahun 1961 adalah bagi tempoh 50 tahun dan akan tamat pada tahun 2011. Manakala perjanjian tahun 1962 adalah selama 99 tahun dan akan tamat pada tahun 2061.

Melalui perjanjian tersebut kadar air mentah ke Singapura ditetapkan pada harga 3 sen bagi seribu gelen. Kadar tersebut tidak pernah dinaikkan sejak tahun 1961 hingga sekarang. Dalam hal ini, pihak kerajaan berpendapat bahawa harga tiga sen bagi 1,000 gelen tersebut adalah rendah dan tidak berpatutan. Ianya tidak mencerminkan nilai sebenar harga pasaran air mentah pada masa ini.

Kedua-dua Kerajaan Malaysia dan Singapura telah pun bersetuju untuk memasukkan isu bekalan air ke dalam satu isu berpakej untuk diselesaikan secara bersama melalui rundingan. Sejak tiga tahun yang lalu, tiga rundingan telah dijalankan. Pusingan terbaru rundingan tersebut dijangka akan diadakan di Kuala Lumpur pada tarikh yang akan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu perbekalan air antara Malaysia dan Singapura, kedua-dua negara menyedari akan kesensitifan isu ini. Sebagai negara yang menginginkan keamanan, hal ini perlu dikendalikan dengan bijaksana agar ianya tidak berlarutan dan menjejaskan hubungan kedua-dua negara.

Setakat ini, belum ada sebarang persetujuan ke atas penetapan harga air yang baru. Kerajaan berharap untuk mencapai persetujuan perhubungan hal ini melalui rundingan pada tarikh yang akan dipersetujui oleh kedua-dua negara.

Menjawab soalan mengenai pembelian air mentah oleh Singapura dari Johor dan pembelian air bersih oleh Johor dari Singapura bagi tahun 1995 hingga tahun 2001, ingin dimaklumkan bahawa pada puratanya pihak Singapura membeli air mentah sebanyak 202.73 juta gelen sehari pada kadar 3 sen bagi setiap seribu gelen dan menjual air bersih kepada Johor pada puratanya sebanyak 33.23 juta gelen sehari pada kadar 50 sen bagi setiap 1,000 gelen. Pembelian air yang dirawat dari Singapura adalah untuk menampung keperluan negeri Johor. Sekian, terima kasih.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih pihak Timbalan Menteri. Isu yang berpanjangan dan menjadi kritikal dalam sesetengah keadaan yang melibatkan hubungan dua hala di antara Malaysia Singapura ini dan isu yang berkait juga dengan penjualan air bersih kepada Johor itu sendiri. Saya hendak bertanya ringkas sahaja iaitu adakah terkandung di dalam butiran perjanjian jual beli air ini perkara yang melibatkan Johor semestinya membeli air daripada Singapura iaitu air bersih bagi memastikan hubungan ini berterusan, untuk menamatkan perjanjian sehingga 90 tahun ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri: Pembelian air oleh Johor itu adalah dalam persetujuan yang asal dulu tahun 1961, 1962 tetapi untuk perjanjian yang akan datang, saya tidak dapat huraikan di sini kerana ia masih dalam peringkat perundingan.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dari segi harga yang terpaksa di jual atau dibeli oleh Kerajaan Negeri Johor. Saya ingin tahu dari segi *volumenya* apakah benar Singapura membeli lebih bekalan air daripada keperluan negara tersebut daripada Johor, terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cuma satu – saya tidak ada butir-butir yang jelas kerana keperluan Singapura. Tapi dalam perunding mereka, mereka memang menetapkan beberapa banyak keperluan-keperluan, tapi mengikut apa yang kita ada di sini, kita tidak dapat memastikan perkara itu.

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh) tidak hadir]

6. **Tuan Richard Riot ak Jaem [Serian]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan kawalan di kawasan persempadanan Sarawak-Kalimantan bagi membendung kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendatang asing melalui 'jalan tikus' yang semakin hari semakin berleluasa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Serian, sempadan antara Sarawak dan Kalimantan, Indonesia adalah satu sempadan yang panjang iaitu kira-kira 1,600 km dan kebanyakannya adalah hutan rimba dan kawasan-kawasan pergunungan dan juga di pendalaman. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengambil berat masalah penyeludupan dan kemasukan pendatang asing melalui jalan-jalan tikus ini.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk membendung masalah ini daripada terus berleluasa ialah:

- (i) mempertingkatkan operasi bersepadu oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen, Polis dan RELA

- terutamanya di kawasan-kawasan yang dikenal pasti menjadi jalan-jalan tikus ini;
- (ii) mengadakan aktiviti-aktiviti pemantauan di kawasan-kawasan yang disyaki menjadi tumpuan pendatang tanpa izin dan juga meningkatkan kekerapan bilangan operasi bersama Pasukan Gerakan Am ataupun PGA;
 - (iii) membina pos-pos imigresen di kawasan-kawasan yang strategik dan berdekatan dengan sempadan; dan
 - (iv) meminda Akta Imigresen 1959/1963 yang akan dibuat dalam sesi Dewan Rakyat kali ini, bagi memperuntukkan hukuman berat iaitu hukuman sebat kepada pendatang tanpa izin walaupun masuk ke negara ini buat kali pertama dan kepada majikan-majikan dan pelindung-pelindung yang menggaji atau melindungi mereka ini.

Terima kasih.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendatang asing tanpa izin warga Indonesia ke Sarawak dapat dibendung, saya percaya perlu dibina tembok atau pagar di kawasan sempadan kita. Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk membina tembok dan pagar di persempadanan Kalimantan Indonesia khususnya di sekitar kawasan di mana terdapat jalan-jalan tikus ini. Sekian terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya nyatakan bahawa panjangnya sempadan antara Kalimantan dengan Malaysia ialah 1,600 km, tetapi jika pada pendapat kerajaan dan beberapa kajian yang akan dibuat, jika perlu satu tembok didirikan atau pagar dibuat seperti mana sempadan Thailand dengan Malaysia. Jika perlu kerajaan akan memikirkan. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junadi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada penjelasan yang diberikan oleh pihak polis di Sarawak mengatakan 14 jalan tikus telah dikenal pasti dan di...[*Disampuk*] – 64. Oh! Salahlah saya itu, 64 jalan tikus yang telah dikenal pasti. Mengikut laporan daripada surat khabar pada hari ini mengatakan bahawa 640,000 pendatang haram datang ke Malaysia adalah di semenanjung dan Sarawak dan berapakah di antara 640,000 ini dari Sarawak dan adakah jalan-jalan tikus ini sudah semuanya dikenal pasti dan apa tindakan untuk mengenal pasti jalan-jalan tikus ini supaya pendatang asing ini tidak masuk lagi ke Sarawak. Terima kasih.

Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan penjelasan yang terperinci berkaitan pendatang-pendatang haram yang datang melalui jalan-jalan tikus ini. Tetapi sebagaimana yang telah dinyatakan tadi, polis telah mengenal pasti sebanyak 64 jalan tikus. Kalau tikus betul, kita senang sahaja, kita bakarkan sampah-sampah, asap-asap itu akan menghalau tikus-tikus itu balik. Tetapi oleh sebab tikus-tikus ini bukan tikus sebenarnya, adalah tikus manusia, jadi kita akan mengambil tindakan-tindakan yang perlu untuk menyekat kedatangan pendatang-pendatang tanpa izin melalui jalan-jalan tikus ini.

Kita telah pun mengkaji dan juga telah meminta pihak berkuasa sebagaimana saya nyatakan tadi, kita akan dari masa ke semasa akan mengambil tindakan pemantauan. Terima kasih.

7. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan ada rungutan dari pihak-pihak tertentu bahawa sistem pendidikan, *syllabus*, dan perancangan pengajaran mingguan di sekolah-sekolah perlu dirombak, di samping guru-guru terlatih yang telah mengajar cara lama tidak menerima pemikiran dan falsafah baru pendidikan. Apakah tindakan kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sentiasa mengambil langkah-langkah pembaikan sistem pendidikan di negara ini. Sebagai contohnya pembangunan pendidikan sepuluh tahun, 2001 sehingga 2010 adalah bertujuan menangani cabaran-cabaran yang sedang dan akan dihadapi oleh sektor pendidikan di samping untuk meningkatkan akses, equiti dan kualiti sistem pendidikan.

Kementerian Pendidikan juga telah menyemak semula kurikulum persekolahan di peringkat prasekolah rendah dan menengah pada tahun 1999 sehingga 2000 agar bersesuaian dengan perkembangan terkini. Selain mengemas kini kandungan kurikulum agar lebih relevan dengan keadaan semasa. Penekanan juga ditumpukan kepada penggunaan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan terkini.

Guru-guru diberi kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta motivasi yang sesuai dengan keperluan semasa. Untuk itu Kementerian Pendidikan sentiasa menganjurkan latihan dalam perkhidmatan yang berterusan untuk guru-guru, khasnya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran melalui kursus dalam perkhidmatan dari enam minggu ataupun empat belas minggu, kursus satu tahun di maktab perguruan. Kursus pendek dua atau tiga hari juga dikendalikan melalui kursus pendek melalui kelolaan maktab dengan kerjasama jabatan pendidikan negeri.

Tuan Haji Wan Junadi bin Tuanku Jaafar: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sistem pendidikan mirip kepada *exam-oriented* - dengan izin – yang tidak membangkitkan inovasi dan motivasi. Kalau kita lihat silibus pula, tidak menunjukan pencungkilan bakat, 'pengetahuankan' keilmuaan. Kalau kita lihat perancangan pengajaran mingguan tidak mengambil kira murid bijak, bodoh, cekap ataupun lembap.

Jadi ini telah mendatangkan satu sistem yang ketat, yang tidak satu manfaat yang tinggi kepada lepasan sekolah dan universiti di negara kita. Banyak rungutan, macam pagi semalam, ada dalam surat khabar mengatakan ini juga patut di lihat semula supaya sistem inovasi, macam Einstein atau Bill Gates - *dropouts* - kenapa jadi kaya-raya. Jadi kita kena menuju ke arah itu. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan khusus supaya orang kita jangan dibuatkan di sini, ditekankan dengan mengajar, mendewa-dewakan A, A baru masuk universiti ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Yang Berhormat, sebab itu saya sebutkan tadi, dari masa ke semasa kita membuat kursus-kursus latihan untuk guru-guru tadi mempertingkatkan kaedah mereka dan di samping itu juga memang kita harapkan guru-guru yang mengajar di sesebuah sekolah itu berdasarkan kekreatifan mereka. Bagaimana hendak membuat galakan kepada murid-murid tadi supaya lebih berminat kepada mata pelajaran yang mereka ikuti.

Umpamanya di kementerian juga, kita telah menggalakkan mengadakan bermacam-macam, apa ini, perlawanan antara sekolah, misalnya dari segi bidang sains. Jadi, ada gerak kerja kumpulan tadi, di mana kita ada pertandingan ini setiap tahun malah untuk menyatakan kepada Yang Berhormat, kita Malaysia, senantiasa mendapat kedudukan yang tinggi apabila kita pergi pertandingan antarabangsa khususnya pertandingan sains di Amerika Syarikat. Selalunya kumpulan kita, anak-anak murid kita mendapat tingkat yang tinggi.

Di sini saya mengambil apa, perkara-perkara yang telah disarankan oleh Yang Berhormat kita akan terus berusaha dan mempertingkatkan lagi sekiranya ada cadangan-cadangan yang baik terutama sekali, kita tahu, kita memantau keadaan di Sarawak dan di Sabah seperti kita hendak juga kedudukan dia setanding seperti mana yang ada di semenanjung. Terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memanglah saya akui dan bersetuju dengan pembaikan-pembaikan yang dibuat dan juga *blueprints* 2001 sampai 2010 yang menekankan kepada kurikulum, kaedah baru, kursus guru, motivasi dan sebagainya. Tapi ada satu perkara Tuan Yang di-Pertua, yang sangat penting, bila saya terpancang dan terbaca, ada menimbulkan keraguan dalam kepala saya iaitu soal sikap guru-guru yang mana kajian dibuat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Mohd Sani Ibrahim dan Zuraidah Abd. Majid mendapati 13.4% atau 31 orang daripada 250 orang guru permulaan yang dikaji ingin meninggalkan profesion perguruan. Tahun 1984 Ratnam membuat kajian 29.8% daripada 262 orang guru di Wilayah Persekutuan ingin meninggalkan profesion perguruan.

Apa pun yang kita ambil Tuan Yang di-Pertua untuk memperbaiki, kalau misalan guru menjadi komponen terpenting dalam sistem pendidikan, mengalami masalah yang sedemikian, apa lagilah tentang perkara-perkara komponen-komponen

yang lain. Apa lagi di akhir-akhir ini, kajian ini dibuat sebelum Aku Janji. Selepas Aku Janji, bila dicucuk hidung mereka, bila gerakan 'memburung-kakak-tuakan' mereka [*tepuk*] dan memandulkan ke intelektualisme mereka. Saya terlalu yakin di kalangan guru-guru, pensyarah-pensyarah universiti, ramai lagi yang akan memikirkan, meninggalkan perkhidmatan perguruan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, dia ada beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Iaitu pertama sekali mengenai dengan *feedback* yang telah diberi oleh Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih kerana memberi perhatian kepada kurikulum dan sebagainya. Saya rasa inilah maklumbalas yang kita perlu dari Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tapi, cuma perkara yang kedua mengenai dengan *study* yang telah dibuat oleh beberapa orang pensyarah tadi, mengenai itu, kita juga mengambil perhatian. Tetapi tidaklah Yang Berhormat bangkitkan dan kaitkan dengan soal Aku Janji. Saya rasa, macam hari inilah, kalau tidak silap saya banyak yang sudah tinggal PAS, sesudah Aku Janji dengan PAS dia tinggal PAS. Tapi dalam soal guru ini, Aku Janji, saya tak tahu, mengapa pihak PAS terutama sekali mempolitikkan isu ini. Pada hal kita tidak pernah pun cucuk hidung sesiapa pun.

Kalau bagi mereka yang telah masuk dalam perkhidmatan kerajaan terutama sekali ini dalam profesion perguruan ini, kita tak pernah cucuk hidung mereka. Di mana Yang Berhormat buat tuduhan macam itu. Yang Berhormat sila semak balik teks Aku Janji sama ada di universiti, mahupun di mana-mana institusi kerajaan, apakah di dalam itu. Tak ada apa benda pun yang dikatakan cucuk hidung. Tak ada kita paksa mana-mana pihak untuk masuk UMNO, tak ada. Tidak seperti mana PAS, apabila seolah-olah siapa yang menyokong PAS atau menyertai PAS, orang ini katanya, ini katanya sudah dijanjikan syurga. Tak ada, tak ada. [*Dewan riuh*] Dan juga macam semalam, kata soal 'barua'. Di Kelantan, barua lain pula. Saya tanya dengan orang Kelantan betul-betul tolong semak Kamus Dewan Bahasa muka surat 110 apa makna barua. Itu makian.

Saya tidak tahu lah kalaulah, katalah saya katakan kepada Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat setuju, kalau saya kata Yang Berhormat ini barua Nik Aziz, boleh atau tidak? [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Sini, sini.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tentu tak boleh. Yang Berhormat tak setuju. Maaf saya Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi saya percaya dari segi segala macam perkhidmatan perguruan sentiasa kita tingkatkan.

Misalnya dari segi elaun, cuti, perumahan dan dari segi apa sahaja pun kita sentiasa membaiki keadaan ini. Jadi, bagi mereka yang hendak tinggalkan profesion itu memang kita kaji secara mendalam. Tetapi sebahagian besar daripada guru-guru mereka rela untuk berkorban bagi anak bangsa dan negara. [*Tepuk*] Terima kasih.

8. Tan Sri Dato' Dr. K. S. Nijhar [Subang] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam di Kota Damansara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Datuk Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Usahawan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan akan memastikan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas disediakan di kawasan-kawasan pembangunan baru termasuk di Kota Damansara.

Perkhidmatan teksi pula memang beroperasi di seluruh Lembah Klang termasuk di Kota Damansara. Dalam memastikan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam disediakan kepada penduduk di Kota Damansara, Kementerian Pembangunan Usahawan telah meluluskan 20 lesen kepada dua buah syarikat bas berhenti-henti untuk mengadakan perkhidmatan seperti berikut:

Pada bulan Oktober 1999 Syarikat Selangor Omnibus diberi kelulusan menjalankan perkhidmatan dari Kuala Lumpur ke Kota Damansara melalui Sungai Buluh. Syarikat berkenaan dibenarkan menggunakan enam buah bas dengan kekerapan perkhidmatan setiap setengah jam.

Pada bulan Januari tahun 2002, Syarikat Metrobus Nationwide Sendirian Berhad diberi kelulusan menjalankan perkhidmatan dari Kuala Lumpur ke Kota Damansara melalui PJ New Town dan dari Kuala Lumpur ke Kota Damansara melalui Sungai Buloh.

Jumlah bas yang dibenarkan beroperasi adalah sebanyak 14 buah bas dengan kekerapan perkhidmatan setiap setengah jam. Perkhidmatan di Kota Damansara dari dua buah syarikat berkenaan adalah memuaskan memandangkan tiada aduan yang diterima sehingga kini daripada pengguna.

Walau bagaimanapun, Kementerian akan terus membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam kepada pengguna sentiasa mencukupi dan memuaskan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada pihak kementerian atas jawapan diberi kerana ini menunjukkan pihak kementerian mengambil berat mengenai isu ini dengan mengambil beberapa langkah seperti mengeluarkan lesen-lesen untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam di Kota Damansara.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Walaupun langkah-langkah telah diambil, kesannya belum dirasai sepenuhnya oleh penduduk-penduduk di Kota Damansara khususnya di Seksyen 6 dan 7. Kebanyakan mereka di sini adalah rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana dan kebanyakan mereka bekerja di kilang di Kelana Jaya dan Petaling Jaya. Untuk mereka pada masa ini, kemudahan pengangkutan amat diperlukan dengan segera di beberapa tempat.

Tambahan pula daripada apa yang saya lihat atas sebab-sebab yang tertentu, murid-murid sekolah seramai 500 orang menyewa van daripada Seksyen 6 dan 7 dan membayar sebanyak RM50 sebulan untuk ke sekolah kerana tiada pengangkutan awam atau bas sekolah.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bolehkah pihak kementerian menyejajarkan lagi langkah-langkah yang dicadangkan tadi supaya kesannya boleh dirasai sekarang atau dengan segera atau memberi penjelasan tepat jurang masa yang diperlukan untuk pelaksanaan semua langkah-langkah ini.

Harapan saya selepas jawapan ini bolehkah saya pergi ke Kota Damansara dan memberi berita gembira kepada *constituent* saya, tidak dengar aduan-aduan sahaja apabila saya pergi ke sana. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rizalman bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Subang. Seperti yang saya telah nyatakan tadi bahawa kementerian melalui LPKP telah pun meluluskan sebanyak 20 buah lesen perkhidmatan bas berhenti-henti di kawasan Damansara ini. Seperti yang saya nyatakan juga tadi bahawa pada tahun 1999, kita telah meluluskan enam buah dan baru bulan Januari yang lepas kita telah meluluskan sebanyak 14 buah bas perkhidmatan bagi setiap setengah jam di kawasan tersebut lebih kurang tiga bulan yang lepas.

Buat masa ini, setakat hari ini seperti yang telah saya nyatakan tadi, bahawa kita tidak mendapat sebarang aduan mengenai dengan ketiadaan perkhidmatan bas di kawasan tersebut dan memang kesannya belum kita rasai oleh kerana baru kita meluluskan, barangkali saya yakin syarikat-syarikat ini telah pun memulakan operasinya di kawasan tersebut.

Soalan Yang Berhormat mengenai dengan ketiadaan perkhidmatan bas sekolah di kawasan berkenaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Yang Berhormat bahawa mana-mana kawasan perumahan ataupun kawasan pembangunan yang baru yang ingin mendapatkan kemudahan pengangkutan, boleh membuat permohonan kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan dan melalui pihak berkuasa tempatan. Pihak kita akan memberikan dan menawarkan lesen-lesen kepada pengusaha-pengusaha yang sedia ada untuk memanjangkan ataupun menambah perkhidmatan di kawasan berkenaan.

Berhubung dengan bas sekolah juga mereka sekiranya tiada perkhidmatan bas sekolah maka mana-mana pengusaha yang sedia ada boleh memohon tambahan perkhidmatan tersebut melalui dan mendapatkan sokongan daripada sekolah yang

berkenaan supaya pihak LPKP boleh menawarkan tambahan perkhidmatan ataupun bas-bas yang sedia ada. Terima kasih.

9. Tuan Goh Kheng Huat [Nibong Tebal] minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada sedar peruntukan subsidi RM50 seorang pesakit buah pinggang diberikan melalui orang tengah antara Kerajaan dan Pertubuhan Amal. Apakah Kerajaan akan mengkaji semula agar subsidi tersebut diberikan terus kepada Pertubuhan Amal tersebut bagi mengelakkan penyelewengan dan kelewatan pembayaran.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara pada 26 Mac 2002 dan Yang Berhormat Pokok Sena pada 9 April 2002 mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Bantuan subsidi kepada pesakit buah pinggang telah dipersetujui oleh kerajaan sebanyak RM50 bagi seorang pesakit. Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia atau *National Kidney Foundation* telah dilantik oleh Kementerian Kesihatan dengan persetujuan Kementerian Kewangan sebagai badan yang akan mengurus dan menyelaras bayaran subsidi rawatan yang dituntut oleh mana-mana pusat hemodialisis, NGO yang dinyatakan tadi.

Oleh kerana bantuan tersebut telah diuruskan dengan cekap dan berkesan, kementerian tiada bercadang untuk mengkaji semua peraturan berkenaan. Walau bagaimanapun pihak kementerian akan memantau pelaksanaan program ini dari semasa ke semasa untuk memastikan kecekapan perjalanan program ini dan kementerian juga sentiasa menghantar Pegawai Audit Dalam dan Luar untuk membuat pemeriksaan terhadap urusan berkenaan.

Sehingga 26 Mac 2002, Kementerian Kesihatan belum lagi menyalurkan bantuan *machine grants* kepada pusat-pusat hemodialisis. Bagi bantuan subsidi pesakit buah pinggang Kementerian Kesihatan telah meluluskan bantuan kepada seramai 1,306 pesakit melalui 52 pusat dialisis yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7,436,492 bagi tahun 2001.

Tuan Goh Kheng Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kementerian percaya bahawa tidak akan berlaku kes ugutan kepada pertubuhan amal ini kepada pegawai yang menyalurkan subsidi iaitu NKF untuk pertubuhan amal bagi membeli peralatan pusat hemodialisis melalui mereka. Jika tidak, mereka akan melewatkan pembayaran atau menyusahkan tuntutan subsidi tersebut.

Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah berlaku perkara-perkara yang begitu.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memang menyedari bahawa mereka yang menghidap sakit buah pinggang memerlukan bayaran yang mahal sekiranya mereka pergi kepada pihak swasta. Ada badan-badan amal yang telah pun menjalankan kutipan. Misalnya di Perlis, kita telah membekalkan enam buah mesin hemodialisis untuk hospital dan sebagaimana disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, pihak kerajaan akan memberikan subsidi RM50. Tetapi malangnya, apabila mesin baru kita bekalkan, pihak hospital terpaksa membatalkan mesin yang lama.

Kalau dahulu 80 orang pesakit, 40 terpaksa mendapat rawatan daripada luar, dengan mesin yang baru kita menjangkakan 80 mendapat rawatan, hari ini sebab mesin yang lama dibatalkan oleh kerana tidak mendapat subsidi yang disebutkan, pesakit baru tidak dapat dirawat.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kelewatan ini disebabkan oleh pihak hospital, prosedur permohonan ataupun kelewatan ini mungkin disebabkan apa yang disebutkan tadi. Walaupun Yang Berhormat menyebutkan bahawa tidak berlaku. Kemungkinan juga berlaku masalah personal problem yang timbul di kalangan pegawai-pegawai atasan di pihak hospital dan juga di Jabatan Kesihatan.

Apakah kementerian dapat bertindak dengan segera dan apakah saluran di pihak kementerian untuk menerima rungutan dan sungutan ini kerana sehingga kini

saya lihat tidak ada tindakan yang diambil walaupun telah berlalu dalam masa hampir enam bulan. Sekian.

Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan itu serius. Saya akan *check*, bagi saya tempoh dan satu tindakan tegas akan diambil bagi mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan.

10. Dato' Napsiah binti Omar [Kuala Pilah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebanyak 45% air hilang sebelum sampai kepada pengguna-pengguna. Kerajaan telah menyedari keadaan ini begitu lama, tetapi kenapakah rancangan sepadu untuk membanteras keadaan ini tiada diambil.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, pada mas kini, purata kadar kehilangan hasil air tidak terhasil iaitu - dengan izin - *non-revenue water* (NRW) di negara ini ialah sebanyak 39%. Daripada jumlah tersebut 26% telah hilang akibat dari kebocoran sistem paip agihan air, 6% disebabkan bacaan meter yang tidak tepat, 5% akibat kecurian dan 2% lagi disebabkan oleh lain-lain perkara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan persekutuan sememangnya serius dalam usaha untuk mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil di negara ini. Bermula dari Rancangan Malaysia Keenam hinggalah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan persekutuan telah memperuntukkan siling peruntukan kepada hampir setiap negeri bagi melaksanakan program NRW bagi negeri masing-masing.

Sebagai contoh, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang lalu, sebanyak RM499.5 juta telah pun dibelanjakan bagi melaksanakan program tersebut di seluruh negara. Ia telah dilaksanakan di 24 daerah melibatkan kerja-kerja penggantian paip air sepanjang 2,648 kilometer. Penukaran 111,000 meter air, penambahan kapasiti simpanan air sebanyak 87,065 meter padu, Penambahan kapasiti loji air sebanyak 93,480 meter padu dan latihan kepada 234 orang kakitangan.

Di dalam Rancangan Malaysia yang Kelapan ini pula, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan siling peruntukan sebanyak RM215 juta bagi melaksanakan program tersebut di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil di negara ini melibatkan kos yang sangat tinggi. Walau bagaimanapun, peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah terhad. Sehubungan dengan itu, ia perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat setiap rancangan lima tahun negara.

Sebagai contoh, program penggantian paip-paip air lama di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja memerlukan kos lebih kurang RM1.2 bilion dan ia mengambil masa lima tahun untuk disiapkan. Secara keseluruhannya Kerajaan Persekutuan memerlukan lebih kurang RM9.5 bilion bagi melaksanakan penggantian paip-paip air lama di seluruh negara.

Dato' Napsiah binti Omar: Saya memang faham iaitu kebocoran ini, keciciran air oleh kerana bocornya paip-paip. Tetapi selama 20 tahun saya menjadi Wakil Rakyat di kawasan Kuala Pilah, masalah air ini masih belum diatasi. Bolehkah kementerian ataupun kerajaan memberi pinjaman ini juga secara berperingkat kepada daerah-daerah supaya dapat kita menggantikan paip-paip air ini? Kalau harganya RM9.5 bilion seluruh negara, saya difahamkan di satu-satu daerah itu sebanyak RM50 juta. Boleh atau tidak kementerian menurunkan wang dalam peringkat lima tahun? Misalnya RM10 juta setahun, ataupun RM5 juta setahun dan ambil masa dalam 20 tahun untuk menyelesaikan masalah di peringkat daerah ini? Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Terima kasih, Yang Berhormat. Sememangnya itu pun yang sedang dirangka dan dirancang oleh pihak kerajaan. Dan jumlah yang telah dinyatakan itu tadi iaitu untuk Rancangan Malaysia Yang Kelapan sebanyak RM215 juta itu sebenarnya tidak termasuk peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan Negeri masing-masing.

Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, sudah tentunya apabila kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Yang Kelapan dilakukan pada tahun 2003, jumlah yang RM200 lebih itu akan ditambah bagi memungkinkan masalah yang dibangkitkan di seluruh negara boleh diambil kira, termasuk kawasan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana banyak negeri di mana projek air telah diswastakan kepada syarikat-syarikat tertentu dan syarikat-syarikat ini mendapat keuntungan yang besar, jadi apakah tanggungan ini tidak dapat diberikan sebahagian besarnya kepada syarikat-syarikat yang mendapat penswastaan air ini. Umpamanya, saya difahamkan Puncak Niaga hanya membekalkan air tetapi *distribution* itu - dengan izin - dikendalikan oleh pihak kerajaan. Apakah pihak kerajaan tidak berhasrat *apportion* dengan izin, *portions* yang tertentu, *distribution* paip-paip air ini digantikan atau dibina oleh pihak-pihak swasta yang telah diswastakan untuk operator air ini? Terima kasih.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, air yang hilang itu jika didapati hasilnya pergi kepada Kerajaan Negeri, atas sebab itulah tanggungannya dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG AKTA INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA [PINDAAN] 2002

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-Undang bernama "Suatu Akta Untuk Meminda Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia Tahun 1969" dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian dibaca kali yang pertama, akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan ke atas usul yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesepuluh." **[19 Mac 2002]**

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya? Tidak, Yang Berhormat, saya telah membenarkan Yang Berhormat bangun lepas daripada saya menolak mana-mana Usul dalam Dewan ini. Sebenarnya tidak ada Peraturan Mesyuarat di bawah itu. Tidak ada peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat. Yang Berhormat membaca balik perkara yang saya tolak itu, itu bukanlah Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Sipitang, sila sambung. 11 minit, ya.

11.11 pagi

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya masih membahas mengenai dengan kemudahan perumahan pegawai Persekutuan dari Semenanjung dan juga dari Sabah dan Sarawak yang bertugas di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ataupun dari Yang Berhormat Perdana Menteri. Apakah rasional dan tujuan kerajaan menurunkan kelayakan sewa rumah untuk pegawai-pegawai Persekutuan yang bertugas di Sabah? Apakah keputusan kerajaan ataupun Jabatan Perkhidmatan Awam setelah rayuan dan pendedahan masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai melalui persatuan? Misalnya Persatuan Doktor-doktor Perubatan Malaysia yang menerangkan masalah yang mereka hadapi setelah penurunan kadar sewa rumah yang diberikan kepada mereka.

Apakah ini satu strategi kerajaan untuk menurunkan kadar harga pasaran sewa rumah persendirian yang mahal di Sabah? Tetapi saya rasa ini tidak kena kerana pada masa ini di Sabah, di Kota Kinabalu khususnya, masih kekurangan rumah-rumah persendirian yang hendak disewa. Apakah juga kerajaan tidak menggalakkan pegawai-pegawai dari Semenanjung atau Sarawak untuk bertugas di Sabah? Tetapi ini juga saya rasa tidak sesuai kerana masih lagi kekurangan pegawai-pegawai yang diperlukan di Sabah, misalnya doktor-doktor perubatan. Kita banyak kekosongan-kekosongan di hospital-hospital di Sabah. Begitu juga dengan guru-guru khususnya guru-guru graduan yang amat diperlukan di seluruh Sabah.

Apakah juga pengurangan kadar sewa ini atas penjimatan wang kerajaan? Saya merasakan ini bukanlah caranya untuk menjimatkan wang kerajaan kerana pada masa ini saya difahamkan sekitar 5,000 orang pegawai-pegawai Persekutuan yang berada di Sabah. Jikalau kita jimatkan seorang RM500, setahun memang kita boleh menjimatkan RM30 juta. Tetapi janganlah kita menjimatkan dan menjejaskan 5,000 orang. Kita boleh menjimatkan benda-benda yang lain misalnya Tuan Yang di-Pertua, Bangunan MATRADE di Kuala Lumpur. Kita mulai buat RM167 juta tetapi dengan V.O. dan dengan peruntukan itu dan ini, kita telah menambah RM78 juta. Jadi kita janganlah menyusahkan 5,000 orang dan memberi tambahan untuk satu kontraktor sahaja. Ini perlu kita kaji.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak cara untuk membantu memberi keselesaan kepada pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan yang bertugas di Sabah. Saya ingin mencadangkan satu kajian yang menyeluruh bilangan pegawai Persekutuan dan keperluan perumahan mereka di seluruh negara khususnya di Sabah. Pegawai Kerajaan Persekutuan di Sabah masih lagi perlu bantuan dan perlu keutamaan kerana kawasan di Sabah masih lagi belum begitu maju berbanding dengan keadaan di Semenanjung.

Satu kompleks perumahan Persekutuan hendaklah dibina untuk menampung dan menyelesaikan masalah ini. Kalau masalah perumahan Angkatan Tentera Malaysia, pegawai polis, bomba dan juga pasukan-pasukan beruniform yang lain boleh kita bina, kenapa tidak untuk pegawai-pegawai Persekutuan yang lain juga kita boleh bina? Elaun perumahan hendaklah diselaraskan di seluruh negara dan ditetapkan mengikut kawasan atau negeri bertugas. Sewa rumah di Johor Bahru lebih mahal daripada di tempat lain, begitu juga di Kota Kinabalu dan di Kuala Lumpur lebih tinggi daripada keadaan di Ipoh misalnya, ataupun di Kota Bharu. Jadi, ini hendaklah diselaraskan mengikut kadar kawasan mereka bertugas. Apabila mereka ditempatkan di Kota Kinabalu, mereka layak mendapat kadar sewa kawasan di mana mereka bertugas. Dan apabila mereka misalnya bertugas ke tempat lain, kelayakan mereka itu luput dan diberi kelayakan baru di mana mereka bertugas.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga harus memberi peruntukan khas dan diluluskan serta merta untuk menyelesaikan masalah ini. Pegawai-pegawai Persekutuan yang bertugas di luar daerah ataupun di kawasan luar bandar haruslah diberi keutamaan kerana ini untuk memberi semangat untuk mereka bagi meningkatkan produktiviti dan memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat dan juga imej yang baik kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan Operasi Nyah II yang sedang berlangsung di Sabah dan di seluruh negara pada masa ini. Saya ingin mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan. Walaupun saya melihat ini agak terlambat tetapi lebih baik lambat daripada tidak ada langsung. Yang menyedihkan ialah kita sentiasa membuat operasi ini secara *ad-hoc*, Tuan Yang di-Pertua. Apabila ada masalah, apabila kita melihat sesuatu itu begitu meruncing dan menimbulkan masalah barulah kita bertindak sedangkan dasar kita ini telah lama wujud. Peraturan dan undang-undang telah lama wujud di negara ini yang tidak membenarkan pendatang haram ataupun pembinaan struktur haram di kawasan-kawasan tertentu.

Saya simpati dengan pegawai pelaksana khususnya pasukan petugas khas, pasukan polis dan juga petugas Dewan Bandaraya ataupun kerajaan tempatan yang bertungkus lumus dan menerima ancaman-ancaman, ugutan-ugutan daripada orang-orang tertentu apabila pegawai-pegawai ini melaksanakan tugas mereka, tetapi usaha ini hendaklah diteruskan walaupun apa ancaman sekalipun. Seluruh rakyat Malaysia yang cintakan negaranya mesti memberi sokongan kepada usaha ini dan mereka yang melindungi pendatang ataupun menentang usaha untuk kita melaksanakan tugas kita adalah sebagai pengkhianat negara dan perlu diambil tindakan tegas.

Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat usaha Operasi Nyah II ini, saya melihat seolah-olah tidak ada koordinasi yang cukup di peringkat atasan. Tidak ada penyelarasan yang kemas di peringkat atasan. Agensi-agensi yang terlibat hendaklah disatukan dan dibuat penyelarasan secara lengkap dan kemas. Pada masa ini apakah tujuan kita sebenarnya saya pun masih belum jelas. Saya minta penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri sama ada kita ini ingin merobohkan struktur haram ataupun ingin menangkap pendatang asing.

Masalah yang ada sekarang ialah apabila kita merobohkan struktur haram ini, itu memang kita alu-alukan, tetapi kita kena bezakan struktur haram yang dimiliki oleh pendatang asing dan struktur haram yang dimiliki oleh orang tempatan. Apabila orang tempatan ini dirobuhkan tempat tinggal mereka, mereka tidak ada tempat tinggal yang lain dan tidak ada persediaan kita untuk menempatkan di mana mereka, dan mulalah timbul masalah-masalah yang lain yang membabitkan masalah politik, sosial dan sebagainya. Jadi, sebelum membuat keputusan, kerajaan mestilah meneliti masalah ini sama ada merobohkan struktur haram ataupun menangkap pendatang asing.

Masalah pendatang asing ini kalau di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, tidak ada masalah untuk mencari mereka, bila-bila masa pendatang asing ini ada dan boleh ditangkap di mana-mana. Saya hairan bagaimanakah kita cuma boleh menangkap pendatang asing ini bila ada operasi-operasi sebegini. Kita mesti serius menghadapi masalah pendatang asing ini, seperti yang dikatakan oleh rakan saya bagi Tuaran kelmarin, kita mestilah serius dan tidak boleh menunggu sehingga suatu insiden barulah kita bertindak untuk membuat operasi tertentu. Operasi kita hendaklah tegas dan berterusan.

Kita mesti melihat jauh tentang masalah yang akan kita hadapi jikalau kita tidak bertindak sekarang. Apakah keputusan kita pada hari ini. Kita mesti juga membuat keputusan sama ada kita mahu mengusir pendatang asing ini, menangkap mereka dan menghantar pulang ataupun kita mengekalkan mereka sebagai penduduk tetap negara ini. Tetapi kita masih belum jelas tentang keadaan ini. Yang kelihatan sekarang ialah kita menangkap pendatang asing ini dan menghantar pulang, tetapi yang nyata ialah pendatang asing ini masih juga berkeliaran di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua masalah besar yang perlu kita tangani mengenai pendatang asing ini. Yang pertama sekali dari segi pendidikan, apakah kedudukan anak-anak pendatang asing yang ada di negara kita ini. Dasar pendidikan kita sudah digubal, sudah diubah yang memastikan ataupun menetapkan wajib untuk anak-anak Malaysia mendapat pendidikan, tetapi kedudukan pendatang asing ini masih samar-samar. Sepuluh tahun, Tuan Yang di-Pertua, adalah suatu masa yang pendek, 17 tahun tidaklah begitu lama. Anak-anak pendatang asing yang lahir pada hari ini, 10 tahun akan datang umurnya menjadi 10 tahun, 17 tahun akan datang umurnya akan menjadi 17 tahun. Jikalau mereka tidak kita tangani, masalah yang lebih besar akan timbul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bagi peluang sekejap.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang. Tadi Yang Berhormat menyatakan tentang apakah sebenarnya tujuan operasi Ops Nyah Bersepadu ini, adakah untuk menangkap pendatang tanpa izin atau semata-mata merobohkan rumah-rumah setinggan. Dalam laporan akhbar pada 5 Mac yang lepas, dilaporkan bahawa pasukan operasi ini telah merobohkan 3,245 rumah setinggan, sedangkan bilangan pendatang tanpa izin yang ditangkap cumalah 2,074 orang. Jadi, siapakah punya rumah yang seribu lebih itu, adakah ini rumah setinggan tempatan ataupun setinggan pendatang tanpa dengan

izin? Dan adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini membuktikan terdapat masalah bagi pihak kerajaan untuk membezakan di manakah yang dikatakan pendatang tanpa izin dan di manakah yang dikatakan setinggian tempatan? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kita mesti jelas apakah tujuan kita sebenarnya yang dikatakan tadi? Jikalau kita ingin merobohkan struktur haram ini kita boleh lakukan pada tiap-tiap hari, dan jikalau kita ingin menangkap pendatang asing pun kita boleh lakukan setiap hari. Tetapi kita mengucapkan terima kasih juga kerana ada usaha, tetapi di dalam masa yang sama hari ini, saya masih melihat pada hari Ahad yang sudah, masih ada struktur baru yang sedang dibuat di tempat-tempat tertentu. Ini yang menimbulkan masalah kepada kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya mintalah kepada kerajaan supaya melihat masalah ini, yang saya katakan tadi bahawa masalah pendidikan, sama ada kita ingin mengekalkan pendatang asing ini di negara kita ataupun kita nyahkan mereka kerana kalau kita tidak berikan pendidikan, kita akan menghadapi masalah besar. Tuan Yang di-Pertua, masalah negara yang paling besar ialah apabila mentadbir negara yang rakyatnya bodoh dan negara yang maju ialah negara yang rakyatnya pintar. Jikalau di Sabah kita biarkan anak pendatang ini berkeliaran, dan menjadi orang bodoh, mereka ini adalah orang yang susah kita aturkan. Mereka tidak boleh membaca, mereka tidak tahu undang-undang, mereka tidak boleh dapat pekerjaan yang baik, mereka sepanjang masa menjadi orang susah, orang suruhan, dan kita susah untuk mentadbir negeri kita. Dan mereka juga yang tidak tahu kesihatan, penyakit dan sebagainya, inilah perkara yang menyusahkan kita pada masa akan datang. Jadi satu pendirian yang tegas mestilah dibuat terhadap keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa untuk menyentuh soal rakyat di kawasan saya ini. Saya rasa tidak lengkap kalau tidak meluahkan masalah rakyat di kawasan saya, iaitu masalah air juga. Kita sekarang ini sedang menghadapi masalah air. Saya mohonlah supaya Kerajaan Persekutuan memberikan bantuan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk membina loji-loji penapis air. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang memberikan peruntukan khas untuk membina graviti dan juga memasang paip-paip air. Tetapi masalah pemasangan paip tidak selesai kerana punca yang utama ialah kilang-kilang memproses air ini tidak lagi berkeupayaan mengeluarkan air yang mencukupi untuk dimasukkan ke dalam paip-paip baru.

Masalahnya ialah kerajaan negeri adalah memimpin sebuah negeri yang besar dan memerlukan peruntukan yang besar juga untuk membuat loji-loji ini. Saya mohonlah di kawasan saya Sipitang, air yang diperlukan adalah di sekitar 4 juta liter sehari tetapi yang boleh dikeluarkan hanya sekitar 2 juta liter sahaja. Kita masih kekurangan 2 juta liter. Kita memerlukan loji yang baru. Saya meminta Kerajaan Persekutuan, sekurang-kurangnya untuk kawasan Sipitang, memberi kelulusan khas untuk membina loji baru yang diperlukan, bernilai di sekitar RM25 juta untuk dibina di kawasan Parlimen Sipitang, untuk menyelesaikan masalah ini, kerana masalah air ini adalah masalah yang serius kerana pengilang-pengilang, pelabur-pelabur tidak akan masuk ke sesuatu kawasan itu jikalau tidak ada air. Inilah halangan-halangan yang membantutkan kemajuan. Jadi, ini juga sebagai tanggungan ataupun sebagai tanggungjawab bersama daripada Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan khas kepada kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Jadi, oleh kerana masa terhad, saya menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

11.23 pagi

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit beberapa perkara sebagai menyambut atau membahas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah disampaikan pada minggu yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini negara kita seperti berada di dalam suasana yang tidak menentu seperti sebuah kapal yang berada di lautan, di tengah-tengah ombak yang ganas dan ribut taufan. Nakhodanya pula seperti tidak tahu apa yang hendak dilakukan, lalu banyak kali dipersalahkan kepada orang lain, termasuk anak-anak kapal dan penumpangnya. Sikap nakhoda seperti ini perlu ditukar atau diganti dengan yang lain, kalau dibiarkan ianya akan membahayakan, bukan sahaja kepada kapal akan tetapi juga nyawa manusia yang berada di dalamnya.

Apa yang saya maksudkan ialah pemerintahan negara ini seolah-olah sudah kehabisan idea, sudah bankrap pertimbangan, sudah hilang kewarasan dan juga sudah mati kerasionalannya. Apa tidaknya? Kecelaruhan pemerintahan terbukti dengan pengharaman ceramah yang pihak Suhakam sendiri mempertikaikannya. Demokrasi sudah disempitkan atas berbagai-bagai alasan yang sentiasa diciptakan oleh pemerintah. Keganasan ISA dan keganasan pihak polis yang dipergunakan oleh UMNO untuk menyekat pengaruh BA sentiasa dirancang dan bertindak seolah-olah mengawal sekumpulan binatang liar, bukannya manusia yang serupa dengan mereka. Kerja-kerja fitnah diambil-alih dan dijadikan projek raksasa oleh kementerian-kementerian tertentu khususnya Kementerian Penerangan. Tanpa segan silu menjilat muntah kata-kata mereka sendiri supaya PAS jangan mengungkit-ungkit lagi peristiwa lama iaitu seperti peristiwa Memali.

PAS mematuhi nasihat pihak keselamatan, tetapi dengan datangnya seorang Setiausaha Parlimen yang baru yang nampaknya beliau mula bermain dengan api. Kalau dalam peristiwa Sauk orang ini juga kesal dengan PAS yang mengungkit-ungkit perkara orang yang telah mati, tetapi kalau dia yang buat dan mengungkit-ungkit perkara orang yang telah mati tidak mengapa pula. Demokrasi ala apa yang semacam ini? Sikap melacurkan kuasa ini sangat-sangat jijik dan jahat sekali.

Penyelewengan PPRT yang masih lagi menjadi tanda tanya bukan sahaja rakyat jelata tetapi pihak-pihak di dalam UMNO sendiri khususnya di Kelantan. Kita ingin tahu bagaimana boleh berlaku sebuah bangunan milik agensi kerajaan iaitu Putra namanya, boleh dibina di atas sebidang tanah Lot 1431 Mukim Buk, Kota Bharu, Kelantan seluas dua ekar 300 depa milik pemimpin tertinggi UMNO semasa dahulu iaitu bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar. Dengan menggunakan dana RISDA. Di mana BPR dalam perkara ini, di mana *flying squad* yang ditubuhkan oleh kerajaan. Sepatutnya mereka ini telah pergi ke sini untuk menyiasat bagaimana dana kerajaan digunakan di atas tanah milik sendiri. Mengikut Kanun Tanah Negara dan Kanun Tanah Negeri Kelantan sendiri, apabila sesebuah bangunan kerajaan dibina di atas tanah hak milik seseorang itu maka bangunan itu, harta itu akan dijadikan hak milik negara itu.

Sebab itu, sebelum mereka ini mati, sebelum menjadi harta pusaka saya mencadangkan *flying squad* yang ditubuhkan oleh kerajaan dahulu hendaklah pergi serta merta ke tempat ini untuk menyiasat, bagaimanakah perkara ini boleh berlaku.

Ketakutan dan menyepi diri pihak BPR....

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sila.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya ingin mendapatkan penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat mengenai kes PPRT ini. Kerana saya juga membuat soalan dalam Parlimen ini bertarikh 12 Mac tetapi saya merasa malu dengan jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian kerana ia menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah membuat dua lagi laporan polis iaitu laporan yang dibuat di Kuala Krai iaitu Kuala Krai, Rpt. 42/2001 dan juga satu lagi report di Bukit Besi iaitu Bukit Besi, Rpt. 122/2001. Pada masa ini pihak polis

sedang melengkapkan siasatan ke atas kedua-dua laporan tersebut. Jadi, bilakah masalah ini hendak selesai kalau Menteri sendiri pun membuat *report*, pihak polis dan BPR tidak memberi layanan, kita hendak menunggu siapa lagi yang membuat *report*? Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Inilah masalah yang ada di hadapan kita dan rakyat sedang melihat perkara ini. Apabila terkena kepada orang yang disayangi juga walau pun jahat tetapi disayangi juga, maka perkara ini ditunggu sehingga mendapat *green light* daripada pihak atasan. Jadi, kalau polis menyiasat, kalau BPR pun menyiasat dan segala-galanya sudah selesai tetapi kalau pihak yang lebih atas, lebih berkuasa tidak memberi *green light*, tidak memberi satu arahan untuk mengambil tindakan maka tindakan tidak akan diambil. Ini kita nampak sekarang ini bagaimana cara, corak pentadbiran kerajaan telah terumbang-ambing, tidak dapat menyelesaikan masalah. Tubuhkan *flying squad* pun tidak menjadi apa juga, tidak pergi tengok juga.

Ada BPR pun tidak dapat menyelesaikan masalah, ada polis tidak menyelesaikan masalah. Untuk menyelesaikan semua masalah ini ialah orang yang nombor satu di Malaysia ini yang sepatutnya dipersalahkan, barulah perkara ini berjalan segala-galanya. Jadi, Yang Berhormat jangan dukacita kalau perkara ini berlaku walau pun pihak kerajaan sendiri, pihak Menteri sendiri membuat *report* tidak menjadi apa orang Kelantan kata. Itu bahasa Kelantan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, ada lagi, sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Setuju ataupun tidak setuju Yang Berhormat sekiranya BPR ini dipindahkan kuasanya kepada Parlimen bukan lagi di bawah dagu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Setuju ataupun tidak?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Itu bukan saya sahaja setuju, semua rakyat setuju. Bagi orang-orang yang merasai perkara ini sudah keterlaluan semuanya bersetuju. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli.

Melakukan serangan fitnah dan penghinaan oleh pemimpin tertinggi kerajaan terhadap bukan sahaja ulama tetapi ajaran Islam itu sendiri, media massa elektronik pula tanpa segen silu menyelewengkan tafsiran Al-Quran sebagaimana yang terdapat di dalam kitab-kitab tafsir Muktabar. Nabi Muhammad s.a.w. telah memberi amaran keras kepada para penyeleweng ayat-ayat itu iaitu mana-mana orang yang mentafsirkan Al-Quran dengan pandai-pandai sendiri maka ia telah menyiapkan satu kerusi dalam neraka. Cara RTM mentafsirkan ayat dalam Surah Al-Baqarah 190 [Membaca sepotong ayat Al-Quran, surah Al-Baqarah] Jauh terpesong dari maksud sebenarnya. Mereka membaca hanya separuh sahaja daripada ayat tersebut dan tanpa merujuk sebab-sebab turunnya ayat tersebut di mana para ahli ulama UMNO untuk membetulkan kerja-kerja jahat seperti ini.

Tidak ada seorang pun orang-orang alim dalam UMNO yang memberanikan diri untuk menegur pemimpin mereka yang membuat angkara jahat seperti ini. Saya tidak tahulah barangkali di dalam Dewan ini tentulah memang tidak ramai ahli UMNO, kalau ada seorang dua pun lagi takut. Yang ada di luar Dewan sendiri pun, dilantik oleh kerajaan untuk memperbaiki kerajaan sendiri pun, tidak sanggup lagi membetulkan perkara ini. Ini saya cukup sedih dan bukan saya sahaja, rakyat pun telah melihat perkara-perkara yang berlaku sekarang ini.

Menuduh dan mengamalkan fitnah terhadap anak-anak yang belajar di sekolah-sekolah rendah..

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya ada lagi? Sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Oleh kerana yang kita dengar di dalam RTM tafsiran ayat tersebut hanya disebut sebagai, janganlah kamu membinasakan diri kamu, dengan mencedok sebahagian kecil daripada keseluruhan ayat tersebut. Bolehkah Yang Berhormat bagi Rantau Panjang menyatakan sedikit dalam Dewan

ini ayat itu hasil daripada sambungan daripada ayat mana, mungkin lebih faham semua yang ada di sini termasuk sahabat-sahabat kita daripada UMNO sendiri.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kepala ayat tersebut yang sebenarnya ialah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Baharulah bersambung dengan ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Itu sebenarnya tetapi ia mengambil di tengah sahaja dan hujungnya tidak diambil juga. Hujung ada lagi, hujungnya ialah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Tetapi semua itu ditinggalkan, diambil tengah-tengah sahaja. Ini perangai orang yang cuba hendak merancang supaya rakyat ini terkeliru, ini caranya. Saya rasa Yang Berhormat bagi Jeli boleh faham, orang lain pun boleh faham.

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Setujukah Yang Berhormat sekiranya saya sebut bahawa ayat ini sebenarnya diturunkan kepada golongan munafikin di Madinah. Di mana golongan munafikin tidak mahu keluar berjuang pada jalan Allah dan sekali gus tidak membelanjakan harta mereka pada jalan Allah. Jadi, untuk itu Allah S.W.T menurunkan ayat perintah, hendaklah kamu membelanjakan harta kamu pada jalan Allah dan jangan sekali-kali kamu campakkan diri kamu dalam kebinasaan.

Dalam erti bahawa tidak membelanjakan harta pada jalan Allah dan yang kedua tidak mahu keluar berjihad pada jalan Allah itu memberi erti bahawa mencampakkan diri di dalam kebinasaan. Itu makna asalnya, bukan di sebaliknya. Sekarang ini ayat ini digunakan oleh Kementerian Penerangan dan saya minta, setujukah Yang Berhormat supaya ulama-ulama dalam UMNO supaya membetulkan kefahaman ayat ini supaya tidak dikelirukan dan rakyat tidak terkeliru dengan kenyataan-kenyataan ini, setujukah?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Setuju sangatlah tetapi walau pun saya setuju tetapi saya yakin ulama UMNO tidak berani hendak membetulkan perkara ini. Sedangkan Perdana Menteri sendiri Presiden UMNO waktu membaca ayat Al-Quran di dalam persidangan UMNO dahulu iaitu ada satu ayat yang dibacakan, saya terlupa ayat itu, tidak dibetulkan. Sampai ke RTM disiarkan berbulan-bulan baharulah dibetulkan. Ada yang tidak kena dari segi *mahraj* yang tidak kena, yang pendek dipanjangkan, saya lupa ayat ini, kalau saya ingat, saya akan bacakan balik ayat yang dibacakan oleh Perdana Menteri ketika itu.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bachok bangun.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya!

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Menyambung kepada ayat Surah Al-Baqarah tadi, satu tafsir yang dikemukakan oleh pihak Dr. Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar* yang menghujahkan bahawa ada segolongan ulama yang dikenali sebagai ulama *ussuk* yang telah diupah oleh pihak penjajah pada masa itu untuk menggunakan ayat [*Membacakan sepotong ayat Al-Quran*] Ini sebagai satu sandaran untuk mematikan jihad ataupun semangat perjuangan jihad di kalangan umat Islam dalam menghadapi dan memerangi kuasa penjajah yang menjajah bumi umat Islam pada masa itu.

Jadi, dalam konteks yang sama pihak RTM telah menggunakan ayat, dalam konteks yang sama juga cuba untuk menyindir dasar-dasar Islam yang dibawa oleh pihak Kerajaan Negeri Kelantan dan dalam konteks yang sama juga untuk meletakkan supaya imej buruk kepada perjuangan umat Islam Afghanistan. Jadi, sekali gus ia memberi suatu keadaan yang boleh difahami mengikut tafsir Dr Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar* nya ialah cara RTM itu juga cara meniru penjajah yang menggunakan hujah golongan ulama *ussuk* ini untuk mematikan perjuangan Islam dalam konteks yang sama. Minta penjelasan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bachok. Memang kalau kita lihat dan perhati betul-betul sekarang ini, banyak di

kalangan pemimpin UMNO cuba mencari jalan bagaimanakah untuk mencelarukan pemikiran rakyat dengan hujah-hujah yang digunakan. Mereka ini sentiasa menggunakan ulamak untuk kepentingan politik mereka, menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.

Walaupun mereka ini tuduh kita tetapi jelas bagi orang yang memerhati, orang yang cerdik pandai di zaman sekarang ini, melihat cara dan corak aliran pemikiran pemimpin-pemimpin UMNO yang sentiasa mencari jalan untuk mencelarukan pemikiran rakyat sekarang ini, terutama sekali rakyat di zaman mutakhir ini, rakyat sudah sedar, sedang mencari ketenangan jiwa, sedang mencari satu jalan yang lebih baik daripada apa yang ada sekarang ini, tetapi pemimpin-pemimpin UMNO cuba mencelarukan pemikiran rakyat di zaman akhir ini.

Tuan Yang di-Pertua, gelaran pemimpin kerajaan dalam soal aurat....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Bangun sudah! *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Boleh, boleh!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya dengar ucapan Yang Berhormat dari luar, sebab itulah saya masuk.

Tadi Yang Berhormat kata UMNO cuba mengelirukan rakyat dengan isu agama. Saya hendak tanya Yang Berhormat, sejak akhir-akhir ini PAS juga memainkan peranan yang sama, contohnya dalam *Harakah*. Mengapa dalam *Harakah* ini, versi Bahasa Inggeris kata ulamak boleh dikritik dan dia bukannya nabi, tetapi, pendirian PAS pula sebenarnya memberikan penghormatan yang tinggi kepada ulamak kerana dia adalah pewaris nabi?.

Jadi, di dalam *Harakah* juga telah bercanggah dan Ketua Pemuda PAS kata, dia hendak buat penyiasatan macam mana percanggahan ini boleh berlaku. Sudahkah penyiasatan ini dibuat? Dan mengapa percanggahan ini boleh berlaku di dalam *Harakah* sendiri?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya! Terima kasih. Barangkali Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak faham.

PAS tidak mengatakan tidak boleh dikritik ulamak PAS tetapi tidak boleh dicerca. Maksud dicerca ini, tidak boleh kata hodoh pada ulamak. Kritik tidak apa, itu biasa kritik, oleh sebab itu mursidul-am PAS telah menjawab dengan jelas bahawasanya ulamak boleh dikritik tetapi tidak boleh dicerca, tidak boleh dihina.

Dan, Ketua Pemuda suruh siasat, biasalah. Siasat itu, biasalah. Itu siasat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ada lagi? Ha! Boleh!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Lampu pembesar suara tidak menyala]* Sudah tutuplah. Terima kasih, akhir sekali hendak bertanya Yang Berhormat: Kalau mursidul-am kata boleh dikritik, tidak boleh dicerca tetapi baru-baru ini saya tengok televisyen, tidak tahulah kalau Yang Berhormat kata itu sandiwara. Mursidul-am PAS ini mengeluarkan perkataan 'barua' kepada seorang yang kita tengok sebagai tokoh agama. Jadi, bukankah itu merupakan satu caci ataupun kritik. Tetapi itu dalam televisyenlah. Mungkin Yang Berhormat kata itu sandiwara atau rakaman palsu dan sebagainya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tidak mengatakan apa yang ditunjuk dalam televisyen itu tidak betul dan perkataan itu pun memang perkataan betul. Bagi orang Kelantan perkataan 'barua' itu biasa sahaja, orang yang diperalat. Seperti kata begini, serupa Yang Berhormat jadi barua UMNO, Yang Berhormat menjadi barua Perdana Menteri, biasalah. Apa yang Perdana Menteri suruh, Yang Berhormat buat, itu biasalah. Alat, perkakas, itu makna barua.

Bagi orang Kelantan maksud barua ini, kalau kita orang suruhan lain sikit. Kalau kita orang suruhan ini

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Nanti! Saya hendak hurai dahulu. Kalau kita

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya hendak hurai dahulu! Nanti dahulu! Ini *my floor, my floor!* Nanti saya hendak huraikan dahulu!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Nanti, saya hendak hurai dahulu! Duduk dahulu! Duduk dahulu!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Duduk dahulu! Ini tidak faham ni! Duduk dahulu!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini yang orang kata tidak faham!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat,

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya baru hendak hurai makna 'barua'. Barua ini*[Disampuk]*. Duduk dahulu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan padang bola sepak!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini tidak faham! Ini betul-betul barua!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Inilah betul-betul barua! Orang panggil ini, maknanya apabila Perdana Menteri suruh.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung, sila gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya. Saya hendak gulung.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Hendak gulung sekejap ni.

Ternyata sekarang ini bahawasanya ramai di kalangan UMNO ini tidak faham, bukan tidak faham cara memikir, bahasa pun tidak faham lagi! *[Disampuk]* Kalau bahasa tidak faham, jauh lagilah hendak faham cara pemikiran PAS, jauh ketinggalan.

Jadi, kesimpulannya satu perkataan yang disebut oleh PAS, itu pun tidak faham. *[Ketawa]* Nampak bahawasanya ternyata sekarang ini

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ternyata sekarang ini sebahagian besar di kalangan pemimpin-pemimpin UMNO hanya menjadi barua Perdana Menteri!

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepang.

11.40 pagi

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Bertenang, bertenang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu bolehkah saya bertanya masa yang dihadkan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 20 minit.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan usul menjunjung kasih di atas ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang perbahasan yang telah saya ikuti, pelbagai isu telah dibangkitkan oleh pihak pembangkang dan kerajaan. Seperti biasa pihak pembangkang tidak lekang dari isu-isu lama seperti pembaziran projek-projek mega, kebebasan media yang terbatas, konsert jihad dan sebagainya. Memang mudah untuk mereka mengkritik, tetapi apakah yang boleh mereka, terutama sekali PAS, tonjolkan sebagai bukti kelebihan mereka dari apa yang dikritik dan dicemuh?

Tuan Yang di-Pertua, umat Islam baru sahaja menyambut Maal Hijrah 1423 pada 15 Mac yang lalu. Dan sempena dengan tahun baru Islam ini, saya ingin mengajak Ahli-ahli pihak pembangkang supaya berhijrah daripada alam fantasi ke alam realiti untuk mengubah pemikiran mereka yang sempit. Selama ini segala tohmahan dan dakwaan mereka jelas meleset dan berdolak-dalik yang bertujuan untuk mengelirukan rakyat semata-mata. Dalam banyak hal pendirian mereka tidak konsisten, selalu berubah-ubah sebagai cara untuk menghalalkan tindakan mereka mencapai matlamat politik mereka yang sempit.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam, mereka seperti cacing kepanasan dan dengan angkuhnya membantah. Tetapi apakah bentuk model negara Islam yang hendak mereka ketengahkan? Ala Talibankah? Ala Irankah? Yang ditunggu-tunggu tidak tiba. Sebaliknya ajaran tentang penggunaan kata-kata kesat seperti 'Firaun', 'Mahazalim', dan baru-baru ini pula seperti di dalam Dewan yang mulia ini sebentar tadi perkataan 'barua' dihalalkan oleh pihak parti lawan.

Inilah golongan manusia yang tidak berhati perut, yang sewenang-wenangnya memanggil saudara se Islam dengan gelaran yang dilarang dalam Islam. Saya percaya, sejak kebelakangan ini mereka mulai merasa cemas dan tertekan kerana banyak isu tempatan dan global tidak memihak kepada mereka. Sokongan rakyat di kedua negeri yang diperintah oleh PAS telah nampak kehakisan kepercayaan rakyat.

Yang paling ketara ialah penghijrahan penduduk termasuk belia dan beliawanis seramai 310 ribu orang dari negeri tersebut ke negeri-negeri lain untuk mencari rezeki sehingga yang tinggal hanyalah warga tua, wanita dan kanak-kanak. Seheinggakan Kerajaan Kelantan sedang berusaha mencari pendekatan bagi membendung penghijrahan belia dan beliawanis negeri itu yang gemar merantau ke negeri lain untuk mencari pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Kelantan dan Terengganu berkembang maju, tidak perlulah warganya berhijrah ke negeri lain terutama di ibu kota dengan bekerja di KLIA, Sepang, Putrajaya, Kuala Lumpur Sentral dan KLCC yang dikatakan projek mega yang membazir itu. Saya percaya pihak pembangkang sedar bahawa kewujudan projek-projek tersebut telah membuka banyak peluang pekerjaan dari tahap rendah hinggalah ke tahap berstatus tinggi.

Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional mempunyai perancangan yang jauh bagi menyediakan pekerjaan kepada rakyat, bersesuaian dengan kedudukannya sebagai pemerintah yang bertanggungjawab dan prihatin akan nasib rakyat, tidak kira keturunan, bangsa dan kenegerian.

Ini juga membuktikan bahawa projek-projek mega itu bukanlah membazir, sebaliknya satu usaha kerajaan untuk menjana kegiatan ekonomi negara dari dalam. Inilah usaha dan jihad yang Kerajaan Barisan Nasional perjuangkan bagi membuktikan negara Islam seperti Malaysia mampu berdikari tanpa bantuan IMF dan derma simpati dari negara asing. Malah kita bersyukur kerana dapat memberi bantuan yang termampu kepada negara Islam lain yang malang seperti Afghanistan, Indonesia dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sejak PAS memerintah negeri Kelantan dan Terengganu, masalah-masalah sosial seperti kes rogol, kes hamil luar nikah, sumbang mahram dan lain-lain tidak juga berkurang. Paku dulang paku serpih, mengata orang dia yang lebih.

Mengikut laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu. Kes remaja hamil luar nikah akibat pergaulan bebas meningkat 11 kes pada tahun lepas berbanding empat kes pada tahun sebelumnya. Kes penderaan kanak-kanak meningkat 24 kes berbanding 17 kes pada tahun sebelumnya. Statistik kes jenayah di seluruh negara pula bagi tahun 2001 pula menunjukkan negeri Kelantan berada di tangga yang teratas dan negeri Terengganu di tangga yang ketiga.

Jelasnya negeri-negeri di bawah pemerintahan PAS tidak nampak perbezaannya dari negeri-negeri lain. Kesimpulannya, Kerajaan Parti PAS di kedua-dua negeri tersebut bukan sahaja telah gagal mengatasi masalah sosial di negeri masing-masing, bahkan telah memburukkan lagi keadaan, samalah seperti perumpamaan Melayu seperti ketam mengajar anaknya berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan bersuara melalui media dan ceramah telah lama wujud di negara ini. Sebab itulah akhbar pembangkang seperti *Harakah* dan lain-lain tabloid berada di pasaran. Mengikut pendapat seorang ulama terkenal, [Al-Syeikh Al-Muttawali As-Syaqrawi](#) [*Disampuk*] Kebebasan mutlak sebenarnya tidak wujud pada setiap insan yang hidup dalam sebuah masyarakat kerana manusia yang rasional amat menyedari bahawa suatu *order*, dengan izin, atau peraturan adalah diperlukan dalam apa jua interaksi.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:Sosial manusia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Malah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Mas.

Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Biar saya habiskan dahulu Yang Berhormat. Malah tidak wujud demokrasi ala rimba jika masih berkeras, saya ingin mengesyorkan, pergilah memencilkan diri daripada orang ramai dan hidup bersendirian, mungkin di dalam hutan.

Seorang ahli falsafah Perancis, [Jacques](#) pula mengatakan bahawa, "*Man are born free, yet everywhere they are in chains.*" Manusia dilahirkan bebas tetapi di mana-mana adalah terikat. Kebebasan itu ada had dan batasannya. Ia boleh terjadi secara semula jadi melalui undang-undang seperti saman malu ataupun peraturan tertentu seperti pelesenan. Sebagai contoh, akibat daripada kebebasan media yang melampau di Barat, kita telah melihat Puteri Diana mengalami nahas kemalangan akibat buruan jurugambar *paparazzi*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pemimpin wanita, saya menyedari bahawa taraf kesihatan yang baik penting bagi wanita dalam memajukan negara. Ini kerana wanita menyumbang 44.5% tenaga kerja, di samping menjadi aset penting dalam menjana keluarga yang bahagia.

Walau bagaimanapun, kita dapati bahawa ramai wanita terutamanya ibu tunggal dan mereka yang mempunyai pendapatan rendah mengalami masalah kesihatan yang serius sehinggakan memerlukan kos rawatan yang begitu tinggi. Mereka tidak mempunyai alternatif dan saluran yang betul untuk mendapatkan bantuan kewangan sehinggakan adakalanya terpaksa merayu kepada saudara-mara, meminta bantuan dari orang ramai melalui akhbar, media massa ataupun ceti-ceti haram. Adakalanya rayuan dan bantuan mereka ini tidak mendapat simpati masyarakat dan akhirnya, mereka terpaksa berserah kepada takdir.

Masalah kesihatan wanita dan kanak-kanak perlu diberi perhatian. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya, jumlah kes kanser payu dara di kalangan wanita meningkat sebanyak 240 kes pada tahun 2001 berbanding 60 kes pada tahun 1994. Selain itu, 128 kes leukemia dan kanser rahim sebanyak 165 kes. Malah kanak-kanak juga ramai yang mempunyai masalah kesihatan seperti jantung berlubang, kanser, leukemia dan masalah mata yang memerlukan rawatan yang menelan kos yang begitu tinggi.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk menubuhkan Tabung Kesihatan Wanita dan Kanak-kanak bagi menjamin kualiti kesihatan yang baik dalam masyarakat terutama kepada golongan yang tidak berkemampuan seperti mana tabung pendidikan diwujudkan dengan sedikit pengubahsuaian.

Dengan wujudnya tabung ini, kita berharap badan-badan korporat, NGO dan orang ramai akan dapat menghulurkan derma kepada tabung ini. Kementerian juga boleh menjalankan pelbagai program seperti konsert seni, *jogathon*, sukan dan lain-lain untuk mendapatkan dana kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kejadian kebakaran hutan tanah gambut berhampiran KLIA di Sepang tempoh hari, saya sempat meninjau kawasan yang terbabit dengan lebih dekat kerana ianya kerap berlaku terutama di musim kemarau. Saya sungguh terharu dan kagum melihat komitmen dan semangat anggota bomba, polis dan anggota keselamatan yang lain dalam kerja-kerja mengawal dan memadamkan api daripada merebak.

Keadaan kebakaran yang melibatkan tanah gambut amat berbeza sekali dengan kebakaran yang *conventional*, dengan izin, kerana walaupun api sudah padam tetapi baranya masih hidup beberapa kaki di bawah permukaan tanah. Oleh itu, anggota-anggota ini terdedah kepada risiko yang amat tinggi seperti terjerlus ke dalam tanah yang masih terbakar itu. Saya mendapati anggota kita tidak dibekalkan dengan kelengkapan yang secukupnya seperti kasut kalis api yang panjang dan sarung tangan kalis api untuk kerja-kerja tersebut.

Memandangkan kejadian kebakaran hutan yang melibatkan tanah gambut sering berlaku di musim panas dan melibatkan kawasan yang besar dan anggota kerja yang ramai, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sepatutnya sudah mempunyai kelengkapan pakaian yang secukupnya. Jangan sampai sudah terhantuk, baru tengadah.

Begitu juga saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kementerian bercadang untuk menginsuranskan anggota keselamatan ini secara berkelompok sebagai rasa bertanggungjawab atas keselamatan anggota berkenaan sekiranya berlaku sebarang musibah?

Bagi mengatasi masalah kekurangan air pula, terutama di kawasan hutan yang sering terbakar dan sukar dimasuki, saya ingin mencadangkan agar dibuat satu laluan air atau sistem perparitan sama ada daripada laut ataupun sungai ataupun lombong atau tasik yang berhampiran menuju ke dalam kawasan berkenaan bagi tujuan *flooding*, dengan izin, dan pengairan ini dikawal pula dengan menggunakan pintu kunci sekiranya perlu, bukan menunggu kebakaran baru kita hendak bertindak. Tambahan lagi, sistem perparitan ini akan dapat meningkatkan *water table*, dengan izin, di kawasan tersebut dan menghindarkan kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menyokong usaha Kementerian Pendidikan yang ingin memberi cuti tahunan kepada para guru. Ini bagi memastikan para guru dapat menjalankan tugas dengan lancar tanpa tekanan atau *stress*, dengan izin, yang melampau setelah berehat. Para guru selama ini tetap menjalankan tugas

sewaktu cuti seperti menyemak kertas peperiksaan dan mengawal proses peperiksaan serta terlibat dalam pelbagai kegiatan kokurikulum sewaktu musim cuti persekolahan.

Namun begitu, kita perlu juga melihat masalah guru yang dikatakan terlalu dibebani dengan tugas-tugas perkeranian. Ini diluahkan sendiri oleh para guru kita yang tidak mahu tugas mereka sebagai pendidik dan pengajar diganggu dengan tugas perkeranian seperti mengutip yuran, melengkapkan urusan pendaftaran pelajar, menguruskan proses semakan peperiksaan pelajar, menguruskan sukan, penyediaan pentas dan protokol sewaktu majlis-majlis tertentu dan sebagainya.

Kita berharap guru-guru pada masa akan datang tidak lagi terbeban dengan tugas yang bukan menjadi skop dan bidang tugas mereka. Jadi, saya ingin membuat cadangan, saya mencadangkan sekiranya wajar agar tugas-tugas ini dikendalikan oleh siswazah di bawah Skim Latihan Siswazah Menganggur seperti mana yang diserap di beberapa agensi kerajaan dan swasta pada hari ini.

Dengan yang demikian, para siswazah ini tidak perlulah berhijrah ke bandar-bandar yang terpaksa menelan kos yang besar, sedangkan pendapatan hanya berjumlah RM500 sebulan. Ini mungkin bersikap sementara. Dengan cara ini juga, mereka dapat berkhidmat di sekolah-sekolah di sekitar kawasan tempat tinggal mereka. Situasi ini turut juga mendedahkan para siswazah kepada dunia pentadbiran dan perkeranian.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Shah Alam.

11.55 pagi

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberi kepada saya

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Shah Alam, Seputeh hendak minta penjasankah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya panggil dia Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya dengar Shah Alam. *[Ketawa]* Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Ketawa]* Saya ingat hendak minta penjelasan. Belum mukadimah baru hendak sampai.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil serta dalam perbincangan usul yang dibawa oleh Bagan Datok dan disokong oleh Kulim-Bandar Baru...

Seorang Ahli: Padang Serai.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Padang Serai, *sorry*. ...Atas menjunjung kasih ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di Dewan yang mulia ini. Shah Alam turut memanjat rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin serta hinayahNya, Tuanku dapat berangkat ke Dewan yang mulia ini dan menyampaikan Titah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk membicarakan perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura dan di atas isu yang mutakhir ini berhubung kait dengan penambakan laut di perairan Pulau Tekong. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum perkara ini telah pun dibahaskan dan dibangkitkan oleh beberapa rakan dalam Dewan yang mulia ini. Kalau kita mendapat maklum balas melalui media massa, nampaknya pihak Singapura masih lagi berdegil dan ingin meneruskan usaha ini tanpa mengambil kira tentang perkara-perkara yang kita khawatir yang akan berlaku terutama yang berhubung kait tentang bagaimana port kita Tuan Yang di-Pertua, di Tanjung Pelepas ini mampu

berdaya saing dalam pasaran perdagangan yang global pada hari ini, yang menuntut supaya kita menyediakan prasarana yang kompetitif, supaya kita boleh menjadikan Malaysia ini pusat perdagangan yang menggalakkan dalam cabaran dunia globalisasi dan liberalisasi yang ada pada hari ini. Tetapi yang sedihnya Tuan Yang di-Pertua, dan saya masih ingat apabila kami daripada beberapa orang di kalangan Ahli Parlimen dipanggil untuk makan tengah hari dengan Senior Minister Lee Kuan Yew dalam lawatan beliau baru-baru ini ke sini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]
mempengerusikan Mesyuarat]

Saya masih ingat apabila beberapa persoalan diutarakan kepada beliau tentang pandangan beliau terhadap cabaran ASEAN dan juga bagaimana perhubungan dua hala di antara Malaysia dan Singapura ini boleh diperhebatkan dan dicetuskan. Tetapi yang jelas pada masa itu, dia kata, dia masih yakin bahawa jenis pemimpin Islam daripada UMNO ini dia lebih yakin untuk berurusan daripada PAS. Itu satu..

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap, sekejap saya tidak habis lagi. Yang kedua, dia beritahu bahawa falsafah kita berjiran ini ialah untuk menentukan *survival* Singapura. Jadi, Singapura mesti berubah dari segi cara hendak berurusan dengan jirannya iaitu dengan konsep *prospering your neighbour*. Maknanya kalau *neighbour* dia maju dia pun akan jadi maju. Itu yang saya ingattlah. Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Shah Alam. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Shah Alam berhubung dengan isu Singapura ini sudah banyak sangat kita bercakap walaupun tidak jemu. Sama ada Yang Berhormat bersetuju kalau kita suruh DAP ini pergi jumpa dengan Lee Kuan Yewkah atau pemimpin-pemimpin Singapura ini buat bantahan. Kalau kita tengok rakan mereka PAS menunjukkan bantahan. Jadi, macam mana sikap DAP ini, berani atau tidak mereka buat bantahan kepada pemimpin Singapura ini terutamanya Lee Kuan Yew kerana saya bimbang, takut mereka pun ada permainan politik dalam Pilihanraya Ketari ini. Minta sedikit penjelasan. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak *respond* kepada perkara yang Yang Berhormat bangkitkan itu, saya teringat ucapan daripada Kota Melaka bila kita semua bangkit membicarakan tentang sikap Singapura ini dan kadang-kadang kita terbabas sedikit, *emotional* sedikit. Jadi, dia beritahu yang bahawasanya apa yang diucapkan kita mesti berhati-hati hendak jaga perasaanlah kononnya.

Tetapi kadang-kadang bila kita berhadapan dengan isu yang begini sensitif dan *emotional* yang saya terima saya rasa kadang-kadang kita berasa emosi adalah satu perkara yang menjadi naluri kepada kita semua. Tetapi untuk mencadangkan supaya mereka ini beramai-ramai turun ke Singapura buat bantahan, saya ingat mereka pun hendak kena fikir banyak kalilah sebabnya dalam perkara-perkara ini saya fikir soal pokok ialah soal yang lebih besar bagaimana kita menangani masalah ini.

Saya hendak sebut perkara ini Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya kalau inilah konsep yang diketengahkan oleh Senior Minister Lee Kuan Yew, apabila dia berjumpa dengan kita dan pemimpin-pemimpin di Malaysia ini tetapi realitinya, amalannya adalah tidak melambangkan semangat untuk *prosper your neighbour* kerana bukan hanya isu yang berhubung kait dengan Pulau Tekong ini dan kita sedia maklum bahawa Pulau Batu Putih sekarang ini pun telah diangkatkan kepada peringkat mahkamah dunia yang lebih tinggi untuk menentukan kesahihan Pulau Batu Putih ini milik Singapura ataupun milik Malaysia.

Baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa pihak Singapura sedar dan maklum masalah *traffic* untuk berhubung antara *causeway* ini dan ada cadangan supaya *causeway* ini dipecahkan balik dan dibuat jambatan dan ini akan menentukan bahawa pengairan di kawasan Selat Tebrau itu dia 360 *degree*. Tetapi kononnya maklum balas yang kita terima bahawa kerajaan Singapura tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana ada nostalgia terhadap *causeway* ini walaupun ianya membebankan rakyat Malaysia.

Daripada segi logiknya kita tidak dapat ini sebagai satu benda yang sentimental sehinggalah untuk membuat balik *causeway* ini supaya kapal boleh lalu di bawah. Saya fikir ini adalah satu muslihat dan perancangan yang sengaja dibuat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, apabila saya *surf the net* tengok konsep Singapura 2050 memang ada penambakan kawasan-kawasan persisiran dan akhirnya ia akan menghimpit kita punya *international boundary* dan akhirnya memberikan kesan yang cukup besar kepada kita punya *deep water channel* yang akan memudahkan kapal. Sehinggalah ke hari ini Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman bahawasanya ...

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Bahawasanya Kerajaan Singapura memberikan syarat bahawa mana-mana kapal yang membawa bahan-bahan bahaya, bahan-bahan toksik dia hendak supaya mereka menggunakan kepakaran *pilot* yang ada *the master of the foreign-going ship*. Maknanya *pilot* yang membawa kapal ini dengan tug boat daripada laut dalam masuk ke dalam *channel*. Dan ini mengenakan kos yang tinggi kepada pelabuhan kita. Ini sebagai satu

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Wangsa Maju berdiri Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak? Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...Sebagai satu usaha yang saya kira untuk mensabotajkan kita punya itu. Dan ini konsep yang *prospering your neighbour* ini orang kata cakap tidak serupa bikinlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat sahabat saya daripada Shah Alam. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat ada dua perkara tadi, nombor satu tentang konsep '*prosper thy neighbour*' tadi dan kalau kita nampak penambakan yang sedang dilakukan di Singapura ini, pasir-pasir ini didapati daripada perairan di luar Johor atau *international waters* - dengan izin - di Johor dan juga daripada Indonesia. Adakah suatu yang munasabah untuk kita memberi pasir kepada Singapura untuk kerja-kerja *reclamation* mereka? Dan soalan kedua tadi tentang nostalgia Yang Berhormat sebut tadi. Jikalau pihak Singapura tidak setuju dengan pihak Malaysia untuk merobohkan *causeway* yang ada itu, adakah Yang Berhormat setuju yang kita merobohkan setengah saja *causeway* kita dan membuat suatu jambatan supaya boleh dilaluinya dan juga kita dapat juga satu *waterway* daripada Tanjung Pelepas kepada Pasir Gudang? Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pada dasarnya cadangan daripada Yang Berhormat itu kalau bahagian kita punya *causeway* itu dirobah, sudah tinggal dan sudah jadi macam *cantilever*. Lepas itu kita boleh buat supaya kapal kita boleh belayar. Saya ingat itu ke kena buat kajian, kemungkinan daripada dia punya *engineering feasibility* Yang Berhormat. Saya hendak sebutkan perkara ini kerana saya lihat bahawasanya setiap kali bila kita berhadapan dengan isu dengan Singapura ini, saya kadang-kadang terasa bahawa dalam perbincangan kita, dalam perundingan kita, mahupun di peringkat pegawai-pegawai kerajaan ataupun di peringkat diplomatik, saya rasa kita selalu - dengan izin Yang Berhormat Dato' Pengerusi - kita berada dalam a *position of weakness*, kita berada dalam satu kedudukan yang lemah, kononnyalah. Tapi sepatutnya kita kena *capitalize* kita punya kekuatan.

Saya yakin bahawa Malaysia tetap ada kekuatan daripada segi untuk berunding dengan mana-mana pihak terutama pihak Singapura perkara-perkara yang berhubung-kait dengan kepentingan dua hala sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, daripada segi perjanjian untuk *supply raw water* ini di Singapura walaupun kita sedar bahawa perjanjian sudah termeterai sebelum merdeka dan kemudian dan ada perjanjian baru pada tahun 1961 tetapi dari segi logiknya bahawa harga yang ditawarkan dengan izin 3 sen per 1,000 gallon yang kita *supply* di sana bukannya *supply* paip itu pergi ke Singapura, *treatmentnya* di Johor. Tapi kalau kita ambil contoh China *supply* kepada Hong Kong dia RM8 per gallon.

Saya buat *quick calculation* sama ada *calculation* saya ini benar ataupun tidak boleh kita *verify* - dengan izin - *based on the present water supply, at 3 sen* saya *calculate* selama 41 tahun, kita cuma dapat bayaran RM134.685 billion sahaja selama 41 tahun. Tapi kita jangan ambil, kadar yang digunakan di China kepada Hong Kong RM8, kita ambil *at 3 dollars*. Kalau *at 3 dollars* saya ingat hari ini kalau kita boleh tuntutan kepada Singapura supaya dia tidak payah kira *principal interest* dengan *penalty interest* ataupun *compounded interest*...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi jalan Yang Berhormat? Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap, sekejap ya, saya hendak habiskan ini dengan dia punya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak habis sudah, masa Yang Berhormat pun sudah habis.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: ...*Compounded interest* dekat RM3 bahawa hari ini kerajaan Singapura berhutang dengan rakyat Malaysia sebanyak RM13.468 billion juta.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya tertarik dengan perbincangan perbahasan yang dikemukakan awal tadi mengenai dengan tambakan laut Singapura dan beberapa jangkaan implikasi buruk terhadap kerja-kerja tambakan ini dijangka seperti mana yang disebut tadi boleh menghalang laluan kapal air dalam dan boleh jadi juga membawa kesan kepada pelabuhan dan mencemarkan kedudukan Selat Tebrau itu sendiri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat perkara-perkara yang sebegini dengan Singapura ini banyak perkara berulang termasuk disebut tadi Pulau Batu Putih.

Jadi, kalau kita sebenarnya Kerajaan Malaysia serius dalam benda ini, apakah kita tidak boleh menggunakan suatu sama ada dalam bentuk undang-undang atau sebagainya untuk *injection* dalam kerja-kerja macam ni untuk kita kenal pasti dulu, buat kajian, buat penyelidikan apakah implikasi baik buruk, kalau didapati lepas daripada itu baik, baru dia boleh teruskan kerja tetapi sekarang didapati ini kita duduk bercakap dia buat kerja juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat, masa pun sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Ya, terima kasih Yang Berhormat, untuk maklumat Yang Berhormat bahawa kerajaan kita mengikut Wisma Putra telah pun *officially* - dengan izin - *to file the protest* itu di peringkat diplomatik. Jadi, yang itu saya tidak hendak jawablah, menteri boleh jawab tapi yang saya lanjutan ini saya hendak sebut yang pentingnya daripada segi soal apa yang kita boleh kawal, saya hendak bercakap *on the position of strength*, soal *water*, soal benda-benda pasir dan tanah ini kita punya *strength*, saya pun setuju dengan Wangsa Maju kenapa kalau hendak tengok dari segi Singapura, dia punya rupa bumi ni bukan bukit-bukau sangat, pasir dia pun bukan banyak jadi dia hendak tambah menjadikan dia punya pulau luas lebih 30%.

Takkan pasir dan tanah daripada Riau dari Bentan hendak kena *import*, tentulah daripada Johor dan kita hendak supaya pemimpin-pemimpin Johor menentukan jangan bagi satu inci pun tanah dan pasir 'diimport' ke Singapura dan bagaimana hendak dan ini satu perkara dan kalau hendak buat, bincang dan *negotiate* balik. Macam soal satu perjanjian air ini yang pada saya satu perjanjian yang tidak munasabah, kita macam 'Gambut *Policy*' ini dahulu tahun 1961, Pokok Sena adalah hendak beritahu tetapi ini keputusan yang dibuat tahun 1961.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa sudah cukup, sudah habis.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Dungun, Dungun.....Ya, ya tidak apa.

12.14 tgh.

Dato' Mustafa bin Ali [Dungun]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua dengan keizinan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Ucapan Yang sedang kita bincangkan sekarang. Kita telah mendengar banyak ucapan dan saranan bagi kebaikan negara kita, saya mungkin hanya menyentuh tidak banyak perkara dalam waktu yang diizinkan kepada saya. Di antaranya ialah bahawa untuk pembangunan dan pembinaan negara kita dalam *nation building* ini memerlukan beberapa prasyarat yang sangat kita perlukan yang sama-sama kita bertanggungjawab dalam menyediakan suatu suasana yang *conducive* untuk dan ke arah pembinaan itu.

Satu perkara yang ingin saya sebut, bahawa baru-baru ini secara kebetulan saya telah ditemui oleh seorang penulis dan pengkaji politik Malaysia, saya pernah kenal nama tetapi belum pernah kenal dekat tetapi dalam perbincangan di dalam banyak perkara beliau sedang menulis kajian tentang politik Malaysia yang akan diterbitkan dan sedang menambahkan satu bab yang mengenai keganasan. Barangkali dia mendapat inspirasi itu daripada peristiwa 11 September tetapi di dalam kajian yang dihubungkan dengan politik negara Malaysia, dihubungkan dengan isu keganasan ini dia telah mencapai semacam satu kesimpulan bahawa salah satu daripada perkara yang sangat penting yang menghambat pembangunan dan pembinaan negara kita sekarang ialah budaya ganas yang wujud dalam politik parti yang memerintah. Terutama sekali budaya ganas yang wujud di dalam politik UMNO sebagai teras dan tulang belakang kepada pemerintah negara kita sekarang.

Dalam perbincangan yang agak panjang memang perkara ini pernah saya dalam *observation*, pengamatan melihat walaupun saya tidak menggunakan perkataan ganas dan keganasan pada waktu itu. Mungkin pada waktu yang lepas saya hanya menggunakan perkataan 'kezaliman, penindasan' tetapi apabila dilihat senario ini dalam dimensinya yang luas mungkin perkataan ganas ini sesuai digunakan kepada budaya politik UMNO terutama sekali yang memerintah negara kita yang sedang berlaku sekarang telah dilakukan, sedang dilakukan dan mungkin kalau tidak disekat akan berlaku pada masa yang akan datang.

Kita tahu bahawa setiap parti politik mempunyai agenda politiknya sendiri. setiap parti politik mengkehendaki bahawa agenda pembangunan negara itu akan dapat dilaksanakan apabila mereka memerintah negara. Soal untuk meletakkan keadilan, untuk menyediakan satu suasana yang harmonis, untuk mewujudkan perpaduan dalam negara, semua parti politik bercakap tentang ini. Tetapi berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh penulis ini dan bersamaan dengan kajian yang saya buat sendiri bahawa agenda politik UMNO khususnya dalam mentadbir negara ini mengatasi prinsip-prinsip asas yang sejagat, yang universal termasuk untuk meletakkan, menegakkan keadilan, menegakkan kesaksamaan, mewujudkan keamanan, maka agenda politik UMNO ini mengatasi segala kepentingan-kepentingan yang seperti ini. Ertinya mereka sanggup mengorbankan prinsip keadilan, mereka sanggup mengorbankan prinsip kesaksamaan, mereka sanggup mengorbankan hatta keselamatan itu sendiri demi untuk mencapai agenda politik yang menjadi agenda terus menerus sejak mereka mengambil alih pemerintahan negara ini sehinggalah barangkali mudah-mudahan yang akan datang itu tidak begitu, tetapi pada waktu ini masih berlaku.

Apakah contoh-contoh yang boleh kita katakan bahawa apabila kita menyebut budaya ganas ini menjadi budaya dalam politik UMNO, apakah contohnya? Kerana kita tidak boleh bercakap secara *simplicity* yang seperti itu tanpa mengemukakan contoh-contoh yang boleh mengukuhkan hujah yang kita katakan. Banyak Tuan Yang di-Pertua, contoh-contoh yang boleh kita kemukakan bahawa pemerintah hari ini yang ditunjangi oleh UMNO telah menggunakan segala-galanya yang mereka boleh gunakan baik media, baik pentadbiran, baik kewangan dan banyak lagi perkara lain semata-mata untuk memenuhi cita-cita dan agenda politik ini. Beberapa perkara yang telah kita alami bersama misalnya tindakan ISA mungkin kita lihat ISA dalam perspektif tahanan tanpa bicara sahaja yang tidak menimbulkan keadilan di dalam sistem kehakiman itu. Tetapi ISA ini ada hubung kait dengan agenda politik UMNO dalam menghapuskan lawan politik mereka dan dengan demikian yang akan *prevail*, yang akan terus wujud ialah hanya mereka dan komponen-komponennya yang memerintah.

Demikianlah buat pertama kalinya ISA ini diperkenalkan, akhir 50-an, awal 60-an walaupun ISA itu diwujudkan untuk menentang komunisme tetapi telah diwujudkan

bagi membanteras kekuatan parti politik yang menjadi saingan kepada UMNO dan komponennya yang lain yang menerima kesan pertama ialah pemimpin-pemimpin PAS pada waktu itu dan seterusnya ia dilakukan hingga hari ini. Ia bukan sekadar tahanan tanpa bicara tetapi ada hubung kait dengan agenda politik untuk memamatkan lawan politik menggunakan kuasa di bawah akta yang saya sebutkan itu.

Selain daripada soal ISA, meletakkan politik takut (*politics of fear*) kepada masyarakat, ancaman kepada lawan politik. Beberapa orang daripada pemimpin-pemimpin PAS walaupun tidak pernah dibicarakan, yang telah dibunuh tanpa diketahui apa sebabnya walaupun kita boleh meletakkan jangkaan tetapi kita tidak boleh meletakkannya secara muktamad kerana tidak ada mahkamah yang membuktikan hal ini yang berlaku kepada Almarhum Samad Bol misalnya, MP Kelantan. Yang berlaku kepada Cikgu Tahrin daripada Perlis yang ditembak dan dikapak secara kejam, selepas itu walaupun *investigation* dibuat tidak tahu siapa pembunuhnya. Osman Talib dalam peristiwa Pilihan Raya Lubok Merbau di negeri Kedah iaitu jelas dilakukan oleh penyokong-penyokong UMNO dan budaya ganas ini bukan sahaja berlaku di kalangan antara UMNO dan bukan UMNO tetapi dalam kajian itu juga melibatkan UMNO sama UMNO apabila mereka berebut untuk menentukan sesuatu kedudukan.

Yang berlaku pembunuhan kepada ahli politik Negeri Sembilan satu ketika dahulu yang sama-sama kita maklum tidak perlu saya sebutkan namanya, ini adalah contoh dalaman UMNO yang menunjukkan bahawa keganasan itu menjadi budaya untuk menghapuskan lawan politik dalamannya bukan luaran. Hari ini di samping soal pembunuhan itu, mengikut kajian ini juga *terrorism* ataupun keganasan perlu dilihat dalam dimensinya yang luas, bukan sahaja keganasan ini dilihat dalam sudut yang fizikal, dari aspek fizikal tetapi perlu dilihat dari sudut mentalnya, emosinya dan pelbagai lagi contoh yang diberikan.

Surat-surat layang yang bertaburan yang memfitnahkan pemimpin-pemimpin tertentu adalah sebahagian daripada rangkaian ganas untuk melumpuhkan pemikiran, untuk melumpuhkan emosi, untuk *destabilize* seseorang itu sehingga mereka menjadi kacau bilau dan tidak dapat menumpukan perhatian kepada perkara yang sepatutnya mereka beri tumpuan. Kajian itu menunjukkan surat layang yang paling banyak didapati dalam politik Malaysia ialah di kalangan pemimpin-pemimpin dan penyokong-penyokong UMNO. Yang lain ada surat layang tetapi yang paling banyak ialah di kalangan UMNO sendiri dan surat layang ini di kalangan UMNO sama UMNO, politik dalaman untuk menjatuhkan dan menaikkan seseorang. Dan kajian itu menyebutkan apabila itu berjaya maka *reward*, penghargaan diberikan kepada orang yang berjaya menjatuhkan seseorang pemimpin dalam UMNO sendiri, ini contoh dalaman Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, oleh kerana itu, dalam sejarah politik kita, saya cuba menyebut ini, rangkaian ataupun rentetan peristiwa yang berlaku yang dihadapi oleh PAS sendiri sebagai sebuah parti yang telah melalui proses demokrasi ini sejak daripada pilihan raya yang pertama tahun 1955. PAS menang pada waktu itu walaupun seorang dan PAS tidak pernah tidak ada wakil Parlimennya dalam setiap Parlimen yang diadakan dalam negara kita.

ISA, saya telah menyebut tadi bermula daripada akhir 1950-an sehingga tahun 1960-an dan seterusnya. Dalam menghadapi pilihan raya tahun 1969, waktu itu diwujudkan budaya ganas tetapi kita tidak gunakan perkataan ganas pada waktu itu, budaya samseng dalam bentuk pemuda tahan lasak yang diwujudkan khusus untuk menakutkan rakyat, untuk melumpuhkan kekuatan parti yang menentang Barisan Nasional dan menentang UMNO dan seterusnya pemuda tahan lasak telah menimbulkan satu keadaan dan suasana politik yang tidak baik dan kita telah melalui peristiwa 13 Mei akibat daripada pilihan raya 1969 yang saya tidak mahu ulas lebih panjang tetapi katanya, dalam kajian ini juga ada hubung kait dengan budaya ganas yang wujud di dalam politik parti yang memerintah pada waktu itu tanpa menyebut siapa orangnya tetapi inilah rangkaian daripada budaya ganas di dalam politik itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, penggunaan media massa, akhbar, televisyen dan sebagainya untuk memenuhi agenda politik UMNO ini, dipergunakan seluas-luasnya dengan segala fitnah yang boleh dilemparkan, dengan segala pembohongan yang boleh dikenakan kadang-kadang kepada peribadi-peribadi tertentu, tidak ada lain ialah supaya agenda politik UMNO ini dapat mengatasi parti-parti yang bersaing dengan UMNO dan parti yang memerintah.

Demikianlah kita lihat bagaimana siaran-siaran yang disebarkan dalam televisyen terutamanya telah banyak disebut oleh rakan-rakan saya dalam Parlimen ini juga, bagaimana video klip tentang Memali, tentang yang lain-lain sengaja diadakan, tidak ada lain untuk menyelamatkan agenda politik UMNO itu sendiri. Ertinya, mereka mempersetankan soal prinsip keadilan, prinsip untuk mewujudkan satu suasana yang harmoni dalam masyarakat, bukan sahaja terhadap peribadi, terhadap orang, terhadap pemimpin tetapi juga terhadap negeri yang diperintah oleh pembangkang.

Demikian yang dilakukan kepada Kelantan, kepada Terengganu yang kita sama-sama maklum, kes royalti yang masih dalam mahkamah. Ini adalah gambaran daripada ketidakadilan yang berlaku semata-mata kerana hendak meletakkan agenda politik UMNO itu.

Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada Yang Berhormat berdiri Yang Berhormat. Machang.

Tuan Haji Yusof bin Mohd. Noor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat bagi Dungun. Apabila Bol-Shevik' mengalahkan Czar dalam sejarah Rusia, Lenin telah membuat *decree* undang-undang yang menyatakan bahawa mana-mana undang-undang yang baik untuk *socialism* adalah undang-undang yang sah. Manakala undang-undang yang tidak membantu pertumbuhan *socialism*, maka undang-undang itu tidak sah. Apakah pandangan Yang Berhormat dalam hal ini berhubung kait dengan royalti di Terengganu itu? Terima kasih.

Dato' Haji Mustafa bin Ali: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Machang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini dalam mahkamah.

Dato' Haji Mustafa bin Ali: Ya, dalam mahkamah tetapi mungkin saya tidak khusus kepada royalti tetapi banyak rangkaian yang lain yang dilakukan oleh parti yang memerintah sekarang. Pengharaman ceramah itu juga agenda politik, bukan soal keselamatan. Demikian juga yang lain. Sementara saya bersetuju dengan Machang, banyak yang dilakukan oleh pemerintah hari ini ialah untuk *to serve the purpose of the political agenda* kepada UMNO, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak boleh lari daripada hakikat rangkaian apa yang telah saya sebutkan.

Royalti ini telah bertukar menjadi wang ihsan di Terengganu. Jumlah wang ihsan tanpa royalti ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua boleh buat satu perbandingan. Jumlah yang dinafikan kepada negeri Terengganu dan rakyatnya, tiga kali ganda daripada seluruh hasil yang diperolehi oleh negeri Terengganu daripada sumber-sumber yang lain. Ertinya, royalti ini menjadi 75 peratus daripada seluruh *revenue* hasil negeri Terengganu selain daripada hasil tanah, hasil hutan dan geran yang wajib yang diberikan oleh Kerajaan Pusat. Inilah negeri Terengganu *survive* dengan hanya 25 peratus daripada apa yang pernah dinikmati 100 peratus oleh kerajaan yang dahulu. Begitu pun, dalam beberapa keadaan kita melakukan lebih baik daripada apa yang mereka lakukan dahulu.

Saya hendak sebut, berbalik dengan soal wang ihsan ini, yang di lihat oleh pemimpin-pemimpin UMNO khususnya bahawa ini satu yang positif kepada mereka tanpa menafikan barangkali mungkin ada kesan-kesan politik yang mereka lihat sebagai positif tetapi ada kesan yang negatif kepada politik UMNO itu sendiri.

Peristiwa yang berlaku mungkin dilaporkan oleh akhbar itu dalam bentuk yang begitu sahaja. Peristiwa yang berlaku dalam Mesyuarat Agung Cawangan Pulau Kerengga, dalam Parlimen Marang negeri Terengganu. Dua kumpulan UMNO bertempur, terpaksa dilarikan oleh polis dan polis hampir menjadi mangsa. Contoh keganasan yang terakhir berlaku di peringkat yang paling bawah dalam hierarki struktur UMNO itu sendiri. Tetapi, kita jangan lihat bahawa ini hanya perebutan kuasa. Sekarang ini, bukan itu sahaja tetapi berlaku juga pergaduhan di beberapa tempat lain. Satu cawangan, Tasik namanya, dalam Parlimen Marang juga belum dilaporkan, berlaku keadaan-keadaan yang seperti ini.

Apakah sebenarnya yang menyebabkan ini berlaku? Ini lagi ada hubung kait dengan budaya politik UMNO bahawa setiap ketua itu mempunyai pengaruh dalam

menentukan projek, menentukan habuan yang akan mereka dapat dan kerana wang ihsan ini terlalu banyak di negeri Terengganu, yang ditaburkan melalui walaupun JPP namanya, tetapi melalui Perhubungan UMNO, melalui Jawatankuasa UMNO itu sendiri dan ini telah menyebabkan mereka telah berebut-rebut hendak jadi ketua dan apabila menjadi ketua, mereka akan menentukan bagaimana pengagihan itu dapat dilakukan. Perselisihan ini berlaku bukan sahaja di peringkat cawangan, berlaku di peringkat bahagian, berlaku di peringkat yang lebih atas.

Tuan Yang di-Pertua, inilah akibat daripada kemewahan yang wujud, yang tidak disalurkan berdasarkan kepada prinsip-prinsip keadilan dan kesaksamaan. Mereka telah menggunakan kesempatan itu untuk mengayakan kedudukan mereka dengan menafikan hak yang sebenarnya, hak yang sah, rakyat negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Mustafa bin Ali: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa.

Dato' Haji Mustafa bin Ali: Masa? Ada beberapa contoh tetapi saya hendak mungkin dalam perkara ini, satu contoh sahaja saya rasa ataupun dua contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukup masanya Yang Berhormat, sudah.

Dato' Haji Mustafa bin Ali: Saya hendak sebut, saya beritahu dahulu saya hendak sebut Aku Janji. Saya hendak sebut yang satu itu, Aku Janji yang dilakukan sekarang ini oleh Kerajaan Pusat yang tadi kita dengar tidak ada pun hendak ajak, hendak paksa orang masuk UMNO. Memang orang yang bodoh sangat buat tindakan seperti itu, tidak ada orang buat sebuah kerajaan hendak paksa orang masuk parti, tidak ada. Tetapi, *indirectly*, menggunakan Aku Janji ini sebagai suatu yang meninggalkan pegawai, kakitangan kerajaan dalam keadaan *tension*, tegang dan dalam keadaan seperti tertunduk kepada Aku Janji, juga kemahuan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup, Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

Dato' Haji Mustafa bin Ali: *Last, ya.* Saya gulung Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Contoh bagaimana tindakan yang tidak rasional dilakukan oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Satu projek besar yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri tetapi ada hubung kait dengan Kerajaan Pusat, industri maritim yang diadakan di muara Sungai Kuala Terengganu sudah diaward tetapi pemimpin-pemimpin UMNO negeri Terengganu telah berkempen supaya rakyat menentang projek itu.

Malah, kempen supaya pemimpin-pemimpin atasan UMNO jangan memberi kerjasama kepada projek ini tetapi alhamdulillah, *good sense still prevails* kepada satu, dua orang pemimpin, tidak menghiraukan itu, jadi projek itu alhamdulillah dan insya-Allah akan berjalan tetapi mereka tergamak sedangkan projek boleh menyediakan peluang pekerjaan, boleh menyediakan prasarana yang sangat baik untuk pembangunan tetapi atas nama kepentingan politik dan agenda politik, mereka sanggup supaya projek ini jangan jadi kerana memenuhi selera agenda politik yang besar, yang telah saya jelaskan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Wangsa Maju. Ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, nampaknya masa kita akan *limit* lagi, kalau tidak, tidak dapat bercakap. Ya Wangsa Maju.

12.35 tgh.

Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sidang menjunjung Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sewaktu perasmian mesyuarat Dewan Rakyat di dalam Dewan yang mulia ini.

Kita berterima kasih kepada kerajaan yang begitu prihatin terhadap pembangunan masyarakat yang seimbang dengan pembangunan negara agar tidak ada satu pun segmen masyarakat yang akan ketinggalan di dalam arus pembangunan negara. Malah kerajaan juga telah memberi pelbagai bantuan, menyediakan pelbagai prasarana dan insentif dalam meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini. Semuanya ini memerlukan wawasan yang hanya dapat dilaksanakan melalui sebuah kerajaan yang bersatu padu dan stabil.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan yang telah menggerakkan pelbagai strategi untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini selaras dengan iltizam Malaysia menjadi sebuah pusat pendidikan di rantau ini. Sudah pastinya dengan pengiktirafan sebegini kita bukan sahaja akan menjadi tumpuan pelajar-pelajar dari rantau ini dan seluruh pelosok dunia, malah kita juga akan dapat mengeluarkan graduan-graduan dan tenaga kerja mahir yang berpengetahuan tinggi, dengan izin, *always in demand*.

Menyentuh tentang pendidikan, saya agak tertarik dengan masalah pendidikan bagi orang-orang kurang upaya di negara ini. Seperti mana yang kita ketahui masih terdapat pelbagai kekurangan daripada segi prasarana persekitaran untuk kemudahan orang kurang upaya di negara ini, sebagai contohnya, perkhidmatan pengangkutan awam dan kemudahan di tempat-tempat kerja. Masalah ini juga berlaku di peringkat pendidikan. Tidak ramai di kalangan orang kurang upaya yang dapat melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi disebabkan kekurangan prasarana, kemudahan dan juga peluang pendidikan untuk insan-insan istimewa ini.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Cacat Penglihatan) di kawasan Parlimen Wangsa Maju adalah satu-satunya sekolah menengah di negara ini yang memberi pendidikan peringkat menengah kepada pelajar-pelajar cacat penglihatan. Ia mendapat sambutan hangat sehingga ada pelajar-pelajar cacat penglihatan dari Brunei mengikuti pembelajaran di sekolah ini. Kekurangan sekolah-sekolah terutama di peringkat menengah untuk pelajar-pelajar ini adalah satu perkara yang saya harap kerajaan dapat memberi perhatian yang sewajarnya. Walaupun bilangan pelajar-pelajar cacat adalah di antara 5%-8% dari jumlah semua pelajar-pelajar, mereka juga berhak menerima pendidikan yang sempurna dan sejauh mungkin mengikut kemampuan pembelajaran mereka.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan menambahkan peruntukan supaya sekolah-sekolah khas ini dapat diperbanyakkan lagi ke seluruh negara. Walaupun ada kemungkinan kos penyelenggaraan sekolah-sekolah sebegini lebih tinggi dari sekolah-sekolah biasa, ia perlu bagi memastikan tidak ada di kalangan masyarakat akan terpinggir dan tertinggal, sedang negara mengharungi arus pembangunan dan kemajuan. Dengan cara ini, kita akan menarik minat ibu bapa serta pelajar-pelajar kurang upaya untuk meningkatkan pendidikan mereka dan dapat membantu mereka untuk hidup berdikari dengan bantuan yang minimum dari keluarga dan juga masyarakat. Ia juga selaras dengan aspirasi negara melahirkan masyarakat berpengetahuan iaitu *knowledgeable society*, dengan izin.

Dalam pada itu pula, pelajar-pelajar kurang upaya yang telah berjaya di peringkat persekolahan mendapati kesukaran apabila melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi, baik awam mahupun swasta. Ini kerana kekurangan infrastruktur serta kemudahan khidmat sokongan untuk membantu mereka di dalam pengajian di peringkat tinggi ini. Masalah yang timbul termasuklah kekurangan bahan rujukan khas untuk pelajar-pelajar ini misalnya buku-buku di dalam Braille dan tiadanya prasarana yang dapat membantu kehidupan mereka di IPTA/IPTS yang terbabit. Saya difahamkan cuma Universiti Malaya sahaja mempunyai satu khidmat khas sokongan untuk pelajar-pelajar kurang upaya. Akibatnya, tidak ramai pelajar-pelajar kurang upaya yang dapat meneruskan pengajian mereka di peringkat universiti atau kolej.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat mengkaji peruntukan pembangunan untuk universiti dan kolej dan juga menjadikan satu keperluan untuk setiap IPTS untuk memastikan satu peruntukan khas diadakan di setiap universiti dan kolej untuk mengadakan khidmat sokongan untuk pelajar-pelajar kurang upaya. Ia tidak semestinya satu peruntukan yang besar kerana jumlah pelajar-pelajar kurang upaya ini juga agak kecil. Tetapi dengan adanya khidmat sokongan asas begini di IPTA/IPTS kita akan dapat menggalakkan pelajar-pelajar kurang upaya ini untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat lebih tinggi lagi.

Saya juga difahamkan pelajar-pelajar kurang upaya yang tamat persekolahan mendapati agak sukar untuk mencari pekerjaan yang sesuai dengan kecacatan mereka. Oleh kerana kecacatan mereka, pelajar-pelajar ini gagal atau tidak dapat untuk mengikuti arus pendidikan perdana, *the mainstream education flow*, dengan izin. Mereka ini tidak akan berupaya mencari pekerjaan seperti orang biasa dan selalunya terpaksa tinggal dengan keluarga dan menambah kepada beban sedia ada keluarga mereka. Apa yang ada kini hanyalah pusat-pusat aktiviti orang-orang kurang upaya serta beberapa syarikat tertentu seperti Carrefour, McDonald's dan KFC yang menyediakan peluang pekerjaan terhad kepada pelajar-pelajar kurang upaya ini.

Dengan itu, saya mencadangkan satu cara penyelesaian iaitu dengan memberi latihan teknikal dan vokasional yang sesuai kepada pelajar-pelajar ini untuk membantu mereka mencari pekerjaan apabila tamat latihan. Memang diakui kita tidak akan dapat membantu semua pelajar kurang upaya ini kerana kemampuan perbelanjaan mereka mungkin terhad, tetapi kita dapat memberi peluang kedua, iaitu a *second chance programme*, dengan izin, kepada pelajar-pelajar kurang upaya yang berkebolehan.

Tujuan utama kita adalah untuk memberi mereka keyakinan, *confidence building*, dengan izin, untuk hidup berdikari di samping meringankan beban keluarga yang mungkin terpaksa menanggung orang-orang kurang upaya ini sepanjang hayat mereka. Saya yakin orang-orang kurang upaya mempunyai iltizam yang kuat untuk berjaya dan memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Cuma mereka kurang mendapat peluang untuk melakukan demikian. Masanya sangat tepat untuk masyarakat, khususnya kerajaan untuk membantu orang-orang kurang upaya ini untuk menjadikan mereka rakyat yang berdikari, beresolusi dan berdaya-saing, setaraf dengan rakyat biasa yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini juga untuk merakamkan penghargaan yang tinggi kepada kerajaan dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah berusaha gigih untuk meningkatkan kesejahteraan penghuni ibu kota Kuala Lumpur, terutama di kawasan saya, Wangsa Maju. Pelbagai projek mesra rakyat telah pun dilaksanakan oleh pihak DBKL. Salah satu projek yang saya maksudkan ialah pembinaan dewan-dewan masyarakat setempat di kawasan Parlimen Wangsa Maju, yang saya yakin akan memberi nafas baru kepada persatuan-persatuan penduduk setempat dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti pembangunan masyarakat di kawasan-kawasan berkaitan. Harapan saya semoga projek-projek ini diteruskan bagi memastikan semua kawasan berpenghuni di Wangsa Maju dan Wilayah Persekutuan ada dewan mereka sendiri bagi kegiatan masyarakat setempat.

Pihak DBKL juga wajar diberi penghargaan di atas usaha untuk membina tapak-tapak penjaja yang teratur dan program pemberian lesen berkelompok kepada penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil tanpa lesen di Wilayah Persekutuan terutama di Wangsa Maju. Ini bukan sahaja akan mempertingkatkan lagi bidang keusahawanan di kalangan masyarakat tempatan, malah akan menyeragamkan proses pengawasan dan penguatkuasaan peniaga-peniaga terbabit oleh pihak berkuasa, terutama DBKL sendiri.

Walau bagaimanapun, pertambahan mendadak jumlah peniaga berlesen di Kuala Lumpur mungkin akan menyukarkan proses ini kerana kekurangan bilangan anggota DBKL di peringkat ini, terutama di dalam memastikan peniaga-peniaga ini mematuhi peraturan-peraturan daripada segi tempat jualan, harga barangan jualan dan juga kebersihan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar kerajaan menimbangkan penambahan jumlah bilangan anggota penguatkuasa dan pengawasan DBKL yang saya pasti akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan DBKL di dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kesejahteraan rakyat juga bergantung kepada persekitaran yang baik dan sihat. Malang sekali kini negara terutama di Lembah Klang ini sedang menghadapi masalah cuaca yang amat panas dan kering. Keadaan cuaca ini jugalah yang telah menyumbang masalah bekalan air ke beberapa tempat di Lembah Klang. Masalah bekalan air ini adalah masalah global yang membabitkan seluruh dunia. Semua negara di dunia ini menghadapi masalah bekalan air yang sama, akibat daripada perubahan cuaca dan faktor-faktor lain seperti, dengan izin, *global warming* dan *greenhouse effect*. Sedangkan negara perkasa seperti Amerika Syarikat sendiri menghadapi masalah bekalan air setiap kali berlakunya musim kemarau. Ini berlaku walaupun mereka mempunyai rizab air yang begitu banyak, seperti di

empangan mega Colorado, dengan izin, Great Lakes di utara negara itu. Menurut laporan Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat, rakyat menanggung beban daripada USD200 hingga USD300 juta setiap tahun berikutan berlakunya kekurangan air di empangan Colorado sebanyak 15%-20% akibat kemarau.

Saya menghargai usaha kerajaan untuk mengatasi masalah bekalan air terutama di dalam perancangan dan jangka pendek melalui Empangan Sungai Selangor Fasa 3 yang dijangka siap pada Julai tahun hadapan serta projek penyaluran air Pahang-Selangor yang dijangka siap pada tahun 2007, dan akan membantu menyelesaikan masalah bekalan air sehingga tahun 2050.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memantapkan lagi perancangan jangka panjang kerajaan di dalam menangani masalah bekalan air bukan sahaja di Lembah Klang malah untuk seluruh Malaysia, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat mempertimbangkan pembangunan satu sistem pengaliran air nasional iaitu Grid Air Nasional atau, dengan izin, National Water Grid. Sistem ini akan menggunakan sumber air di seluruh negara yang akan disalurkan melalui satu saluran air yang merangkumi seluruh negara, sama seperti paip minyak di Timur Tengah.

Dengan cara ini, kerajaan dapat menjamin bekalan air yang berterusan bukan sahaja ke Lembah Klang, malah ke seluruh Semenanjung Malaysia yang akan dapat menampung keperluan air walaupun di waktu musim kemarau. Dalam pada itu, saya juga mencadangkan kerajaan supaya dapat membina lebih banyak lagi empangan yang dapat menyimpan air, iaitu *water reserve basins*, dengan izin, di luar waktu kemarau, dan disalurkan kepada kawasan-kawasan yang terlibat sewaktu musim kemarau.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini yang telah sudi memberi saya peluang untuk berucap dan mendengar kata-kata saya. Semoga pandangan dan cadangan-cadangan yang telah diutarakan ini akan membantu negara di dalam mencapai status sebuah negara industri Islam maju menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri kepada Hulu Terengganu.

12.50 tgh.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid [Hulu Terengganu]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan selamat sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana mengizinkan untuk turut sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya suka menjelaskan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Sepang baru sekejap tadi berkenaan dengan peningkatan kes-kes khalwat, rogol dan sebagainya di negeri Terengganu dan Kelantan. Kalau pun statistik itu benar, ini yang sebenarnya tidaklah menghairankan, kerana sejak kita mengambil alih kerajaan negeri, kita menambah kakitangan di pejabat penguat kuasa kita dan juga menambah dari segi anggota-anggota sukarela untuk mencegah perkara-perkara maksiat ini daripada berleluasa di dalam negeri kita.

Untuk makluman Dewan, sebelum daripada ini, satu kawasan Parlimen kita hanya ada empat orang kakitangan penguat kuasa tetapi kita telah menambah anggota sukarelawan iaitu seramai lima orang bagi setiap DUN, ini bermakna kita menambah kepada 20 tenaga sukarela untuk membanteras segala kegiatan maksiat dalam negara kita.

Justeru itu, tidak pelik kalau berlaku banyak tangkapan ini kerana kita berhasrat untuk menyekat perkara ini daripada terus merebak. Berbanding dengan kerajaan sebelum daripada ini yang tidak bertindak, walaupun perkara ini berleluasa dalam masyarakat tetapi tidak ada tangkapan yang dibuat. Oleh kerana itulah statistik yang ada menunjukkan tidak banyak tangkapan sebelum daripada kita mengambil alih kerajaan.

Setelah saya teliti Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya dapati satu harapan yang besar daripada Seri Paduka Baginda ialah supaya

kerajaan memberi tumpuan yang utama kepada pembangunan sosial dan pengukuhan perpaduan rakyat, sebagai asas utama pembangunan negara.

Saya suka menarik perhatian Dewan kepada apa yang sedang berlaku di Terengganu khususnya bagaimana pemimpin UMNO telah menggunakan wang rakyat untuk memecahbelahkan rakyat dengan cara mengagihkan wang ihsan melalui apa yang dipanggil JPP ini dengan keadaan yang tidak berakhlak dan tidak adil sama sekali.

Kes terbaru yang berlaku dalam bulan Ramadan yang lepas, di mana pemimpin-pemimpin UMNO Terengganu atas nama JPP ini, Jabatan Pembangunan Persekutuan telah mengagih-agihkan apa yang dinamakan wang ihsan kepada rakyat dengan cara yang tidak sempurna. Dan amat menyedihkan walaupun dalam bulan Ramadan yang mulia, telah berlaku beberapa ketidakadilan di mana hanya penyokong-penyokong UMNO yang diberikan wang ihsan ini dan tidak kepada yang bukan penyokong-penyokong UMNO. Di antara kes yang sangat ketara, bagaimana seorang yang cacat, yang tidak ada kedua belah tangan, yang tidak ada kedua belah kaki, walaupun umur sudah lebih 50 tahun, yang bergantung hidup atas ihsan orang ramai, tetapi ini tidak diberi, malah beliau difitnah mengatakan bahawa beliau tidak mahu dan menolak wang yang dihulurkan oleh pihak JPP ini. Ini sebenarnya satu fitnah yang dibuat kepada rakyat semata-mata kerana perbezaan, fahaman politik.

Di sebuah kampung dalam kawasan Parlimen saya, di dalam DUN Ajil, Hulu Terengganu di mana rakyat yang dinafikan hak ini lebih kurang 20 orang telah membuat report polis dengan disertakan senarai 20 orang yang berhak, yang miskin, yang memerlukan bantuan ini, tetapi telah dinafikan haknya, telah membuat report polis di balai polis dan mereka telah dipanggil oleh jabatan JPP ini dan dijanjikan akan dibayar, ini berlaku pada bulan Januari tetapi sehingga sidang Parlimen ini saya diberitahu, beliau masih tidak menerima apa yang dijanjikan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pada tahun 2001 iaitu tahun pertama pemimpin UMNO Terengganu mengagihkan wang ihsan, terdapat kes di mana mereka mencuri sebahagian daripada wang yang sepatutnya diagih kepada rakyat ini, di mana mereka dijanjikan RM200 bagi setiap keluarga tetapi apabila wang ini diagihkan di masuk dalam sampul, apabila rakyat membuka sampul hanya tinggal dalam RM150 dan ada yang RM130, ini bukan satu tuduhan malah sebaiknya ia didedahkan sendiri oleh pemimpin UMNO Bahagian Dungun iaitu Yang Berhormat Senator Rosli Mat Hassan dalam satu ucapan beliau kepada pengerusi-pengerusi JKK dalam Bahagian Dungun di Terengganu di mana ini telah berlaku di banyak tempat di negeri Terengganu.

Dan yang lebih menyedihkan lagi pada tahun ini ada pemimpin UMNO Terengganu yang sanggup melesapkan terus wang rakyat dengan cara yang sangat tidak berakhlak, di mana pada tahun ini saya dimaklumkan ada nama-nama orang PAS yang disenaraikan dalam senarai penerima, tetapi wang tersebut tidak diserahkan kepada mereka yang sepatutnya menerima ini tetapi diambil oleh pemimpin-pemimpin bawah UMNO dan langsung tidak diserahkan kepada orang yang sepatutnya yang telah disenaraikan tadi. Saya mohon perkara ini supaya dapat disiasat oleh pihak Kementerian terutamanya JPP sama ada ianya benar-benar telah berleluasa berlaku dan direstui oleh pemimpin UMNO negeri atau sebaliknya.

Selain daripada itu, saya juga mohon penjelasan daripada Kementerian Kewangan, adakah perbelanjaan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin UMNO ini, atas nama JPP ini diaudit atau tidak oleh pihak yang bertanggungjawab. Ini adalah kerana wang ini tidak dimasukkan di dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan sama ada di peringkat negeri atau di peringkat pusat. Saya pernah mengemukakan kepada Dewan yang mulia ini, soalan berhubung dengan berapakah peruntukan yang diterima oleh pihak JPP ini dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan, tetapi apa yang saya terima ialah soalan ini tidak boleh dijawab kerana ia *subjudice*.

Apa yang menjadi masalah, saya tidak bertanya tentang wang royalti tetapi wang ihsan yang sedang dibelanjakan sekarang. Apakah jaminan wang ini dibelanjakan dengan jalan yang benar dan mengikut peraturan. Kalau kita bertanya, ia menjadi *subjudice* tetapi ia dibelanja secara berleluasa, dan tidak berakhlak ianya menjadi tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang juga aneh berlaku di negeri Terengganu khususnya di Hulu Terengganu iaitu masih dalam kes yang melibatkan

bantuan atau yang dipanggil Skim Pinjaman Perumahan Rakyat, juga melibatkan wang ihsan ini. Dalam skim ini rakyat diberi tawaran untuk membuat pinjaman di antara RM5,000 kepada RM10,000, seperti biasa peserta dikenakan syarat yang tidak bertulis iaitu mesti menjadi ahli UMNO atau disertakan borang memohon menjadi ahli bagi setiap permohonan.

Dan yang lebih lucu lagi yang berlaku di sebuah kampung di Hulu Terengganu, di mana setelah mereka yang memohon ini dipilih, dan rumah-rumah mereka dibaiki dan dibaik pulih, mereka disyaratkan supaya rumah mereka ini dicat dengan cat warna putih dan biru, warna lambang dacing. Perkara ini berlaku di sebuah kampung di Pasir Nering, Hulu Terengganu di mana tidak kurang lapan buah rumah yang telah siap ini dicat dengan warna yang sama, iaitu warna biru dan putih.

Inilah sikap pemimpin-pemimpin UMNO Terengganu yang memperbodoh-bodohkan rakyat terutama yang miskin, yang sangat-sangat mengharapkan bantuan. Mereka ini sanggup menerima apa sahaja syarat, walaupun mereka terpaksa menanggung malu dan tertekan dengan apa yang dikenakan kepada mereka.

Saya ada bawa satu kes di mana dalam kes yang ini juga mereka yang tidak berhasrat hendak menyertai UMNO, tetapi sangat berhajat kepada peruntukan pinjaman ini, di mana mereka ini kalau boleh saya sebut namanya untuk perhatian kementerian nama Dulah bin Ibrahim, nombor kad pengenalan 570502-11-5065 dari Kampung Peris, Ajil, Hulu Terengganu, di mana mereka ini sangat berhajat kepada bantuan pinjaman untuk membaiki rumah dan telah mengisi borang ini yang diambil di Pejabat Pembangunan Persekutuan dan telah mengisinya lengkap dihantar untuk mendapat pengesahan JKKK yang walaupun haram tetapi mempunyai kuasa untuk menolak setiap permohonan.

Bila beliau pergi kepada JKK ini, beliau telah dileter, dibasuh dan dikata-kata dengan pelbagai perkara. Dan akhirnya pengerusi JKK memberitahu permohonan beliau tidak akan disokong. Lalu beliau bawa balik borang ini sampai ke rumah diberitahu kepada isteri beliau, dan isterinya naik berang terus ambil borang ini pergi bakar, ini saya bawa sebahagian daripada borang yang terbakar yang diambil bawa balik jumpa saya serah kepada saya, supaya perkara ini diberi perhatian oleh pihak kementerian. Sehingga akhirnya beliau tidak dapat membaiki rumah kerana semata-mata ditolak oleh pengerusi JKKK di kampung mereka.

Inilah yang berlaku, yang saya sebutkan tadi bercanggah sama sekali dengan hasrat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong supaya kerajaan memupuk perpaduan di kalangan rakyat. Inilah akibatnya bila wang rakyat telah dirompak dan diagih-agihkan sesama perompak.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin UMNO sering melaungkan tradisi membela rakyat malah dalam kes Terengganu, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan pernah menyebut di Dewan yang mulia ini, bahawa Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan RM90 juta kepada kerajaan negeri sekiranya Kerajaan Negeri Terengganu mengalami defisit belanjawan, tetapi malangnya sehingga hari ini, kementerian tidak pernah menunaikan janji itu, walaupun kementerian sendiri mengesahkan melalui jawapannya kepada soalan lisan saya bertarikh 6 November 2001 bahawa Kerajaan Negeri Terengganu mengalami defisit pada tahun 2001.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menarik perhatian Dewan kepada apa yang saya anggap sebagai sikap balas dendam pemimpin UMNO Terengganu terhadap rakyat negeri Terengganu sehingga boleh menjejaskan masa depan anak-anak Melayu di negeri Terengganu. Sejak PAS dan BA memerintah negeri Terengganu, pencapaian akademik para pelajar mendadak naik sehingga keputusan UPSR yang diumumkan baru-baru ini, Terengganu muncul negeri yang terbaik diikuti Kelantan.

Demikianlah juga dengan peperiksaan yang lain yang juga memberangsangkan. Kesannya kerajaan terpaksa menambah peruntukan untuk pinjaman pelajaran kepada mereka yang berjaya untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.

Pada tahun 2001 Kerajaan Negeri Terengganu membayar sebanyak RM4.5 juta, manakala untuk tahun 2002 kerajaan melalui Yayasan Negeri Terengganu memerlukan wang sebanyak RM9.8 juta.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, boleh sambung petang?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditinggalkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya bagi Hulu Terengganu menyambung ucapan.

2.30 ptg.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya menyambung kembali apa yang saya sebut baru sekejap, iaitu pada tahun 2001 Kerajaan Terengganu membayar sebanyak RM4.5 juta manakala pada tahun 2002 Kerajaan Terengganu melalui Yayasan Terengganu memerlukan RM9.8 juta untuk membiayai pinjaman bagi biasiswa kepada para pelajar yang berjaya di Negeri Terengganu.

Seerti yang saya sebut tadi sejak kita mengambil alih, tahun ini Terengganu mencipta rekodnya di mana pelajar cemerlang amatlah memberangsangkan dan seperti yang kita tahu juga dengan rampasan wang royalti maka Kerajaan Terengganu mempunyai sebanyak sikit masalah untuk membiayai keperluan yang mendadak meningkat ini. Tetapi apa yang menyedihkan kita ialah Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Terengganu menyebutkan bahawa akan merundingkan dengan PTPTN bagi membantu para pelajar ini.

Persoalannya kemanakah perginya wang ehsan yang hampir RM1,000 juta setiap tahun yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Terengganu, yang tahun akhir dipercayai RM840 juta sepatutnya diterima oleh kerajaan. Tapi pihak yang bertanggungjawab sepatutnya menyalurkan wang ini telah menyebut akan berunding dengan PTPTN yang mana kita tahu PTPTN akan mengenakan bunga kadar 4% setahun bagi pinjaman kepada pelajar-pelajar.

Sedangkan wang ehsan yang sepatutnya kita belanja yang sebelum ini pun kita beri kepada pelajar-pelajar tanpa *interest*, tanpa bunga ini, tidak diketahui di mana kita belanja. Di mana yang kita rasa, hanyalah dibelanjakan untuk kepentingan politik. Sedang pelajar yang masih belum tahu politik ini kita abaikan. Malah sehingga sekarang kita tidak tahu berapa banyak duit ehsan yang telah dibelanjakan daripada jumlah keseluruhan yang diterima. Kita harap kerajaan tidak menyembunyikan sekiranya ada penyelewengan yang berlaku di peringkat atas ataupun di peringkat pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berhubung dalam sektor pertanian yang merupakan sektor yang sangat penting, yang menyediakan peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat. Penanaman padi adalah satu pekerjaan yang wajib bagi petani yang mempunyai tanah bendang atau sawah walau pada masa yang sama mereka mengerjakan pekerjaan yang lain seperti menoreh getah, menangkap ikan, menarik beca dan lain-lain.

Pihak kerajaan pula telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menyediakan kemudahan tali air kepada para petani. Apa yang menghairankan saya dan para petani ialah bagi seluruh Malaysia Kementerian Pertanian hanya mempunyai dua buah jentera, meratakan atau *melevelkan* tanah sawah. Malah jentera ini hanya dibenarkan akan digunakan bagi sawah-sawah yang termasuk dalam kawasan jelapang padi. Akibatnya terdapat kawasan-kawasan sawah padi yang telah mempunyai tali air yang sempurna tetapi masih tidak dapat menanam padi dua kali setahun sebaliknya hanya mengharap air hujan. Ini adalah kerana jentera

melewatkan tanah yang diperlukan yang menggunakan cahaya laser ini tidak mencukupi dan ia menjadikan kemudahan yang disediakan menjadi sia-sia.

Saya menyebut ini di antaranya ialah di Hulu Terengganu sendiri di mana terdapat tidak kurang lapan tempat yang mana kerajaan telah menyediakan infrastruktur dari segi tali air yang sempurna di antaranya kalau boleh saya perincikan pada petang ini.

- (i) di Kampung Padang Ipoh terdapat 60 hektar daripada 231 hektar tanah padi tidak dapat diusahakan kerana tidak dapat melewati/meratakan tanah sawah ini;
- (ii) di Kampung Langgar 80 hektar daripada 274 hektar tanah;
- (iii) Kampung Gaung 70 hektar daripada 233 hektar tanah;
- (iv) Kampung Matang 60 hektar daripada 227 hektar tanah;
- (v) Kampung Paya Rapat 50 hektar daripada 163 hektar tanah;
- (vi) Kampung Kuala Akoh 50 hektar daripada 164 hektar tanah;
- (vii) Kampung Tapah 30 hektar daripada 100 hektar tanah; dan
- (viii) Kampung Lubuk Periuk 25 hektar daripada 40 hektar tanah;

Yang mana tanah-tanah ini tidak dapat diusahakan dengan tanaman padi yang sempurna kerana air yang disalurkan tidak dapat menenggelamkan kawasan ini kerana masalah tanah yang tidak rata, yang tidak dapat digunakan untuk tanaman padi dua kali setahun.

Saya mohon pihak Kementerian Pertanian dapat memberi perhatian yang sewajarnya kepada perkara yang saya bangkitkan ini dan janganlah kita mengutamakan projek-projek mega dan membantu korporat-korporat yang besar sahaja tetapi rakyat dan petani miskin dibiarkan menderita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang keperluan permit untuk kenderaan pengangkutan awam... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Ya, Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, sebentar tadi Yang Berhormat ada menyebut projek pertanian di Terengganu dan harapan Yang Berhormat supaya kerajaan tidak diskriminasi ataupun tidak terlalu menitik berat tentang projek-projek mega tapi hendaklah ditumpukan kepada projek-projek yang kecil yang sampai kepada pihak petani-petani di kampung-kampung.

Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat rasa tidak berkemungkinan Kerajaan Terengganu akan menghadapi keadaan yang sama seperti di kampung-kampung di Kelantan di mana subsidi baja padi akhirnya tidak diberi kepada Kerajaan Terengganu seperti mana apa yang berlaku di Kelantan di akhir-akhir ini. Bila Kerajaan Kelantan memerintah selepas setahun 1990-1991 maka ditarik balik subsidi baja padi yang menyebabkan kerajaan negeri terpaksa menggunakan duit kerajaan negeri untuk menampung subsidi baja padi kepada rakyat.

Apakah ini akan berlaku kepada Terengganu. Kalau dilihat daripada ciri-ciri yang kita nampak sekarang ini sudah mulai tekanan-tekanan terhadap petani di Negeri Terengganu. Ya, Sila.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, perangai pemimpin UMNO

tempatan ini, di mana-mana negeri pun serupa. Serupa juga. Kalau di Kelantan dia boleh buat begitu...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak boleh bercakap.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid:Di Terengganu pun dia mula buat begitu. Sekarang ini kalau petani-petani hendak mendapatkan baja padi di Terengganu mereka mesti mendapat pengesahan sokongan daripada pengerusi JKKK yang telah diharamkan dan apa yang berlaku kerana dendam politik dan dendam pilihan raya yang masih membara banyak petani yang teraniaya. Mereka ini sudahlah miskin terpaksa mendapat sumber-sumber lain untuk membeli baja padi sendiri. Apa yang berlaku yang jauh sama sekali dengan hasrat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ingin melihat di kampung-kampung.

Saya terus lagi Tuan Yang di-Pertua, pada apa yang nak saya sebut iaitu saya mengalu-alukan kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan di Setiu baru-baru ini yang meminta pemilik kereta sewa haram supaya memohon permit agar dapat melibatkan diri secara langsung dalam perniagaan kereta sewa. Untuk makluman kementerian, di antara pengangkutan utama di kawasan pedalaman di Terengganu khususnya di Hulu Terengganu ialah pengangkutan van. Ia menjadi pengangkutan utama rakyat setempat kerana beberapa faktor yang tersendiri di antaranya di kawasan-kawasan pedalaman ini setengah-tengah tempat;

- (i) tiada pengangkutan bas kawasan tersebut;
- (ii) tiada pengangkutan teksi di situ;
- (iii) jarak perjalanan yang singkat, yang pendek, tidak lebih 15 km;
- (iv) tambang yang murah;
- (v) *service* yang lebih baik; dan
- (vi) jalan mati.

Oleh kerana sebab-sebab tersebut pengusaha teksi dan bas tidak berminat untuk mengambil dan menghantar penumpang untuk jalan-jalan yang tertentu lebih-lebih lagi jika penumpang itu terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah.

Oleh hal yang demikian saya menyeru kepada pihak kementerian dan JPJ agar dapat memberi kelonggaran bagi kawasan-kawasan pedalaman terutamanya agar dapat memberi kebenaran kepada pengusaha van untuk terus beroperasi demi untuk keperluan penduduk setempat. Apa yang menyedihkan ada penguat kuasa JPJ yang sanggup menyamar sebagai orang awam untuk menangkap pengusaha van tersebut seperti ingin menangkap pengedar-pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian Dewan dan Kementerian Dalam Negeri berhubung dengan jumlah pengedar-pengedar dadah yang dibuang daerah ke Negeri Terengganu. Saya difahamkan bahawa jumlah pengedar dadah yang dibuang ke Terengganu dan Kelantan telah meningkat dengan mendadak sekali pada tahun ini berbanding tahun yang lepas. Saya mendapat maklumat pada tahun lepas bagi Negeri Terengganu jumlah pengedar dadah yang di buang ke Terengganu ialah kira-kira 100 orang tetapi pada tahun sahaja sehingga Mac jumlah yang dibuang ke Terengganu ialah berjumlah lebih daripada 400 orang. Saya berharap perkara ini dapat dikaji semula oleh pihak kementerian....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat masa dah cukup.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: ...Saya gulung Tuan Yang di-Pertua. Janganlah kerana perbezaan fahaman politik yang memerintah pihak kementerian melonggokkan kesemua pesalah dadah di Terengganu dan Kelantan dan apabila kesannya merebak kepada penduduk tempatan pihak kerajaan pusat akan menuding jari kepada pihak kerajaan BA dan PAS tentang peningkatan jumlah penagih dadah di negeri yang diperintah oleh BA ini. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Penampang.

2.43 ptg.

Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, atas peluang untuk memberi ucapan menjunjung kasih atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya menyentuh beberapa perkara secara ringkas sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kekuatan dan senjata utama negara kita terletak kepada keinginan, keyakinan dan keazaman rakyat untuk bersatu padu. Tanpa kesedaran betapa pentingnya perpaduan rakyat sudah tentu keharmonian, keamanan dan kedaulatan negara yang ada sekarang sudah tentu tidak akan berkekalan dan bila sesebuah negara menghadapi kehancuran semua rakyat akan menderita. Kita bersyukur kepada Tuhan kerana memberi kita kebijaksanaan dan kemampuan berfikir lebih jauh sehingga ke berkekalan keamanan dan kedaulatan negara.

Wawasan 2020 dengan sembilan cabaran yang digariskan oleh kerajaan memang satu *target* yang boleh kita capai melalui strategi sepuluh tahun Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP), program-program lima tahun negara dan *budget* tahunan.

Bagi saya sebagai seorang yang tergolong dalam kaum bumiputera minoriti dari Sabah saya amat berterima kasih atas fokus kepada kaum ini dalam RRJP3. Dalam RRJP3 kerajaan akan menumpukan pada pembasmian kemiskinan dan meningkatkan ekuiti ekonomi kepada bumiputera yang minoriti ini yang terdiri daripada Kadazandusun, Iban, Murut, Bajau, Bidayuh, Melanau, Orang Asli dan banyak lagi kumpulan etnik yang kecil di negara ini.

Statistik menunjukkan bahawa bilangan kumpulan bumiputera minoriti dalam lingkungan 10% daripada penduduk Malaysia. Ini angka yang cukup signifikan yang mana kebanyakannya tinggal di Sabah dan Sarawak. Fokus kepada bumiputera minoriti memang sangat tepat pada masanya dan amat dialu-alukan memandangkan Wawasan 2020 hanya 18 tahun dari sekarang. Kita takut bila sampai tahun 2020, kumpulan minoriti tidak dapat bersaing dengan rakyat Malaysia yang lain dan ini akan menghasilkan peminggiran dan ketidakstabilan.

Dasar Ekonomi Baru pada hemat saya tidak banyak membantu bumiputera minoriti. Maka kumpulan ini wajar diberi *handicap*. *Handicap* dari kaum bukan bumiputera dan bumiputera Melayu. Selepas lebih satu tahun RRJP dibentangkan dan diluluskan dalam Dewan yang mulia ini, saya nampak belum ada program khas digunakan untuk mengimplementasikan strategi penyertaan bumiputera minoriti dalam ekonomi seperti yang terdapat pada RRJP ini.

Saya mencadangkan supaya program-program ini dapat disediakan untuk dipertimbangkan pada *mid-term review* Rancangan Malaysia Kelapan pada tahun depan. Saya difahamkan juga bahawa satu program yang komprehensif juga sedang disediakan dan disusun oleh badan bukan kerajaan. Saya mohon pertimbangan sewajarnya diberi kepada cadangan ini kerana ini terhasil daripada akar umbi.

Selain daripada itu, saya mohon supaya kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Sabah dan Sarawak ditambah lagi atas sebab geografi dan juga jarak dari pusat pentadbiran dan bukan semata-mata dari segi bilangan penduduk. Kalau kita lihat di Sabah, pusat pentadbiran atau daerah-daerah itu begitu berjauhan sekali jadi untuk kita memberi perkhidmatan kepada rakyat amat sukar sekali dan itu sebab banyak tempat di Sabah dan di Sarawak juga saya fikir kerana Sarawak banyak lagi tempat yang menggunakan bot untuk sampai ke satu destinasi, perkhidmatan kepada rakyat amat-amat diperlukan. Saya bagi contoh seperti Kinabatangan, satu kawasan yang besar sekali, lebih besar dari Pahang. Jadi macam mana kita memberikan *service* kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, penyemakan semula bilangan kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dijadualkan pada tahun depan dan saya harap ini akan digunakan untuk membantu rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak. Kami masih sangat-sangat dahagakan pembangunan seperti saudara kami di Semenanjung.

Kembali fokus kepada bumiputera minoriti. Saya mohon mencadangkan supaya satu organisasi khas ataupun satu badan diwujudkan untuk membantu dan

dalam pembasmian kemiskinan dan penyertaan ekuiti ekonomi negara kita, saya mencadangkan satu yaysan perbadanan ataupun mungkin kementerian hal ehwal bumiputera minoriti. Ini mungkin satu permintaan yang besar tetapi tidaklah besar sangat kerana pernah wujud kementerian *Sabah Affairs* tidak lama dahulu, wujud.

Dengan bilangan bumiputera minoriti lebih 2 juta, dalam perkiraan penduduk Sabah dengan Sarawak kalau campur kedua-dua negeri ini mempunyai lebih kurang 5 juta penduduk dan bukan bumiputera lebih kurang dalam 1 juta. Dalam lingkungan 3 juta itu pun ada saya fikir kalau dilihat. Jadi satu angka yang signifikan sekali. Maka permohonan ini wajar dipertimbangkan, mungkin satu *ministry*, satu kementerian.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan dalam meningkatkan penyertaan bumiputera minoriti dalam membantu membangun negara kita yang kita cintai seperti yang tertera dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong apa yang diperkatakan oleh saudara saya Yang Berhormat bagi Sipitang mengenai masalah elaun kadar rumah yang baru. Secara ringkas saya ingin sentuh perkara ini. Pada Januari yang lepas, kerajaan telah mengimplementasikan kadar elaun sewa rumah ini yang baru bagi kakitangan yang berpindah antara Sabah, Sarawak dengan Semenanjung. Saya ucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan atas tindakan ini selepas ianya diketengahkan di Dewan yang mulia ini dan juga rayuan daripada individu dan persatuan-persatuan ataupun pertubuhan khasnya dari Sabah.

Walau bagaimanapun, seperti yang diperkatakan oleh saudara saya Yang Berhormat bagi Sipitang, terdapat rungutan dan rayuan bagi mereka dari Semenanjung yang bertugas di Sabah tidak termasuk Anggota Tentera dan Polis kerana memang tidak tergolong, di mana kadar elaun sewa rumah ini diturunkan. Oleh kerana itu, ini memberi kesan kepada pengurusan kewangan keluarga mereka yang terlibat ini. Rayuan ini bagi saya ada satu justifikasi dan perlu pertimbangan yang sewajarnya dan kelulusan terutama sekali kepada pegawai perubatan, doktor dan guru-guru yang amat diperlukan di Sabah.

Saya mencadangkan supaya elaun ini yang ada sekarang dikekalkan sehingga satu masa mungkin dalam lingkungan dua tahun barulah kita bersedia. Di sini juga saya sekali lagi merayu agar anak watan Sabah diberi peluang untuk menjawat jawatan yang tinggi di Sabah terutama sekali dalam pentadbiran yang memang saya fikir ramai yang boleh mengangkat ataupun boleh menjawat jawatan tersebut. Ini sememangnya satu aspirasi kita. Ini memang juga kalau kita lihat dalam semangat Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga dalam kesempatan ini bertanya kepada Kementerian Kesihatan, apakah kriteria untuk kita mewujudkan ataupun membina satu hospital daerah. Pertanyaan ini saya kemukakan kerana setelah berbincang dengan beberapa doktor, pegawai kesihatan, ada justifikasi yang cukup untuk membina hospital di Daerah Penampang, di kawasan saya. Saya tidak dapat terima alasan bahawa ianya dekat dengan Hospital Queen Elizabeth, hospital besar kerana kawasan Penampang hampir seluas 500 kilometer persegi dan mempunyai penduduk hampir 200,000 orang.

Hospital Queen juga merupakan hospital *referral* di mana hanya kes-kes terminal ataupun *complicated* sahaja diterima dari seluruh negeri Sabah. Tanpa mendapat jawapan yang munasabah, saya akan terus mengetengahkan masalah ini. Di sini saya mohon supaya dikaji semula ataupun *feasibility study* dengan izin, pembinaan hospital ini dibuat kerana ramai penduduk luar bandar tidak dapat perkhidmatan kesihatan kerana jarak jauh dari hospital yang terdekat.

Memang kawasan Penampang adalah kawasan yang saya sendiri kalau melawat terpaksa berjalan kaki selama lima hari. Ada lima kampung, jadi satu kampung satu hari. Ini satu justifikasi bagi saya supaya diadakan hospital di daerah ini. Walaupun ini berdekatan dengan Kota Kinabalu tetapi kawasannya 500 kilometer persegi saiznya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan cadang Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mengenai pembayaran bagi mana-mana tuntutan yang dikemukakan untuk pembayaran. Beliau meminta supaya pembayaran mesti dibayar

dalam masa 30 hari dari masa tuntutan itu dikemukakan. Ini telah diluluskan ataupun dikemukakan kepada *Budget* yang lepas.

Pada umumnya, saya telah melihat sedikit peningkatan tetapi jauh dari memuaskan. Apakah ada laporan dari *Flying Squad* Kementerian Kewangan yang ditugaskan untuk memantau dan memastikan semua pembayaran dibuat dengan cepat. Mereka yang terlibat dengan urusan niaga kewangan harus tahu perlunya wang ini dikitar untuk merangsang pertumbuhan ekonomi seperti kata pepatah dengan izin, *this money has to be circulated* ataupun *money makes money* ataupun *time is money*.

Seorang peniaga harus memberikan ataupun beliau memberikan gaji kepada kakitangan beliau dan kalau kakitangan kerajaan bila tuntutan itu dikemukakan dan mengambil masa yang lama, ini akan mengakibatkan ataupun memberikan masalah kepada si peniaga itu ataupun mana-mana mereka yang mengemukakan tuntutan ini. Mereka ini jangan pula menjadi penghalang kepada usaha kita, usaha kerajaan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi.

Justeru itu saya sekali lagi mencadangkan supaya kakitangan yang terlibat dalam urusan niaga kewangan diberi garis panduan ataupun prosedur ataupun satu piagam yang mesti diikuti. Mereka yang tidak mengikuti arahan ini diberi tindakan sewajarnya kerana bagi saya masalah ini merupakan antara penyebab utama kelembapan ekonomi kita.

Mungkin kita juga boleh mengkaji undang-undang yang ada di Amerika Syarikat di mana ada undang-undang, *Thirty Days Law*, 30 hari mesti sudah dibereskan segala tuntutan tersebut. Di sini saya minta supaya *flying squad* ini haruslah lebih tegas dalam menjalankan tugas memastikan apa yang disarankan oleh Perdana Menteri pada Belanjawan yang lalu diikuti.

Akhir sekali saya ingin menarik perhatian dari Kementerian Kewangan berhubung dengan keadaan kewangan di Sabah. Sabah mempunyai saiz perkhidmatan awam yang terbesar di Malaysia. Oleh itu ini menjadi beban yang besar dalam pengurusan kos operasi dan seterusnya pengurusan kewangan negeri. Ini juga bermakna projek-projek baru tidak dapat diimplementasikan kecuali penyelenggaraan.

Saya juga difahamkan bahawa banyak lagi kontraktor yang belum dibayar kerana permasalahan ini. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya pihak Kerajaan Persekutuan mengambil alih sebahagian besar pengurusan infrastruktur dan kakitangan di Sabah. Mungkin kakitangan itu boleh diserap dengan Kakitangan Perkhidmatan Awam Persekutuan supaya ini diambil alih yang dahulunya diuruskan oleh kerajaan negeri.

Saya harap sekarang ini dengan kemasukan PBS dalam Barisan Nasional, saya juga di sini mengalu-alukan penyertaan mereka dalam Barisan maka Sabah sudah mempunyai semua Kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dan saya penuh yakin Kerajaan Persekutuan akan memberikan tindakan yang proaktif dalam perkara ini.

Saya cadangkan sebagai permulaan, supaya jalan-jalan raya, JKR, bekalan air, perparitan, saluran diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, sebahagian besar daripada ini. Banyak lagi pengurusan pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur yang perlu diambil alih atau diberi lebih peruntukan kepada kerajaan negeri. Ini akan banyak membantu rakyat Malaysia di Sabah dan mudah-mudahan Barisan Nasional akan sapu bersih semua kerusi lagi pada pilihan raya akan datang. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kapar.

3.00 ptg.

Puan P. Komala Devi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pertama sekali saya ingin menyentuh isu perpaduan. Mengikut Rancangan Jangka Panjang Ketiga atau OPP3, perpaduan negara akan terus menjadi tunggak pembangunan dan kepelbagaian masyarakat Malaysia dari segi kumpulan etnik,

bahasa dan agama, akan diambil kira dalam memupuk sebuah masyarakat yang lebih harmoni, bertolak ansur dan dinamik.

Kami mengalu-alukan bahawa demi memupuk perpaduan di antara semua kaum di Malaysia, Kerajaan Malaysia akan terus melaksanakan berbagai strategi dan juga langkah-langkah. Kami semua setuju bahawa perpaduan adalah aset yang terpenting kepada negara. Maka setiap polisi atau sesuatu dasar yang ingin dilaksanakan perlu memikirkan soal perpaduan negara. Dalam erti kata perpaduan, saya rasa satu konsep yang amat penting adalah "*a sense of belonging*", dengan izin.

Setiap golongan masyarakat mesti rasa bahawa kepentingan mereka diwakili di semua peringkat dan di semua bidang. *Malaysians from all walks of life must feel they are adequately represented at all levels and in all fields*, dengan izin, tidak kira sama ada dalam *civil service, police, armed forces, public listed companies* ataupun syarikat-syarikat swasta. Kalau filosofi ini diamalkan secara luas dalam semua bidang, saya percaya kita tidak ada mana-mana golongan yang dipinggirkan sama ada dengan sengaja atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa sudah sampai di mana masyarakat Malaysia cukup mantap ataupun *matured*, dengan izin, untuk kami tidak lagi mengukur pembangunan dan kejayaan usaha-usaha kita untuk mencapai perpaduan dari segi angka khususnya dari segi nombor peratus. Dalam erti kata lain, *let us not be obsessed with percentages*.

Berkaitan dengan isu perpaduan, saya ingin membuat satu cadangan yang saya harap akan diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh sektor awam dan sama penting juga oleh sektor swasta. Sebab tidak semestinya bahawa semua inisiatif untuk perpaduan diambil oleh kerajaan sahaja bahkan sektor swasta pun boleh memainkan peranan penting.

Cadangan saya adalah bahawa di setiap peringkat di semua bidang dan di semua organisasi, marilah kita ada satu wakil dari segi kaum mahupun dari segi jantina ataupun *gender*. Yang saya maksudkan adalah sebagai contoh: Katakan sesuatu lembaga pengarah dianggotai oleh sembilan ahli pengarah, biarlah sekurang-kurangnya satu muka daripada sebarang kaum yang boleh diwakili dan sekurang-kurangnya satu ahli mestilah seorang wanita.

Di sini saya tidak bercadang menentukan tahap perwakilan dari segi bilangan peratusan. Dengan izin, *I do not see the need first to fix hard and fast percentages. This is just a friendly suggestion that we have at least one faced from each group*. Perwakilan tersebut juga tidak semestinya *adequate* selagi kita ada perwakilan. Saya percaya, kalau pendekatan ini dapat diikuti oleh setiap organisasi tidak kira sama ada kerajaan ataupun bukan kerajaan, semua kaum dan semua golongan di Malaysia akan dapat menikmati tahap perpaduan yang lebih bermakna. Prinsip ini patut diamalkan di semua peringkat dan ini termasuk tempat-tempat pendidikan dan juga asrama-asrama penuh.

Kita mesti cuba mencapai seperti kata bahasa Inggeris – *a healthy mix*. Pelajar-pelajar mesti diberi peluang untuk berinteraksi dengan semua kaum supaya mereka saling menghormati kebudayaan masing-masing. Sama juga dengan campuran kakitangan. Ketua-ketua organisasi patut memastikan bahawa peluang untuk berinteraksi di antara kaum dan di antara jantina wujud di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin ceritakan sedikit tentang pengalaman saya sebagai ahli Royal Lake Club. Saya jadi ahli selama 20 tahun dan di Lake Club campuran ahli-ahli adalah kompleks. Secara aktif dan sengaja ahli-ahli *General Committee* akan memastikan bahawa kita ada keseimbangan di antara pelbagai kategori keahlian. Misal kata kita cuba mencapai *balance* atau keseimbangan di antara bilangan ahli kaum lelaki dengan bilangan ahli wanita. Kami juga cuba cari *balance* di antara ahli orang tempatan dengan ahli orang asing, keseimbangan di antara pegawai kerajaan dengan ahli dari sektor swasta, keseimbangan dari segi kaum, keseimbangan dari segi bidang-bidang profesional dan sebagainya. Memang sudah tentu polisi ini tidak digubal *overnight* tetapi *one that gradually evolved over the decades*, dengan izin. Akibat amalan ini semua ahli termasuk saya rasa seronok dan *feel at home* setiap kali kami melawat Lake Club.

Dalam konteks ini, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Baru-baru ini kami

dijemput oleh Yang Berhormat Menteri untuk menghadiri taklimat kementerian di mana satu *video clip* telah ditayangkan yang *showcase* tentang aspek-aspek keunikan dan kecantikan negara ini dari segi campuran pelbagai kaum dan kebudayaan dalam satu suasana yang sungguh aman dan damai. Selepas melihat rakaman ini saya rasa sungguh bangga sebab saya ini seorang berbangsa Malaysia *and I truly has a sense of belonging*.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tegaskan di sini adalah bahawa isu perpaduan amat penting sehingga menjadi nadi ataupun *core* semua rancangan pembangunan Malaysia sama ada rancangan jangka panjang ataupun rancangan jangka pendek. Perpaduan menjadi akar dan tunjang kepada negara ini dan juga sumber keunikan dan keistimewaan yang membentuk negara kita selama ini. Konflik dan pertelingkahan hanya akan merugikan kita sendiri dan kita seharusnya memikirkan aspek perpaduan dalam menggubal dasar, strategi dan segala keputusan.

Saya harap cadangan yang saya kemukakan tadi akan diberi pertimbangan sewajarnya agar kita dapat mencapai perpaduan yang lebih mendalam, yang lebih bermakna iaitu bukan hanya *skin deep* ataupun *superficial* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin bangkitkan ialah isu banjir. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi tumpuan bagi mengatasi masalah ini di merata tempat agar mengurangkan kesusahan dan penderitaan rakyat. Berkaitan dengan isu tebatan banjir, saya difahamkan bahawa di bawah Rancangan Tebatan Sungai Kapar, sejumlah RM24 juta telah dipohon tetapi malangnya mengikut Senarai Projek Persekutuan, Rancangan Malaysia Kelapan Negeri Selangor bagi tahun 2002, hanya sejumlah RM500,000 sahaja atau setengah juta ringgit sahaja yang diluluskan.

Kerja-kerja tebatan Sungai Kapar amat perlu sebab setiap kali hujan, kita ada banjir dan ramai penduduk di sekitar Sungai Kapar mengalami kesusahan. Ada kalanya juga semasa banjir, kawasan tersebut dilawati oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor sebab begitu ramai penduduk yang terlibat. Pagi tadi pun, kita ada banjir di kawasan tersebut.

Saya ingin mendapat penjelasan kenapa terdapat jurang yang begitu besar di antara amaun yang dipohon dengan amaun yang diluluskan? Dan sama ada ini berlaku sebab kerajaan akan menjalankan kerja-kerja tersebut mengikut fasa dan peruntukan untuk Fasa I adalah sejumlah setengah juta ringgit.

Pada masa yang sama, saya juga ingin meminta pertimbangan dari Yang Berhormat Menteri Pertanian agar meluluskan sedikit peruntukan untuk kos penyelenggaraan kolam tadahan banjir di daerah Klang khususnya di Kapar. Saya difahamkan jumlah yang diperlukan cuma dalam lingkungan RM1 juta sahaja. Walaupun amaunnya nampak kecil tetapi saya yakin kesannya amat menguntungkan untuk rakyat daerah Klang.

Isu ketiga yang saya ingin bangkitkan ialah isu keselamatan. Saya difahamkan bahawa di antara banduan yang dilepaskan, terdapat satu kumpulan atau segelintir yang disekat ataupun *restricted* di kawasan Klang. Buat masa ini saya tidak pasti tentang bilangan banduan atau bekas banduan yang terlibat. Dalam hal ini, saya menyeru kepada Kementerian Dalam Negeri kalau boleh, janganlah buang bekas banduan di kawasan saya sebab saya percaya tindakan ini adalah satu punca kenaikan kadar jenayah di bandar Klang.

Oleh sebab ini perkara yang telah lama berlaku, saya difahamkan bahawa terdapat banyak kumpulan sindiket yang beroperasi di Klang dan juga Kapar. Dan sebaik sahaja seorang banduan itu dilepaskan atau *released* di Klang, maka dengan begitu mudah sahaja dia boleh teruskan *vocation* ataupun kerja beliau. Penduduk di kawasan saya telah memohon sekiranya amalan ini masih berlaku, sama ada banduan-banduan ini bolehlah disekatkan di tempat lain contohnya Hulu Selangor. Saya pun tidak tahu kenapa mereka memilih Hulu Selangor cuma yang saya tahu, Ahli Parlimen untuk kawasan Hulu Selangor ialah Pengerusi MIC Perhubungan Selangor. Diharap Kementerian Dalam Negeri dapat memberi sedikit penjelasan tentang hal ini dan apakah polisi tentang melepaskan banduan-banduan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja ucapan saya, dan dengan itu saya ingin menyokong Titah Ucapan Diraja. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ramai lagi yang hendak bercakap, saya pendekkan masa 15 minit. Itu pun kalau semua lagi hendak bercakap, mungkin lima minit sahaja seorang, akhir-akhir ini. Buat masa sekarang saya *limit* kepada 15. Jadi saya jemput Yang Berhormat Tanjong.

3.10 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-XII telah menunaikan tanggungjawab merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kesepuluh pada 11 Mac 2002. Dalam sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan oleh kita, Parlimen mengandungi Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara dan juga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Menurut amalan, tidak ada urusan boleh dilangsungkan sehingga Parlimen dibuka dengan rasmi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita sering mendengar propaganda Kerajaan Barisan Nasional bahawa ia menghormati Perlembagaan dan Institusi Parlimen serta Semangat Prinsip Demokrasi. Tetapi apabila kita merenung kembali Persidangan Parlimen Yang Pertama selepas pilihan raya pada 29 November 1999, kita telah membangkitkan isu ketidaksahihan kerana peruntukan Perlembagaan sudah diketepikan.

Pada masa itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional juga mengetepikan amalan Parlimen di mana tidak ada urusan boleh dilangsungkan sehingga Parlimen dibuka dengan rasminya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kerajaan Barisan Nasional pada masa itu tidak mempedulikan bahawa Penggal Pertama Penggal Kesepuluh tidak dibuka secara rasmi oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini suatu perbuatan yang menghinakan. Oleh kerana sifat angkuh Kerajaan Barisan Nasional, kita mendapati penggal yang berlangsung sekarang ditakrifkan sebagai Penggal Keempat walaupun kita baru masuk Tahun Ketiga Parlimen Kesepuluh.

Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Lipis berdiri, Yang Berhormat. Yang Berhormat! ada yang berdiri.

Tuan Chow Kon Yeow: Tidak ada masa, 15 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cakap bagi tidak bagi, Yang Berhormat?

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, tidak bagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Chow Kon Yeow: Kalau begitu Parlimen akan bersidang dalam Penggal Kelima pada tahun 2003 dan Penggal Keenam pada tahun 2004. Mengikut *Erskine May* dalam buku *Parliamentary Practice*, sebuah parlimen ditakrifkan dalam konteks tempoh, iaitu meliputi satu tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau lima penggal. Jelasnya Parlimen Yang Ke 10 ini bermasalah dari segi ini. Kerajaan Barisan Nasional telah melakukan satu kesilapan yang begitu besar, dan secara perbandingan kesilapan yang dilakukan oleh Ahli Parlimen bagi Batu Gajah adalah jauh *insignificant*. Jika beliau digantung dari menghadiri Parlimen selama enam bulan dan hilang segala elaun dalam tempoh ini, apakah hukuman yang harus kita jatuhkan kepada Kerajaan Barisan Nasional?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang majmuk dan rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya, yang kesemuanya memperkaya dan memperkukuhkan masyarakat kita menjadi cabaran untuk memupuk persefahaman dan toleransi kaum dan agama di negara ini. Penggubal Perlembagaan mempunyai kebijaksanaan untuk menangani isu agama ini dengan memperuntukkan artikel-artikel yang memberi hak dan perlindungan kepada semua rakyat.

Namun, peruntukan perlembagaan dan undang-undang hanya dapat menggariskan bentuk perhubungan yang mungkin dijalin oleh rakyat pelbagai agama. Usaha-usaha yang lain juga harus berjalan selaras dengan peruntukan undang-undang. Rakyat jelata harus disedarkan tentang amalan agama rakyat yang lain dan saling hormat-menghormati hak asasi setiap rakyat untuk beragama. Di seluruh dunia soal agama sering diungkitkan untuk memberi dorongan dan alasan untuk mengambil sesuatu tindakan untuk memelihara dan mempertahankan agama sendiri sehingga menimbulkan ancaman kepada orang yang lain. Di Malaysia perhubungan antara kaum dan agama dibina atas landasan yang masih belum kukuh dan sering dicabar oleh golongan yang menyimpang dan kurang toleransi.

Bagi memupuk persefahaman dan toleransi antara agama, saya ingin mengesyorkan *inter-faith council* ditubuhkan di peringkat kebangsaan sehingga ke peringkat akar-umbinya, untuk menyediakan satu forum kepada rakyat Malaysia untuk memahami agama yang lain, selain daripada mengukuhkan kefahaman ke atas agama yang mereka anuti. Harus ditegaskan bahawa *inter-faith council* ini tidak mempunyai agenda untuk mengubah agama orang lain ataupun memaksa orang lain memeluk sesuatu agama, tetapi adalah untuk menggalakkan dialog dan penukaran pandangan *inter-faith*. Dengan wujudnya *inter-faith council*, maka kemusykilan dan kekeliruan mengenai sesuatu isu agama dan impaknya kepada masyarakat akan dapat dibincangkan dan penyelesaiannya dapat dicari. Melalui prasarana antara agama ini, kita dapat menambah satu pendekatan dan cara untuk memupuk dan mengeratkan pertalian di antara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu tanggungjawab asas bagi kerajaan adalah untuk mempertingkatkan sistem pengangkutan jalan bagi menangani masalah kesesakan lalu lintas di bandaraya. Baru-baru ini rakyat Negeri Pulau Pinang dimaklumkan bahawa Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang (*Penang Outer Ring Road*) akan dibina melalui konsep penswastaan. Rakyat jelata, walaupun menyambut baik pembinaan projek ini tetapi bantah pembinaannya melalui konsep penswastaan kerana tol akan dikenakan dan rakyat jelata akan dibebankan untuk tempoh sehingga 30 tahun. Keupayaan syarikat konsesi, Peninsular Metroworks Sdn.Bhd. untuk mengendalikan projek yang bernilai RM1.02 bilion juga dipersoalkan kerana syarikat ini tidak mempunyai rekod dalam bidang ini. Namun begitu, syarikat ini diberikan pelbagai keistimewaan dan ditawarkan satu pakej kewangan yang melibatkan kerja penambakan laut di Pesiaran Gurney untuk tujuan pembangunan hartanah.

Saya rasa projek ini tidak harus diswastakan tetapi sebaliknya dibina oleh Kerajaan Persekutuan dengan peruntukan persekutuan. Projek ini telah dirancang dalam dekad 70-an dan 80-an, dan bukannya satu idea baru daripada syarikat konsesi itu. Pada bulan Januari tahun ini, Jabatan Perangkaan telah melancarkan satu kajian soal selidik mengenai projek lebuhraya ini di kalangan rakyat negeri Pulau Pinang, khususnya mengenai pandangan mereka mengenai kutipan tol. Sehingga ini Jabatan Statistik masih belum mengumumkan keputusan kajian ini. Saya pasti kebanyakan orang yang ditemubual akan sebulat suara membantah tindakan mengenakan tol atas jalan ini. Saya berharap pihak kerajaan akan mengumumkan keputusan dan juga mempamerkan pelan-pelan *alignment* projek ini untuk membolehkan rakyat membuat bantahan dan memberi pandangan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk *highlight* satu kepincangan dalam projek ini yang mengakibatkan kerugian yang besar kepada sebuah syarikat pemaju perumahan yang terbabit dengan pengambilan balik tanah untuk projek ini. Syarikat ini, Strong Kota Development Sdn.Bhd. mempunyai tanah di Changkat Delima Dua, Island Glades dan mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan untuk memajukan projek perumahan. Tetapi sejak tahun 1997 hingga tahun ini, pihak-pihak yang bertanggungjawab telah membekukan tanahnya kerana diperlukan untuk projek lebuhraya ini dan bayaran pampasan tidak diselesaikan. Akibatnya dalam tempoh 5 tahun ini syarikat ini tidak boleh memajukan tanahnya. Syarikat ini telah dianiayai sehingga hampir bankrap kerana kehilangan modal pelaburan dan kegunaan tanah sebanyak RM40 juta, hilang pendapatan dari projek pangsapuri yang ingin diusahakan sebanyak RM20 juta dan juga akan dikenakan tindakan mahkamah kerana dituntut bayaran oleh bank. Lagipun 103 pembeli pangsapuri yang dicadang dibina oleh syarikat ini turut menjadi mangsa projek perumahan yang terbengkalai. Saya berharap perkara ini akan mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin kerajaan memberi perhatian kepada satu masalah yang mengancam ketenteraman awam kerana kegagalan pihak berkuasa tempatan dan pihak polis untuk menangani masalah yang berhubung kait dengan pusat-pusat hiburan yang beroperasi sehingga 6.00 pagi setiap pagi. Saya rasa masalah ini berlaku di seluruh negara. Di Bandaraya George Town baru-baru ini terdapat empat buah *discotheque* yang beroperasi tanpa permit ataupun permitnya sudah luput, akan tetapi pengusaha-pengusahanya bebas beroperasi hingga 6.00 pagi setiap hari, dan ini telah menimbulkan gangguan kepada penduduk-penduduk di sekitar pusat hiburan ini. Lagipun penduduk-penduduk yang mengadu kepada pihak berkuasa dan wakil rakyat diugut oleh pengusaha pusat-pusat hiburan ini. Saya ingin tahu mengapa pihak berkuasa boleh membiarkan keadaan ini menjadi-jadi. Rakyat jelata tidak faham mengapa pihak berkuasa tidak dilihat menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu isu berhubung dengan Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Bank (NUBE) yang telah menyerahkan beberapa memorandum kepada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja berhubung dengan kehilangan RM1.3 juta dalam urusan saham pada tahun 1996 dan RM23 juta dalam tahun 1998. Menteri Sumber Manusia telah berjanji untuk menemui para wakil kesatuan dari Pulau Pinang tetapi beliau gagal menepati janjinya. Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Bank juga membuat aduan kepada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja mengenai kerugian sebanyak RM96,000 oleh cawangan Kuala Lumpurnya tetapi mereka masih tidak menerima apa-apa tindak balas daripada Menteri ataupun Ketua Pengarahnya. Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja dipertanggungjawabkan untuk melakukan pemeriksaan akaun ke atas kesatuan sekerja. Bagaimanakah kerugian-kerugian NUBE ini tidak dapat dikesan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Saya meminta Menteri Sumber Manusia memberi penjelasan yang teliti kepada masalah-masalah yang bersangkutan dengan NUBE.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kerajaan mengenai masalah yang dicituskan oleh pemansuhan Akta Kawalan Sewa, khususnya di Bandaraya George Town yang mempunyai bilangan rumah yang terbanyak yang terlibat dalam kawalan sewa. Setelah dimansuhkan Akta Kawalan Sewa pada 1 Januari 2000 sehingga sekarang, ramai penghuni asal George Town telah terpaksa dipindahkan dari pusat bandar ke pinggir bandar, sama ada kerana tidak mampu membayar kenaikan sewa yang begitu tinggi ataupun diperintah keluar oleh pemilik bangunan melalui tindakan mahkamah.

Impak sosial ekonomi ke atas Bandaraya George Town begitu besar sehingga banyak sektor ekonomi menghadapi cabaran yang besar. Perniagaan mereka turut merosot kerana pemindahan penduduk dari pusat bandar. Dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini banyak kes kebakaran dan rumah usang yang runtuh berlaku. Beratus-ratus buah rumah yang dikosongkan oleh para penyewa dibiarkan begitu sahaja. Saya ingin menyuarakan rasa kesal saya di atas apa yang terjadi ke atas Bandaraya George Town selepas pemansuhan Akta Kawalan Sewa dan kegagalan pihak kerajaan menangani masalah yang berbangkit.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberikan peruntukan yang khas untuk memulihkan kelembapan yang dihadapi oleh Bandaraya George Town khususnya dari segi membaik pulih bangunan-bangunan yang usang, membaiki kemudahan asas, memulihkan perniagaan yang terjejas oleh impak sosial ekonomi, pemansuhan Akta Kawalan Sewa ini.

Saya juga ingin menyentuh tentang keputusan kerajaan untuk mengecualikan duti setem untuk semua pembelian hartanah kediaman yang dibuat dalam tempoh 1 Januari lalu hingga 30 Jun ini. Memanglah kita mengalu-alukan pengecualian ini tetapi saya ingin kementerian menjelaskan mengapa pengecualian ini cuma diberikan kepada pembelian hartanah daripada pemaju yang berdaftar dengan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REDHA) ataupun Persatuan Pemaju Perumahan Sabah dan Persatuan Pemaju Perumahan Sarawak. Ini disebabkan kita tahu bahawa banyak perumahan tidak berdaftar dengan pertubuhan-pertubuhan seperti yang saya katakan tadi. Jadi, saya rasa kerajaan haruslah memberikan pengecualian ini juga melibatkan perumahan yang dibina oleh pemaju-pemaju yang bukan menjadi ahli tiga pertubuhan ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kerajaan tentang caj komersial ke atas premis komersial yang dikenakan oleh Indah Water Konsortium di mana penilaian tahunan premis itu digunakan untuk menetapkan kadar caj IWK ke atas premis komersial dan kita mendapat aduan daripada pelbagai pihak premis komersial bahawa caj asas itu begitu besar walaupun mereka tidak menggunakan air.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Chow Kon Yeow:Air yang begitu banyak, sehingga ada pertubuhan-pertubuhan yang dikenakan caj sehingga RM4,000 sebulan bagi bayaran IWK. Ini satu perkara yang melibatkan banyak premis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Chow Kon Yeow:Komersial di negara ini dan saya berharap kerajaan akan mengkaji dan meletakkan satu caj yang munasabah.

Jadi, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Lipis.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hai!

3.30 ptg.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]: Apa hai-hai?

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung.

Tuan Yang di-Pertua, bermula dengan *alhamdulillah* Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung menyatakan kesyukuran kerana keselamatan negara adalah terkawal dan terus berada di dalam keadaan aman dan stabil. Pentadbiran kerajaan berjalan lancar dan rakyat hidup dalam keadaan aman dan makmur. Mengikut Baginda ini semua diperolehi melalui pentadbiran yang berwibawa di bawah pemimpin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mendapat sokongan padu daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Ahli-ahli Parlimen daripada Britain telah mengunjungi kita dan saya telah dimaklumkan bahawa Malaysia ini boleh dijadikan satu contoh dan terkehadapan daripada beberapa segi walaupun dibandingkan dengan Great Britain sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat bagi kawasan luar bandar dan penduduknya bergantung kepada pertanian. Saya sangat gembira kerana penekanan masih lagi diberikan kepada sektor ini sebagai penjana pertumbuhan ketiga ekonomi negara. Pelbagai strategi dan program akan dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran atau produktiviti dan daya saing bagi memastikan sektor ini menjana pertumbuhan yang tinggi. Sehubungan dengan itu, sukacitalah saya jika Kementerian Pertanian dapat menerangkan secara terperinci apakah strategi dan program-program yang akan dilaksanakan.

Mengenai dengan sumber atau dana yang mencukupi yang akan disalurkan kepada sektor ini, sukacitalah saya menarik perhatian Kementerian Pertanian berhubung dengan projek pembangunan pertanian bersepadu Pahang Barat yang telah tamat tempoh pada tahun 2000. Di Dewan yang mulia ini saya memohon supaya projek IADP di bawah Pahang Barat tidak ditamatkan. Jawapan Kementerian Pertanian pada masa itu ialah bahawa walaupun IADP ditamatkan, dana untuk pertanian akan terus diteruskan melalui agensi pertanian seperti JPS untuk membina jalan ladang, program pemasaran melalui FAMA, pembangunan komoditi melalui LPP dan pertanian.

Walau bagaimanapun, dukacita saya memaklumkan sehingga hari ini termasuk tahun 2001 pelaburan atau saluran dana yang dijanjikan ke enam daerah di Pahang Barat masih belum disalurkan. Dengan itu saya mohon supaya bagi tahun 2002 ini ia dapat disalurkan kepada agensi-agensi berkenaan di Wilayah Pahang Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Kerja Raya yang akan mengkaji semula pembangunan rangkaian jalan raya di seluruh negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kementerian tersebut yang telah menaik taraf jalan utama di Cameron Highlands yang menjadikannya jalan-jalan utama di sana luas dan lebih selamat digunakan setimpal dengan peranan yang dimainkan oleh daerah tersebut sebagai pusat pelancongan dan kawasan peranginan.

Namun begitu, saya berharap jalan yang menghubungkan Cameron Highlands dan Pulaui dapat disiapkan dengan segera kerana ia merupakan satu lagi pintu masuk yang baru di Cameron Highlands. Begitu juga jalan Cameron Highlands ke Kuala Lipis dapat dilaksanakan dengan segera. Ini adalah kerana kedua-dua daerah yang berasingan ini yang terletak dalam satu kawasan Parlimen tidak dipisahkan dengan satu perjalanan yang memakan masa yang begitu lama iaitu kira-kira enam jam perjalanan, sama seperti dari Kuala Lumpur ke Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Kerja Raya supaya tidak mengetepikan pembangunan jalan dari Tapah ke Cameron Highlands yang tidak dinaikkan taraf sekian lama yang boleh membahayakan penggunaannya terutama di musim hujan apabila berlakunya tanah runtuh dan sebagainya. Untuk makluman Dewan, jalan raya ke Cameron Highlands daripada Tapah sehingga ke sempadan negeri Pahang, sebelah Cameron Highlands amat buruk tetapi di sebelah negeri Pahang, ia begitu baik pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya ini juga saya dapati bahawa kementerian ini dalam proses ia melaksanakan projek-projek tidak mengambil kira kontraktor tempatan bagi negeri Pahang dan bagi daerah Lipis. Banyak atau hampir keseluruhan kontraktor-kontraktor jalan atau bangunan di bawah kementerian ini adalah kontraktor daripada luar. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan ini saya merayulah kepada Kementerian Kerja Raya supaya menimbangkan kontraktor tempatan dalam melaksanakan projek-projek di bawah kementerian ini. Ini untuk mengelakkan apa yang dipanggil sebagai *economic linkages*.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal industri komunikasi dan multimedia, saya ingin merayu kepada pihak berkenaan berhubung dengan pembekalan telefon ke luar bandar.

Pada hari ini, surat khabar Utusan Malaysia saya nampak ada lagi kompelin daripada penduduk di kawasan saya berhubung dengan pembekalan telefon. Di kawasan saya melalui lawatan-lawatan yang saya buat baik di bandar ataupun di kampung, inilah kompelin yang banyak kita dengar. Di bandar Lipis sendiri umpamanya, talian tidak mencukupi, apatah lagi di kampung-kampung.

Jadi, dengan itu saya agak merasa hairan bagaimana STMB yang telah membuat keuntungan berbilion-bilion tetapi tidak menjalankan *social obligation* kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Kawan saya daripada Sarawak pun memang se pendapat dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak lengkap kalau saya tidak menyentuh soal keselamatan dalam negara seperti mana yang telah di titah ke bawah Duli Yang diPertuan Agong. Saya dapati bahawa balai-balai polis atau lokap-lokap di negara ini ada lagi yang masih dibuat daripada kayu, dan dengan itu kita dapati bahawa keadaan ini tidak sesuai.

Semasa saya membuat laporan berhubung dengan satu kes di pejabat Balai Polis Sentul umpamanya, saya diberitahu bahawa kawasan (*coverage*) Balai Polis Sentul melibatkan seramai 1 juta penduduk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun] [Bercakap dengan Yang Berhormat bagi Lipis]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada apa? Hendak janji apa ini? Ya! Hendak bagi jalan? Sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan pejabat-pejabat polis, station polis dan sebagainya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat sebagaimana yang Yang Berhormat sebutkan tadi masih banyak stesen polis, kemudahan polis dan sebagainya itu masih dibuat daripada kayu dan tidak sempurna.

Umpamanya di Bandar Miri, yang mana sekarang untuk dijadikan bandaraya pada tahun 2004, tetapi *Police Station Miri* yang ditunjuk di tengah jalan yang dikatakan jalan untuk semua, orang peranginan, orang datang daripada luar bandar, luar negara datang tetapi tempat kediaman polis masih macam

Seorang Ahli: Reban ayam.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak juga macam reban ayam, baik sikit daripada reban ayam. Jadi, tidak secucuk dengan tujuan kerajaan untuk menjadikan bandar ini satu bandaraya tiga tahun yang akan datang. Jadi, apa tindakan yang sepatutnya dibuat, Yang Berhormat?

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Saya amat bersimpati dengan kawasan Yang Berhormat, tetapi kawasan saya alhamdulillah, balai-balai polis boleh dikatakan semuanya baru, tetapi saya meneliti bahawa tempat lain masih lagi dan kita merayulah kepada Kementerian Dalam Negeri supaya melihat pembangunan balai-balai dan juga lokap-lokap yang lebih baik lagi yang dapat kita 'menyimpan' banduan-banduan dengan selamat.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin menyentuh ialah Kementerian Pengangkutan, di mana saya dapati kalau kita mahu menukar milik kenderaan kita, kita terpaksa pergi ke tempat yang mana ada fail berkenaan kenderaan kita. Jadi, masa dahulu, saya dapati kita boleh menukarkan hak milik kenderaan kita di mana-mana tetapi sekarang ini ia berbalik semula, kena pergi ke tempat di mana fail kenderaan kita berada. Jadi, apalah gunanya kalau kita mempunyai *electronic government* kalau kita tidak dapat menggunakan kemudahan ini?

Seperti biasa saya memang berminat dengan *pets*. Dahulu saya bercakap pasal ikan kelah, tetapi kali ini saya dapati bahawa banyak *wild animals* ini boleh kita *domesticate*, maknanya kita boleh jinakkan, tetapi apa yang dilakukan sekarang ialah binatang-binatang yang telah hampir pupus ini tidak boleh ditangkap, tidak boleh dipelihara dan sebagainya.

Maka dengan itu, kita dapati hari ini - binatang-binatang liar ini yang boleh kita jinakkan semakin hari semakin pupus. Jadi, saya mencadangkan supaya undang-undang yang mengatakan kita tidak boleh menyimpan atau menangkap binatang-binatang liar seperti kancil, rusa, napoh, kijang dan sebagainya itu, kita adakan undang-undang supaya membolehkan kita memelihara. Dengan sebab itu kita dapat menyimpan binatang-binatang ini daripada pupus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja. Saya dengan ini mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bachok.

3.40 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sukacitanya, dengan ini saya mengambil peluang di atas perbahasan titah Diraja ini.

Pertama sekali, suka saya memperbetulkan salah fakta yang telah pun diucapkan oleh pihak Yang Berhormat bagi Arau semalam berhubung dengan beberapa isu berkait dengan Kelantan dan penglibatan secara langsung petugas-petugas daripada Kelantan dalam Pilihanraya Kecil Indera Kayangan.

Pertama sekali ialah berhubung dengan tuduhan yang mengatakan kehadiran petugas PAS Kelantan di antaranya telah mewujudkan tindakan-tindakan ganas di pihak pembangkang di Indera Kayangan adalah satu tuduhan kerana kita tahu yang membangkitkan tindakan ganas dalam pilihan raya yang berkenaan ialah kerja-kerja yang dicetuskan oleh petugas-petugas daripada Barisan Nasional sendiri. Misalannya telah pun berlaku betapa kereta pemimpin parti KeADILan telah dipecahkan oleh tindakan ganas daripada petugas Barisan Nasional.

Kedua, telah berlaku juga suatu gerakan ataupun wujudnya satu geng yang dinamakan Geng Gagak Hitam yang ditaja oleh Barisan Nasional.

Ketiga, suatu cubaan untuk merempoh kumpulan petugas, peraih undi daripada KeADILan.

Fakta yang keduanya, salah lapor ialah berhubung dengan kehadiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan untuk sembahyang Jumaat di Masjid Guar Syed Alwi dalam daerah mengundi Seberang Bakau pada tarikh 18 Januari 2002.

Daripada dakwaan beliau betapa pada majlis itu huluran salam daripada Timbalan Perdana Menteri telah disambut dengan makian, cacian, ludah serta hinaan daripada pemimpin-pemimpin PAS yang datang daripada Kelantan. Perkara ini adalah suatu isu yang paling tidak senonoh dan tidak wajar dituduh kerana perkara ini tidak berlaku.

Pertama sekali, Yang Berhormat bagi Arau tidak bersembahyang bersama dengan pihak Timbalan Perdana Menteri kerana beliau adalah seorang muslimah, tidak hadir sembahyang Jumaat.

Yang keduanya, saya sendiri hadir sembahyang pada hari itu dan tidak pun berlaku apa yang disebutkan dan tidak berlaku juga perkara-perkara yang tidak diinginkan. Sebaliknya berlaku suatu jalinan mesra, huluran salam yang berlaku dengan sebegitu baik sekali dan saya menyaksikan sendiri perkara itu dan saya ada bersama.

Yang ketiga, dituduh lagi betapa dalam isu-isu kempen pilihan raya petugas-petugas Kelantan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan telah pun menjalankan tindakan-tindakan merayu undi di kawasan Guar Syed Alwi sedangkan yang sebenarnya yang bertugas di Guar Syed Alwi itu bukan petugas-petugas PAS Kelantan tetapi petugas daripada UMNO Kelantan.

Maka kalau ada silap tafsir di sebalik perkara-perkara berlaku saya yakin dan percaya petugas-petugas UMNO daripada Kelantan yang sebenarnya menyamar bertindak sebagai petugas PAS dengan menimbulkan beberapa provokatif yang mencetuskan kemarahan kepada PAS.

Itu adalah antara perkara yang ingin saya bangkitkan mengenai kepalsuan yang didakwa oleh pihak Yang Berhormat bagi Arau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan titah Yang di-Pertuan Agong disebutkan betapa negara kita mengharapakan satu kemajuan dalam industri pelancongan. Maka disebutkan satu slogan dikatakan "Mesra Malaysia".

Dalam hal ini, kita yakin dan percaya kedatangan pelancong ke negara kita telah begitu meningkat dari masa ke semasa dan dari setahun ke setahun mencapai angka 9 juta untuk tempoh terakhir ini. Kelantan telah menerima biasan yang sama ataupun menerima kehadiran daripada pelancong luar ekoran daripada kemajuan negara dan juga peralihan selera pelancong daripada Eropah kepada Asia.

Dalam hal ini, saya meyakini usaha-usaha untuk mengindahkan lagi negara kita dengan konsep warna-warna semula jadi di negara kita perlu dipertingkatkan kerana negara kita mempunyai satu keindahan, warna-warna yang begitu rupa. Ramai pelancong daripada Eropah, daripada Singapura dan juga daripada Asia lain turut hadir ke negara kita termasuklah destinasi mereka sampai ke Pantai Timur dan Kelantan.

Cuma saya ingin bangkitkan beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan oleh pihak kerajaan bagi menghayati usaha "Mesra Malaysia" ini dan untuk mengindahkan lagi warna-warna negara kita ini.

Di sepanjang perjalanan ke Pantai Timur, khususnya melalui Kuala Lipis – Yang Berhormat bagi Lipis tidak sebut, saya cuba sebutkan – melalui Kuala Lipis ke Gua Musang dan Kuala Krai, seterusnya ke destinasi terakhir di Kota Bharu, sesungguhnya pelancong sangat minat melalui jalan darat kerana perjalanannya dihiasi dengan warna-warna daripada flora dan fauna dan tidak juga kita lupakan keindahan laluan yang berbukit-bukau serta bercerun landai.

Dalam hal ini, beberapa kes yang perlu dipertingkatkan di sepanjang perjalanan laluan Kuala Lipis-Gua Musang-Kuala Krai ini iaitu perlunya kepada suatu pusat persinggahan yang lebih menarik dan lebih membahagiakan pelancong-pelancong dan juga pengguna-pengguna domestik sendiri.

Beberapa laluan yang saya rasa ia perlu diadakan pusat-pusat persinggahan bagi memberi ruang dan masa yang baik kepada pelancong untuk menikmati keindahan, misalnya di satu laluan yang paling strategik ialah di kawasan bukit tinggi di antara laluan Kuala Lipis-Gua Musang iaitu kita namakan kawasan itu sebagai Bukit Tujuh. Di situ, di antara puncak-puncak tertinggi di sepanjang laluan Kuala Lipis ke Gua Musang, jika dibina suatu persinggahan untuk rehat dan memberi kemudahan untuk pelancong menyaksikan keindahan persekitaran di puncak pergunungan, sudah pasti ia lebih menarik lagi kepada perjalanan pelancong.

Oleh kerana itulah saya menganggapkan pihak JKR mahu pun pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan seharusnya mengambil tanggungjawab dalam perkara ini dan pengalaman kita melalui kawasan lebuh raya ataupun jalan Pantai Timur ke Grik, kita dapati ada dua pusat persinggahan yang memberi ruang untuk pihak pelancong dan juga untuk pengguna jalan raya singgah dan menyaksikan beberapa keindahan di kawasan hutan belantara itu. Satunya ialah dekat dengan Pengkalan Hulu, di antara Pengkalan Hulu, Baling dan satu lagi ialah di antara laluan Grik-Jeli. Jadi, perkara ini perlu dibina juga di sepanjang jalan Kuala Lipis ke Gua Musang.

Demikian juga rungutan-rungutan telah ditimbulkan oleh pengguna-pengguna jalan raya di sepanjang Kuala Lipis-Gua Musang ini iaitu adanya laluan-laluan bahaya dan puncak-puncak yang menghalang laluan-laluan untuk kenderaan berat untuk lalu dengan selesa dan mudah. Bas, lori dan trailer yang memuatkan muatan yang melebihi daripada 10 tan, kebanyakan bermasalah untuk melepasi puncak bukit yang dikatakan Bukit Tujuh tadi.

Oleh kerana itu, mereka terpaksa membuat alternatif melalui jalan jauh, melalui Karak, Kuantan dan Kuala Terengganu untuk sampai ke Kota Bharu. Dalam perkara ini, dari sudut ekonominya, kita rasa satu kerugian sebab mereka telah terpaksa menghabiskan masa melebihi dua jam kelewatan daripada perjalanan melalui Kuala Lipis-Gua Musang untuk sampai ke Kota Bharu.

Oleh kerana itu, pihak JKR khususnya seharusnya mengambil satu tanggungjawab atau Kementerian Kerja Raya seharusnya mengambil tanggungjawab yang lebih serius bagi memastikan sumber pertumbuhan ekonomi sepanjang perjalanan Pahang-Gua Musang, Kelantan ini. Langkah yang lebih serius lagi dan paling sesuai dalam keadaan kita telah pun diperuntukkan beberapa peruntukan rangsangan ekonomi.

Satu perkara lagi berhubung laluan berkenaan ialah untuk mengelakkan beberapa laluan bahaya yang boleh mengancam nyawa dan juga berlakunya *accident* ataupun kemalangan yang tidak diduga. Misalnya, pada cuti penggal persekolahan penghujung tahun lalu, kira-kira dalam sesi Parlimen lalu, telah berlaku satu *accident* yang paling mendukacitakan. Sebuah keluarga telah menghadapi maut kerana mereka melalui laluan berliku yang merbahaya di Chegar Perah, kira-kira di kilometer 225 yang menyebabkan *accident* yang meragut nyawa satu keluarga.

Dalam hal ini, kita yakin jika satu usaha untuk memperbaiki mutu dan juga keselesaan jalan ini tidak dibuat, maka lebih banyak lagi nyawa akan "tercabut" daripada pengguna-pengguna jalan raya itu sendiri.

Kemudian lagi saya perhatikan dalam usaha untuk memajukan pelancongan negara ini, kita menghendaki betapa usaha-usaha untuk mewarnakan negara kita dengan keindahan dan juga suatu kesinoniman dari sudut kejiwaan jiwa Malaysia itu sendiri. Misalnya kita lihat warna utama atas nama Kerajaan Barisan Nasional, mereka memilih warna biru. Begitu juga parti komponen Barisan Nasional, mereka juga memilih warna biru. Asas ini telah menjadikan asas kepada warna utama kepada kerajaan. Tetapi dalam masa yang sama, kita wujudkan satu keunikan apabila pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya lebih berkonsepkan kehijauan. Dalam hal ini mungkin suatu nilai yang lebih baik lagi jika Putrajaya itu diindahkannya dengan pelbagai warna dari sudut binaan bangunan ataupun lanskapnya.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya dalam konsep memajukan pelancongan berasaskan kepada kewarnaan negara kita ini, perlunya pusat-pusat tumpuan pelancong dan juga bandar-bandar yang menjadi suatu tarikan kepada pelancong ini mesti dibangunkan dengan berasaskan kepada lanskap yang

berkonsepkan kewarnaannya yang pelbagai bagi menarik minat para pelancong itu sendiri.

Dalam masa yang sama, kita mempunyai satu imej korporat yang begitu berjaya. Misalnya Petronas dengan imej warna kehijauannya, walaupun tidak disenangi oleh banyak pihak daripada pemimpin Barisan Nasional tetapi warna Petronas yang bersifat korporat sedemikian harus diperlebarkan dan digagahkan lagi dengan imej yang begitu gah dengan kedudukan Petronas sebagai satu pencetus kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam hal ini, kita yakin dan percaya usaha-usaha untuk mewarnakan negara kita ini dengan konsep yang sedemikian boleh digarapkan dengan lebih cemerlang lagi.

Menerusi Sistem Penerbangan Malaysia ataupun MAS, kita melihat MAS telah memilih pada khidmatnya dengan warna merah dan putih. Oleh kerana itu, kita melihat MAS seharusnya berfikir dengan secara lebih terbuka lagi bagi menghadapi kemajuan sistem penerbangan ini berkonsepkan warna yang serasi dengan sebutannya iaitu sebutan MAS itu sendiri, sepatutnya warna pilihan ialah warna kuning emas ataupun *golden colour*.

Tetapi dalam keadaan yang sama, suatu asas yang boleh kita pertimbangkan dengan sebaik-baiknya supaya MAS lebih terbuka dalam menerima konsep kewarnaan dalam imej korporatnya sebagai sistem penerbangan yang telah pun dimiliki sepenuhnya oleh pihak kerajaan menerusi pembelian daripada Tan Sri Tajuddin Ramli ini.

Dalam keadaan yang demikian, telah wujud satu penerbangan yang memberi suatu kompetitif kepada MAS iaitu Air Asia. Air Asia dengan kempen "terbang murah untuk 30 penumpang pertama", saya merasai satu kempen yang baik untuk meletakkan taraf sistem penerbangan sebagai satu pilihan untuk pergerakan dalaman ataupun di luar negara, termasuklah untuk menarik pelancong itu datang ke negara kita.

Walaupun begitu, lobi Air Asia untuk terus menggunakan Lapangan Terbang Subang sebagai satu lapangan terbang pilihan mereka seharusnya diberi pertimbangan oleh pihak kerajaan untuk memastikan tidak berlaku pembaziran atau penutupan kepada lapangan terbang tersebut kerana dengan cara kempen Air Asia ini yang berkonsepkan warna merah pada kaunter jual tiketnya dan juga berkonsepkan warna biru putih dan *sticker* hijau pada pesawatnya membuktikan satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk memastikan penggunaan pesawat terbang ataupun Lapangan Terbang Subang dan juga Air Asia ini sebagai satu pilihan terbaik dalam memberi satu cabaran kepada MAS dalam konsep perniagaan penerbangan.

Oleh kerana itu, kita meyakini bahawa asas untuk memajukan negara perlu lagi diperindahkan dengan beberapa keindahan di pusat bandar raya kita sendiri. Warna-warna yang ada di bandar raya, kita lihat khususnya pada hari Jumaat, saya menyaksikan sendiri dan saya hadir untuk sembahyang Jumaat di Masjid Jamek di belakang Jalan Tuanku Abdul Rahman, saya melihat suasana sesak dan tidak indah pada pandangan mata dan tidak cantik.

Walaupun asas kewujudan warna pada hari Jumaat itu dengan putih kopiahnya, dengan hitam songkoknya, dengan jubah dan seumpamanya, indah pada suatu pandangan tetapi pada pentafsiran, ia menggambarkan satu imej yang mengalpakkan Kerajaan Barisan Nasional kepada pembangunan masjid yang menjadi tumpuan ramai itu sendiri.

Walaupun kita ada Masjid Negara yang kita megahkan tetapi di dada Kuala Lumpur ini ada masjid-masjid yang tidak indah untuk dipandang. Masjid Jamek yang begitu sesak dengan keadaan keselesaan tidak berlaku keindahan pemandangan, maka kita yakini pihak Dewan Bandaraya atau pihak berkuasa kepada pembangunan masjid itu perlu diambil perhatian. Kita tidak rela untuk lihat ahli jemaah sembahyang di kaki lima, sembahyang di celah-celah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ...Lanskap...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sembahyang di atas jalan yang begitu menghodohkan imej terutamanya kepada mereka yang bukan beragama Islam.

Oleh kerana itu, dalam menjawab sahutan negara kita yang berkonsepkan asas pembangunan keislaman ini seharusnya memberi tumpuan dalam perkara-perkara ini.

Akhir sekali saya ingin menyebut bahawa akhbar tabloid, *Era Baru* yang diterbitkan pada tarikh 15 Mac adalah mempunyai satu niat yang begitu jahat kepada Menteri Besar Kelantan dengan tajuk "Nik Aziz Disaran Undur Diri". Asas ini dikemukakan, benar-benar memberikan satu pandangan dari sudut tohmahan dan beberapa fitnah telah dilemparkan dalam rencana dan berita tersebut. Disiarkan berita dalam konsep untuk memberi satu kefahaman betapa buruknya Menteri Besar Kelantan kerana di antara hujahnya ialah selalu mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengelirukan.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Betul, betul!

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof:Sedangkan perkara ini adalah satu tohmahan dan tidak ada bukti kukuh. Walaupun Yang Berhormat bagi Larut kata betul tetapi saya menyangkal sama sekali.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Betul!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan begitu Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Alasan dangkal yang cuba *justify* dakwaan pemimpin-pemimpin UMNO sendiri yang cuba untuk menidakkan kebolehan dan keupayaan ulama yang memerintah sesebuah negeri daripada Kerajaan Barisan Nasional yang selalu berhutang setiap tahun untuk membayar gaji kakitangan, tetapi di bawah pimpinan ulama ini perkara ini tidak berlaku dan kewangan jelasnya telah pun dapat diselesaikan dengan baik walaupun tanpa bantuan daripada kerajaan pusat. Keupayaan seorang Menteri Besar yang bertaraf ulama ini seharusnya dijadikan contoh

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Dan harus diperlebarkan penguasaan ulama dalam pentadbiran negara dan harapan itu mungkin PASlah boleh memberi jawapannya.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Labuan.

3.56 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada petang ini. Pada kali ini saya akan menyentuh soal keselamatan negara dalam konteks lambakan pekerja asing dan pendatang tanpa izin ke negara ini sebagai topik utama ucapan saya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, insiden 17 Januari 2002 di asrama pekerja Hualon Corporation Malaysia Sendirian Berhad di Nilai, Negeri Sembilan, memberi tamparan hebat kepada negara bahawa lambakan pekerja asing atau pendatang tanpa izin telah mengakibatkan mereka berani mengambil tindakan nekad sehingga berani menentang pihak berkuasa tempatan dari menjalankan tugas, justeru menggugat keamanan negara kita sendiri.

Insiden ini turut menggambarkan sikap sebenar dan perilaku majoriti pendatang yang tidak menghormati undang-undang negara dan tidak takut untuk bertindak mengikut kehendak hati mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tahu lalu sahaja Malaysia menjadi negara pilihan kepada satu setengah juta pendatang asing pelbagai negara yang mencari kehidupan di negara yang kukuh ekonominya ini. Masalah kekurangan pekerja mengakibatkan kelonggaran diberikan untuk memasukkan mereka ke negara ini. Pendatang yang hanya datang

untuk mencari sumber kesejahteraan hidup ini tidak akan berbelanja lebih untuk kesejahteraan hidup mereka di sini. Justeru itu mereka memilih untuk membina rumah-rumah setinggal di mana sahaja mereka dapati ada ruang untuk membina perkampungan mereka ataupun kromi mereka.

Kesan negatif dengan adanya lambakan pendatang tanpa izin ataupun pekerja asing ini kepada negara kita ialah ianya menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah sama ada dalam bentuk rompakan, *petty crimes* - dengan izin - seperti pecah rumah, rogol dan juga tatkalanya membunuh. Mereka juga tergolong di antara golongan yang membawa budaya yang kurang sihat seperti gejala dadah. Jika di Sabah ianya syabu dan yang ketiga ianya menyekat peluang warga tempatan untuk mencari peluang pekerjaan kerana mereka ini menawarkan upah gaji yang murah di setiap sektor pekerjaan, terutamanya pembinaan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, bagi jalan kepada Larut? Masa ada 15 minit Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja soalan. Kita sedia maklum bahawa kebanjiran pendatang tanpa izin ini ataupun pendatang haram ke negara kita telah menimbulkan banyak masalah. Sama ada Yang Berhormat bersetuju pihak-pihak yang terbabit - kedutaan umpamanya - tiap-tiap negara di mana rakyatnya datang ke negara ini kita minta supaya mereka memantau, mengambil pendaftaran, rekod setiap warganegara asing yang datang ke negara ini melalui pihak-pihak berkuasa daripada masa ke semasa terutamanya imigresen supaya mereka tahu.

Saya beri satu contoh timbul masalah ada pendatang yang datang ke negara kita ini mengambil kesempatan. Kadang-kadang mereka datang ke negara kita ini sampai ada yang hilang dokumen dan akhirnya yang bertanggungjawab ialah kerajaan kita, dan yang hendak menghantar pulang terpaksa berbelanja besar. Dan sebelum balik kita terpaksa

Jadi, sama ada Yang Berhormat bagi Labuan bersetuju supaya kita minta kerajaan mengkaji supaya pihak kedutaan tiap-tiap negara yang ada di negara kita ini mengambil tahu dan mendaftar setiap rakyat mereka yang datang ke negara kita ini dan mengambil tahu apa yang telah mereka lakukan sewaktu berada dalam negara kita ini sebagai satu langkah untuk mengikuti segala perkembangan sewaktu mereka berada di dalam negara kita ini supaya mereka tidak lepas tanggungjawab. Minta sedikit penjelasan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Yang Berhormat bagi Larut, saya bersetuju dan saya yakin sistem seperti itu telah ada tetapi ini melibatkan individu. Bila melibatkan individu, sistem tidak boleh berbuat apa-apa kerana sistem tidak boleh mengawal sikap dan tabiat individu. Dan saya bersetujulah dengan cadangan Yang Berhormat bagi Larut.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, mengambil iktibar dari insiden di Nilai di mana kita khuatir dan bimbang yang ianya akan menjadi ikutan oleh PTI yang ada di negeri-negeri lain maka Polis Diraja Malaysia bertindak mengambil keputusan untuk melancarkan Ops Nyah II secara bersepadu dan serentak di Sabah dan juga di Wilayah Persekutuan Labuan yang mana masalah PTI di Labuan ini adalah berbeza dan tahapnya sudah kritikal. Jadi, pada tanggal 26 Februari Ops Nyah II dilancarkan. Perbezaan yang saya maksudkan di antara PTI di Tanah Besar Semenanjung dan PTI yang datang di Sabah dan Labuan ialah mereka berlindung di sebalik tiket pelarian ataupun *political refugee* di mana bila dikategorikan di bawah *political refugee* maka masuklah elemen-elemen UNCHR dan mereka ini mempunyai beberapa keistimewaan untuk tempoh tertentu berada di negara kita terutamanya di kawasan negeri Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, jumlah mereka yang pada asalnya - sebagai contoh di Labuan - 4,000 orang, tiba-tiba dalam tempoh 10 tahun meningkat kepada 15,000 orang dan merupakan satu perkara yang amat merbahaya dan serius. Oleh yang demikian, operasi yang dilancarkan pada 26 Februari yang membabitkan 13 daerah di

negeri Sabah dan juga di Labuan, dalam Ops Nyah tersebut sebanyak 12,997 orang disoal siasat dan sejumlah 4,426 orang merupakan pendatang tanpa izin. Dari jumlah tersebut seramai 1,420 pendatang tanpa izin ditangkap di Labuan dan merupakan jumlah yang terbesar pada ketika itu di dalam operasi Ops Nyah II tersebut.

Dalam Ops itu juga, pihak polis memusnahkan setinggian pendatang tanpa izin dan membabitkan sejumlah 6,130 buah rumah yang mana daripada jumlah tersebut, 1,211 buah rumah dimusnahkan di Wilayah Persekutuan Labuan, sekali lagi menjadi angka yang terbesar dalam operasi tersebut.

Dalam soal ini saya memuji sikap polis yang tegas dan yang tidak berkompromi dengan soal pendatang tanpa izin dan tidak berkompromi dalam soal keselamatan negara.

Selain daripada itu, saya juga melihat pada awalnya pembentukan unit *task force* untuk mengatasi masalah PTI di bawah Majlis Keselamatan Negara merupakan satu inisiatif yang baik. Walau bagaimanapun, melalui pengalaman saya yang mengikuti Operasi Nyah II daripada hari pertama yang dilancarkan baru-baru ini, saya tersangat berdukacita dengan sikap yang diambil oleh pegawai *task force* atau pegawai petugas khas ini di mana semasa berlakunya operasi tersebut pengarahnya sendiri tidak berada di lokasi di mana operasi tersebut dijalankan.

Dan yang lebih mengecewakan ialah perbezaan pendapat di antara pihak polis dengan pihak *task force* pada ketika itu di mana pihak polis mengutamakan keselamatan negara sebagai agenda melancarkan operasi tersebut dan pihak *task force* pula menimbulkan isu-isu seperti *human rights*, UNCHR untuk menghalang daripada proses Ops Nyah II dilancarkan dengan sebaiknya.

Apa yang ingin saya tanyakan Dato' Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini, ialah apakah objektif utama Majlis Keselamatan Negara menubuhkan *Task Force Unit* ini?

Yang kedua, apakah pencapaian yang telah dicapai oleh *Task Force Unit* ini semenjak ianya ditubuhkan dalam konteks menangani masalah pendatang tanpa izin dan juga menambahkan pekerja asing ke negara ini?

Dan yang ketiga, berapa ratus jutakah peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Majlis Keselamatan Negara ke atas *Task Force Unit* ini?

Saya bertanyakan demikian kerana saya melihat dengan terbentuknya *Task Force Unit* bukannya pendatang tanpa izin makin berkurangan tetapi makin bertambah. Lihat sahaja contohnya di Tanah Besar Semenanjung, kalau dulu kita melakukan penangkapan demi penangkapan tetapi hari ini mereka sudah berani memberontak, mereka sudah berani melawan, bermakna terbentuknya *Task Force Unit* ini tidak *signify* kesan yang ditunjukkan dalam menangani masalah PTI dan juga pekerja asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan jika sekiranya berlaku pertindihan dari segi tugas di antara *Task Force Unit* dengan pihak polis dan mengambil kira fungsi dan tugas polis, ada baiknya saya mencadangkan supaya isu menangani keselamatan negara diletakkan sepenuhnya di tangan pihak polis dan juga anggota tentera dan jika sudah tidak relevan dengan tertubuhnya *Task Force Unit* ini, maka saya mencadangkan kepada kerajaan supaya ditutup sahaja unit tersebut bagi mengelakkan tuduhan ataupun dijadikan *political issue* oleh pihak-pihak yang akan menggunakannya sebagai *political mileage*.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pohon laluan dari Yang Berhormat Labuan.

Isu pendatang asing ialah isu yang besar, kita ada lebih kurang 5% ke-10% pendatang asing dan pekerja luar yang ada dalam negara kita berbanding dengan penduduk. Kita menghantar balik pendatang asing tapi kita tidak boleh menghapuskan sebab keperluannya kita ketahui ada dan kerajaan membuat dasar baru mengambil daripada negara-negara yang berlainan.

Saya amat bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi tetapi adakah Yang Berhormat juga bersetuju supaya adakan satu dasar khusus, sekarang ini tidak ada dasar, masuk begitu sahaja, tidak ada agensi jabatan yang khusus mengendalikan mengenai kemasukan pendatang asing. Pagi tadi ada disebut oleh Sipitang bagaimana dengan anak-anak pendatang asing yang lahir di

sini, belajar di sini. Saya merasakan kerajaan perlu ada satu dasar untuk pendatang-pendatang asing dan perlu ada satu bahagian di bawah Kementerian Sumber Manusia untuk mengendalikan kemasukannya dan dijaga oleh *enforcement officers* daripada kementerian-kementerian yang berkenaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan tersebut? Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Pada pandangan peribadi saya ada dua kategori yang kita harus halusi di sini, pertama pekerja asing. Pekerja asing ini masuk mereka *legal* ataupun memenuhi syarat perundangan dan yang kedua isu terbesar kita ialah PTI. Pendatang tanpa izin ini lebih mudah kita ucapkan dalam bahasa Inggeris *illegal*....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Bagi saya sedikit masa Tuan Yang di-Pertua kerana ini soal negara, saya ingat pihak pembangkang pun berminat dengan isu ini. Ini isu keselamatan, Tuan Yang di-Pertua, kerana ini soal negara, saya ingat pihak pembangkang pun berminat dengan isu ini. Ini isu keselamatan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berikan saya sedikit masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perlu habiskan dalam satu minit sahaja.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Jadi saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, supaya masalah pendatang tanpa izin dan lambakan pekerja asing ini seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Arau tadi kerajaan mengkaji semula. Sekarang kita menubuhkan *Task Force Unit* untuk memantau dan memastikan bahawa mereka terkawal tetapi masalah yang timbul sekarang bagaimana dengan pendatang tanpa izin yang beranak-pinak di negara kita? Apakah yang akan terjadi kepada anak-anak mereka, apakah mereka diiktiraf warganegara? Pada hemat saya sudah tentu tidak, kerana jika bapa dan ibunya *illegal* ataupun pelarian ataupun pendatang tanpa izin maka anaknya juga *stateless*, bukan warganegara kita. Itu pada pandangan peribadi saya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang ingin saya sentuh di sini ialah berhubung dengan masalah dadah. Saya berkesempatan untuk berbincang dengan Ketua Polis Negara beberapa minggu yang lalu kerana saya kesal di Labuan, Tuan Yang di-Pertua, mohon memberikan saya sedikit masa, kita tidak bercakap soal heroin ataupun ganja di Sabah dan di Labuan. Kita bercakap soal syabu yang mungkin di Tanah Besar Semenanjung tidak tahu apa itu syabu.

Syabu ini telah pun dikategorikan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya di mana hukuman mandatorinya jika didapati memiliki bahan tersebut ialah hukuman mati. Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, syabu ini tidak boleh dikesan melalui *urine test* berbeza dengan dadah-dadah lain. Di Sabah dan di Labuan contohnya, pengedaran syabu ini betul-betul berleluasa dan saya melihat bahawa orang yang menjadi penagih syabu dengan pengedar, untuk pengedar ini sudah ada undang-undang, yang memiliki jika tertangkap mengedar, ditangkap hukuman mandatori mati tetapi masalahnya sekarang ini ialah pengguna. Saya lihat ada kelemahan teknikal dari segi perundangan negara yang ada pada hari ini berhubung kait dengan penagih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa sudah cukuplah.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Satu minit, satu minit Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak gulung ini, ini penting kerana kalau tidak penagih dadah akan bertambah, Tuan Yang di-Pertua. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang ada sekarang ini lemah, kerana jika ditangkap penagih tidak boleh didakwa. *There is a court precedent*, dengan izin, tentang penagih jadi kita tangkap pengedar, penagihnya tidak berkurangan malah bertambah, kenapa? Kerana perundangan ada kelemahan. Kita mencemuh polis, kenapa hari ini ditangkap, esok bebas. Ditangkap, esok bebas. Kita kena kenal pasti bahawa kelemahan perundangan kita juga harus dikaji. Mungkin undang-undang kita direka ataupun dibuat 15 tahun yang lalu, hari ini penagih dadah lebih *advanced* daripada kita, mereka lebih *advanced* daripada penguat kuasa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menggulung hujah saya.....

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Saya mohon supaya pihak polis juga diberikan kredit, diberikan pujian, mereka telah menangani isu dengan sebaik mungkin tetapi kelemahan dari segi perundangan menyebabkan mereka menjadi mangsa di media elektronik dan sebagainya seolah-olah mereka tidak bertindak. Saya telah mendapat rujukan yang jelas daripada pihak polis menengok fail, *court case* dan sebagainya memang mereka ingin mendakwa tetapi kelemahan undang-undang yang ada pada hari ini menyebabkan tindakan mereka hampa.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Pesuruhjaya Polis Sabah, ketiga-tiga Panglima Tentera yang ada di Sabah dan juga Pemangku Ketua Polis Labuan kerana menjalankan tugas dengan baik dalam menangani operasi Ops Nyah II.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor.

4.14 ptg.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan salam sejahtera. Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T. dan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua, untuk saya membahaskan usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke-XII, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Syed Putera Jamalullail di atas berkenaan Baginda untuk menyampaikan Titah Ucapan Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen Kesepuluh pada 11 Mac 2002.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesimpulan di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas kekeliruan segelintir masyarakat mengenai tafsiran jihad dan mati syahid yang mana ianya perlu diperjelaskan dengan terang dan nyata agar masyarakat dapat membawa fahaman sebenar tafsiran ini demi untuk kehidupan, kebaikan di dunia, insya-Allah kesejahteraan di akhirat.

Pihak kerajaan harus memberi tanggungjawab yang sepenuhnya untuk memperjelaskan agar isu soal agama Islam tidak akan menjejaskan ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Saya memohon ke atas pihak yang bertanggungjawab yang mencetuskan kontroversi keagamaan diambil tindakan yang sewajarnya.

Perkara ini perlu ditangani segera di atas pengisytiharan Malaysia ke atas sebuah negara Islam yang mahu, yang mana perlu diterapkan serta diperjelaskan khususnya kepada lain-lain bangsa bahawa ianya tidak sama sekali menjejaskan kehidupan rakyat berbilang kaum dan kebebasan beragama di negara ini, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dengan selaras ayat Al-Qur'an [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an*]

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk mempelbagaikan asas pertanian negara, sektor pertanian melalui penghasilan bentuk makanan perlu dipertingkatkan dengan lebih bersepadu agar stok makanan untuk keperluan negara sentiasa terkawal, untuk mengelakkan pergantungan kepada bahan makanan yang diimport yang sering mengalami peningkatan dari setahun ke setahun. Menyedari di atas keperluan dewasa ini, pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian Malaysia perlu mengambil langkah drastik untuk merealisasikan, di atas tanggungjawab untuk menjadikan negara sebagai pengeluar makanan negara tersendiri di samping memberikan sumbangan besar kepada negara dengan sekatan aliran wang negara ke atas keperluan bahan makanan yang diimport.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pelancongan yang terunggul di Rantau Asia Tenggara adalah satu langkah bijak serta keputusan tepat memandangkan setiap negeri yang terdapat dalam negara ini telah tersedia tempat serta kawasan-kawasan pelancongan yang tersendiri mengikut identiti kenegerian masing-masing yang boleh dinaik taraf dengan pelbagai kemudahan agar setiap tempat serta pusat pelancongan tersebut mencapai standard piawai pelancongan yang diperlukan oleh pihak Jawatankuasa Pelancongan Antarabangsa.

Di samping dengan keputusan kerajaan dengan mengadakan program serta aktiviti-aktiviti yang berkonsepkan kemasyarakatan di Malaysia yang berbilang kaum

akan menjadikan corak kebudayaan negara lebih unik serta menarik dan saya mencadangkan kepada Kementerian promosi ini perlu diperluaskan di peringkat antarabangsa agar maklumat berhubung dengan negara ini dapat diketahui oleh penduduk luar negara.

Bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor sendiri telah tersedia tempat pelancongan yang agak unik iaitu Bukit Melawati Kuala Selangor iaitu kawasan peninggalan sejarah di zaman pemerintahan Kesultanan Selangor menentang Kerajaan Belanda dan Jepun. Dengan menjadikan Bukit Melawati sebagai kubu pertahanan dan juga tempat persinggahan golongan di-Raja pada masa itu, di samping itu juga tempat melihat kelip-kelip di Kampung Kuantan, Kuala Selangor dan juga di Bukit Belimbing Kuala Selangor pada waktu malam yang mana tempat ini adalah merupakan tempat tarikan para pelancong luar negara.

Untuk kemajuan tempat pelancongan yang sedia ada, saya memohon kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk menaikkan taraf tempat bersejarah serta tempat pelancongan tersebut agar ianya lebih menarik serta selesa untuk menerima kunjungan pelancong dari luar negara ke atas pelbagai produk pelancongan yang tersedia di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Selaras itu menambah baik lagi kualiti perkhidmatan pelancongan di bawah Program Mesra Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan jalan adalah elemen yang terpenting bagi mencapai pembangunan pada suatu tempat melalui pelan pembangunan rangkaian jalan raya. Di kawasan Parlimen Kuala Selangor masih terdapat banyak rangkaian jalan raya di bawah penyelenggaraan Kerajaan Pusat masih berada di tahap rangkaian jalan raya yang tidak cekap dan selamat bagi kemudahan perjalanan pengguna dan barangan selaras dengan perkembangan ekonomi negara masa kini.

Mengambil kesempatan ini, Jalan Persekutuan 54 bermula dari Asam Jawa hingga ke Penjara Sungai Buluh yang berada di kawasan Parlimen Kuala Selangor adalah merupakan laluan utama yang menuju ke pusat bandar Kuala Lumpur dan juga laluan utama menuju ke destinasi Utara yang mana rangkaian jalan raya tersebut masih berada di tahap yang tidak selamat di mana hampir setiap minggu berlaku kemalangan maut ke atas pengguna di rangkaian Jalan Persekutuan 54.

Menyedari atas faktor ini saya memohon Kementerian Kerja Raya dapat melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf jalan raya ke atas kedudukan Jalan Persekutuan 54 diselenggarakan ke tahap yang lebih selamat, selesa dan bermutu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari di atas keperluan pembangunan desa di bawah Rancangan Malaysia Kelapan iaitu ke arah menjadikan desa sebagai satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan adalah bersandarkan kepada kekuatan kualiti hidup masyarakat itu sendiri di mana setiap masyarakat desa perlu mempunyai ruang pekerjaan yang mampu menyara hidup keluarga mereka.

Pembangunan prasarana lengkap seperti kemudahan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik adalah merupakan penyumbang untuk sesuatu kawasan tersebut untuk maju. Kerajaan melalui program pembangunan aktiviti ekonomi luar bandar perlu mempergiatkan usaha untuk meletakkan produk masyarakat desa di tahap yang selesa dengan menyediakan ruang pekerjaan kepada penduduk desa seperti penempatan industri sederhana di sesuatu kawasan yang dapat dikongsi bersama oleh beberapa penduduk desa yang berhampiran dengan mewujudkan zon Industri Kecil dan Sederhana (IKS), dengan penyertaan pekerja yang terdiri daripada penduduk desa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor bidang pendidikan, ianya adalah merupakan pelaburan untuk jangka masa yang panjang di mana hasil dari pelaburan ini ianya akan dimanfaatkan secara bersama iaitu oleh individu sendiri dan juga pihak kerajaan. Pelan Pembangunan Pendidikan 2001/2010 seperti yang telah dirangka, merangkumi perancangan pembangunan pendidikan. Ia merupakan satu konsep untuk menghasilkan golongan pelajar yang berilmu, berkemahiran tinggi, berpekeriti mulia serta menyesuaikan diri kepada pembangunan cabaran globalisasi dan liberalisasi dan ekonomi berasaskan kepada pengetahuan yang semakin mencabar.

Melalui perubahan serta perkembangan masa kini, kawasan Parlimen Kuala Selangor akan muncul sebagai Bandar Ilmu yang mana pelbagai program

pembangunan pendidikan akan tersedia di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Dan mulai unjuran ini saya memohon kepada pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan agar memberikan kemudahan kuota kepada anak-anak tempatan kawasan Parlimen Kuala Selangor menikmati kemudahan belajar di tempat sendiri, agar segala kemudahan serta keselesaan yang akan dinikmati oleh anak-anak tempatan, dan rakyat setempat akan berbangga dengan kemunculan Bandar Ilmu yang telah pun diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd. Khir bin Toyo, Menteri Besar Selangor baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, program perumahan rakyat terutama pihak golongan yang berpendapatan rendah, wajar pihak kerajaan memberikan penumpuan agar setiap daripada mereka mendapat kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu untuk dimiliki. Syabas! Tahniah kepada pihak kerajaan yang mana setiap rumah hari ini mempunyai tiga bilik. Memandangkan masih terdapat kekurangan rumah-rumah untuk golongan yang berpendapatan rendah, saya menggesa pihak kerajaan dapat mempertingkatkan lagi membina rumah-rumah di kawasan strategik agar setiap daripada mereka yang berpendapatan rendah mampu untuk memiliki rumah sendiri, agar mengurangkan beban mereka yang berkeluarga supaya hidup dalam kesempurnaan serta selesa di samping pertumbuhan ekonomi negara juga turut berkembang.

Namun pihak kerajaan juga harus tegas di atas tumpuan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan mewujudkan suasana hormat menghormati, kawasan persekitaran yang bersih, selesa, selamat dan mesra dan dengan tindakan mewujudkan ahli jawatankuasa taman perumahan yang berkonsepkan mesra di antara semua pihak tanpa mempersoalkan kedudukan kaum serta agama.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan melalui Pindaan Perlembagaan Persekutuan meningkatkan penglibatan wanita di dalam pembangunan negara jelas memperlihatkan bahawa tidak ada perbezaan di kalangan rakyat atas asas jantina di samping asas-asas lain. Dengan perubahan ini, sumbangan kaum wanita dapat digembleng bagi sama-sama untuk membangunkan negara. Selaras dengan peruntukan baru ini saya menggesa pihak kerajaan agar Pusat Khidmat Wanita segera dilaksanakan di kawasan-kawasan Parlimen di seluruh negara, khususnya di luar bandar kerana penubuhannya adalah penting untuk membantu kaum wanita ke atas kepelbagaian permasalahan yang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan kepada belia-belia negara diberikan penumpuan ke arah pembentukan keperibadian yang mulia, bermoral, bertanggungjawab, bebas dari pengaruh dan perlakuan negatif kerana golongan ini adalah merupakan aset kepada negara di masa akan datang.

Penekanan secara serius kepada pihak kerajaan untuk memberikan setiap orang ruang bagi melaksanakan pendekatan yang berasaskan gaya hidup bagi membentuk keberkesanan melalui pelbagai aktiviti, program yang sejurus dengan pembangunan sosio ekonomi negara. Menyedari di atas kepentingan bagi pembangunan belia menggesa kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan agar Program Khidmat Sosial Negara (PKSN) terus diterapkan kepada semua lepasan pelajar yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tanpa pengecualian.

Faedah ini penting kerana golongan tersebut akan melepasi alam persekolahan dan pematapan melalui Program Khidmat Sosial Negara, dapat dilaksanakan mengikut sektor-sektor yang menjadi keutamaan agar setiap pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dapat didedahkan kepada cara hidup bermasyarakat, adab pergaulan dan kepelbagaian dan juga pendekatan untuk dikenal pasti serta dimanfaatkan oleh golongan belia-belia itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pertahanan, langkah kerajaan untuk membeli kapal selam, kereta kebal yang terkini, hasrat untuk membeli jet pejuang SU 30 buatan Rusia adalah merupakan langkah positif bagi memantapkan benteng pertahanan negara di samping untuk memperlihatkan hubungan pertahanan dua hala terutama kepada negara-negara luar serta ingin membuat pelaburan dalam negara dalam tempoh jangka masa yang panjang. Ianya melihatkan kepada benteng pertahanan negara sebagai asas untuk menentukan pelaburan di dalam negara oleh negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, sektor awam. Pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan yang sekarang ini sedang dinikmati oleh setiap kakitangan sektor awam. Langkah kerajaan melaksanakan Aku Janji kepada kakitangan sektor awam adalah sebagai komitmen kerajaan dalam usaha untuk menggilap semula kesetiaan kakitangan sektor awam kepada pihak kerajaan yang memerintah negara....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulunglah.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Di samping usaha-usaha untuk membanteras pelbagai jenayah rasuah, salah laku dan penyelewengan, serta tidak meletakkan kepentingan itu melebihi daripada kepentingan peribadi yang mendorong kepada perlakuan yang tidak bermoral demi keluhuran undang-undang serta bertanggungjawab ke atas tugas yang diamanahkan ke atas mereka sebagai kakitangan sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya memperingatkan kepada diri saya serta rakan-rakan yang lain agar dapat menjalankan kewajipan serta tanggungjawab dengan penuh hemah dan beramanah serta untuk kepentingan bangsa, agama dan negara [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Dengan ini, saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita hanya ada satu jam sahaja untuk perbincangan Titah Ucapan Diraja. Oleh kerana kita perlu tutup balik pukul 5.30. Dapat berucap memang adalah lebih baik daripada tidak dapat diberi peluang berucap langsung. Maka, eloklah bagi saya hadkan masa kepada 10 minit supaya memberi peluang untuk tujuh orang berucap. Jadi 10 minit, minta maaf, terpaksa saya buat keputusan ini. Seputeh, sila.

4.28 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyatakan bahawa sistem pengurusan sumber manusia berasaskan *competency* akan diperkenalkan kepada sektor awam. Melalui sistem ini, setiap anggota perkhidmatan awam akan mempunyai *competency* yang tertentu bagi menyandang sesuatu jawatan dan dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan.

Di sini, saya ingin membangkitkan masalah kurang *competency* di sektor perkhidmatan awam dan kurang koordinasi di antara jabatan kerajaan. Dalam bulan lepas, Menteri Dalam Negeri berkata bahawa *MyKad* iaitu, kad pintar harus diterima oleh kesemua jabatan kerajaan. Saya ingin tanya sama ada semua pegawai polis yang menjalankan pemeriksaan lesen di jalan raya sekarang, diarah membawa alat pengesan *MyKad*.

Selain itu, saya juga ingin tahu, apakah wajar bagi kerajaan memasukkan kesemua maklumat seseorang dalam satu kad? Apakah ini menyenangkan rakyat ataupun menyusahkan rakyat? Misalnya, bagi pemandu kereta, kita biasa menyuruh agensi insurans untuk memperbaharui insurans kenderaan dan lesen memandu tetapi dengan adanya *MyKad*, setelah lesen memandu kita diperbaharui, kita sekarang terpaksa beratur di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara sekali lagi dan membayar RM2.00 untuk memasukkan maklumat baru lesen memandu yang telah diperbaharui itu ke dalam *MyKad* kita. Bukankah ini membazirkan masa dan usaha kita. Sekiranya *MyKad* diterima oleh semua jabatan kerajaan, kenapakah Jabatan Pengangkutan Jalan tidak boleh terus masukkan maklumat baru lesen memandu ke dalam *MyKad* kita? Bukankah ini menunjukkan kurang koordinasi di antara jabatan kerajaan.

Kes yang kedua, kegagalan kerajaan untuk membentangkan Kertas Putih mengenai rusuhan di Kampung Medan dalam bulan Mac, 2001 di Parlimen. Walaupun rusuhan tersebut merupakan rusuhan yang paling dahsyat dalam 30 tahun yang lepas, di mana peristiwa ini telah meragut enam nyawa dan mencederakan 75 orang yang kebanyakannya terdiri daripada kaum India. Menteri Dalam Negeri merangkap Timbalan Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa pihak polis akan mengumumkan laporan siasatan kepada *public* dalam bulan April, 2001 tetapi kerajaan tidak mengumumkan apa-apa sehingga ke hari ini. Di samping itu, kerajaan juga tidak menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Khas dan mengadakan perbincangan khas

terhadap pembunuhan beramai-ramai ini. Begitu juga dengan pihak Suhakam. Pihak polis hanya mendakwa tiga orang atas pembunuhan satu orang mangsa sehingga hari ini sahaja.

Menteri Kerja Raya dan Presiden MIC pernah berkata, bahawa keganasan terhadap kaum India ini merupakan keganasan yang di organisasi. Kalau kenyataan ini benar, kenapakah kaum India sahaja yang dijadikan mangsa dan kenapakah pihak polis tidak menjalankan siasatan terhadap keganasan yang di organisasikan ini? Kenapakah pihak polis mampu menahan ahli-ahli KMM dan mereka yang dituduh sebagai pengganas dengan begitu berkesan tetapi tidak mampu menahan penjenayah yang terlibat dalam tragedi Kampung Medan? Apakah nyawa kaum India di Kampung Medan ini tidak penting di mata kerajaan dan anggota polis?

Tragedi Kampung Medan menunjukkan bahawa kaum minoriti di negara kita kekurangan perlindungan dalam masa krisis dan keadaan ini telah pun diburukkan oleh politik perkauman di negara kita. Tibalah masanya bagi kerajaan untuk mengadakan satu undang-undang berkenaan dengan kaum seperti Akta Perlindungan Minoriti dan Akta Perhubungan Kaum di negara kita untuk menjamin keadilan dan perlindungan terhadap kesemua kaum minoriti yang lemah.

Kes ketiga, kes Tan Seng Hin, seorang warga Sarawak yang dilahirkan di Semenanjung Malaysia dan dihalang untuk memasuki Sarawak yang didudukinya selama 23 tahun. Dalam surat yang diberi oleh Timbalan Perdana Menteri Dalam Negeri kepada saya pada April tahun lepas, beliau menyatakan bahawa Tan Seng Hin hanya dilarang masuk ke Sarawak selama satu tahun oleh pihak imigresen mulai 6 Disember tahun 2000. Walau bagaimanapun, selepas Tan berjaya memasuki Sarawak semula pada 31 Disember tahun lepas, beliau diarah keluar dari Sarawak oleh pihak imigresen. Beliau malah diberi amaran bahawa sekiranya beliau enggan meninggalkan Sarawak, pihak kerajaan akan menghalau seluruh keluarganya dari Sarawak.

Sekarang, beliau terpaksa berpisah sekali lagi dengan keluarganya dan berada di Semenanjung Malaysia. Tan Seng Hin malah dilarang untuk menaiki kapal terbang di KLIA apabila beliau cuba balik ke Miri pada dua minggu yang lepas. Persoalan sekarang ialah, kenapakah kata-kata Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak diikuti oleh pegawainya di imigresen? Apakah sebab Tan Seng Hin dilarang masuk semula ke Sarawak? Apakah ini menunjukkan tidak sehaluan di antara pihak Imigresen Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan? Saya menghormati kuasa Kerajaan Negeri Sarawak terhadap imigresennya. Tetapi, ini tidak bermaksud bahawa Kerajaan Negeri Sarawak boleh mengambil apa-apa tindakan tanpa alasan yang munasabah khususnya dalam isu penghalauan terhadap seorang warganegara yang telah menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan Sarawak. Sekiranya boleh, saya ingin minta Menteri Dalam Negeri memberi satu jawapan yang munasabah terhadap kes Tan Seng Hin ini.

Kes keempat, polis di kawasan Bentong baru-baru ini mengarahkan bahawa hanya panji DAP dan Barisan Nasional yang bertanding di Pilihanraya Kecil Ketari dibenarkan pada hari pencalonan. Saya ingin tanya, bukankah arahan polis ini telah melampaui batas kerana keputusan seperti ini sepatutnya dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan bukannya polis? Bukankah ini menunjukkan bahawa pihak polis tidak jelas terhadap tugas dan lingkungan kuasanya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun menaikkan harga petrol dalam Belanjawan tahun 2002. Saya mencadangkan supaya kerajaan menggunakan wang yang dikutip daripada kenaikan harga petrol untuk mensubsidi tol supaya harga tol yang dikenakan kepada pengguna jalan boleh diturunkan khususnya di kawasan yang mempunyai penduduk yang tidak begitu berada seperti di Kampung Baru Salak Selatan. Di Kampung Baru Salak Selatan, penduduk di kawasan itu terpaksa membayar tol sebanyak RM1.00 untuk setiap laluan untuk masuk ke kampung mereka. Walaupun sekarang Syarikat Besraya yang menguruskan plaza tol tersebut bersetuju untuk membayar pampasan sebanyak RM600 untuk setiap keluarga di Kampung Baru tersebut demi menutup jalan kecil untuk masuk ke Kampung Baru yang terletak di hadapan plaza tolnya tetapi, ini tidak akan menyelesaikan masalah kerana penduduk Kampung Baru itu terpaksa membayar tol yang berharga RM1.00 kemudian.

Saya ingin minta Kementerian Kerja Raya supaya menanggung separuh daripada kos pembinaan Lebuhraya Sungai Besi supaya Syarikat Besraya boleh menurunkan harga tol kepada 50 sen ataupun menghapuskan plaza tol kemudian untuk

menyelesaikan pergaduhan di antara penduduk Kampung Baru Salak Selatan dengan Syarikat Besraya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini telah menghalang Chew Mei Fen seorang ahli politik Taiwan yang tingkah laku seksnya di biliknya dirakam tanpa pengetahuannya dan diterbitkan menjadi pita VCD tanpa pengetahuannya, untuk mengadakan pertunjukan di Malaysia. Alasan yang diberi oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dari MCA adalah pertunjukan Chew akan menghasilkan impak negatif terhadap pemuda-pemudi di Malaysia kerana Chew adalah seorang model yang tidak baik.

Walaupun saya tidak setuju dengan kehidupan pergaulan bebas Chew Mei Fen tetapi saya berpendapat keputusan Kementerian Dalam Negeri akan menimbulkan isu masalah keseragaman, keselarasan dan *consistency* dasar kerajaan. Kalau kerajaan menggunakan alasan kehidupan peribadi yang bergaul bebas Chew Mei Fen untuk menghalangnya daripada mengadakan pertunjukan di Malaysia, maka kerajaan juga harus menggunakan dasar yang sama terhadap bintang filem dan tokoh-tokoh ternama yang bergaul bebas dan mempunyai kehidupan peribadi yang tidak elok daripada mengadakan pertunjukan, malah berucap di Malaysia. Ini bermaksud, bekas Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, Prince Charles dari Britain, bintang filem seperti Jackie Chan dari Hong Kong yang mempunyai anak haram, Michael Jackson dan Elizabeth Taylor....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Tebrau bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...Dari Amerika Syarikat juga harus dihalang berucap dan mengadakan pertunjukan di Malaysia.

Saya juga ingin tanya kenapakah kerajaan membenarkan Mike Tyson yang dituduh dalam satu kes pembunuhan dan pukul isteri untuk mengadakan pertunjukan tinju di Malaysia tanpa mempedulikan bantahan daripada para pertubuhan wanita tetapi kerajaan tidak membenarkan Chu Me Feng untuk menyanyikan di Malaysia. Bukankah ini menunjukkan Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai dasar yang konsisten dari segi pengharaman seperti ini. Bilakah kerajaan akan mengadakan satu garis panduan yang konsisten dan jelas terhadap pengharaman jenis ini supaya Kementerian Dalam Negeri tidak menunjukkan *double standard* dari segi keputusan seperti ini. Ada masa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Satu minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak perkara Yang Berhormat dapat bangkitkan, bagus juga, kalau pandai gunakan masa, memang sepuluh minit cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, ada satu lagi, saya bangkitkan satu perkara lagi, iaitu saya ingin tanya yang Jabatan Bekalan Air Selangor telah dikorporatkan pada 15 Mac baru-baru ini dan ditukar nama kepada PUAS. Soalannya adalah; Apakah perbezaan di antara pengkorporatan dan penswastaan Jabatan Bekalan Air Selangor. Adakah ini maksud bahawa kerugian yang berlaku di Jabatan Bekalan Air Selangor sekarang akan ditanggung oleh kerajaan dalam pengkorporatan manakala kerugian akan ditanggung oleh Jabatan Bekalan Air Selangor dalam eksais penswastaan.

Saya ingin tanya memandangkan orang yang sama menguruskan PUAS selepas pengkorporatan. Apakah PUAS akan menjadi lebih berkesan selepas ia dikorporatkan. Apakah manfaat yang akan dinikmati oleh pengguna air selepas PUAS dan Jabatan Bekalan Air Selangor dikorporatkan. Apakah pengguna akan menghadapi kenaikan harga air lagi.

Selain itu saya juga ingin cadangkan supaya kerajaan mengkaji semula kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Bekalan Air Selangor terhadap bekalan air untuk penduduk pangsapuri itu RM1.20 satu unit dan RM1.90 untuk penduduk yang diam di pangsapuri yang menyambung kompleks membeli belah seperti di kondominium Pearl Point. Iaitu dua kali atau tiga kali ganda daripada kadar harga dahulu. Kadar ini adalah terlalu mahal untuk penduduk di kondominium. Kerajaan harus faham orang yang

duduk di pangsapuri kebanyakannya adalah golongan yang tidak mampu membeli rumah teres. Jadi kadar air yang dikenakan terhadap mereka tidak harus lebih tinggi daripada mereka yang duduk di rumah teres. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Serian.

4.40 ptg.

Tuan Richard Riot anak Jaem [Serian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berucap menjunjung kasih di atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan fokus ucapan saya kepada empat, lima perkara sahaja.

Satu, perkara lada hitam. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 lada hitam dijual pada harga RM18.00 sekilo. Pada awal tahun 2000 ia jatuh kepada RM8.00 sekilo. Dari RM8.00 sekilo pada awal tahun 2000 ia jatuh dan terus jatuh lagi. Pada hari ini harga sekilo ialah hanya RM3.80. Kejatuhan hampir enam ratus peratus. Akibat daripada kejatuhan harga yang teruk ini para pekebun kecil lada di negeri Sarawak termasuk di kawasan saya Serian, menghadapi masalah kewangan yang kritikal. Hampir kesemua pekebun-pekebun kecil lada menjadi daif dan dengan sendirinya jatuh dalam golongan keluarga PPRT.

Tuan Yang di-Pertua, kesusahan yang dihadapi oleh para pekebun kecil lada ini akibat daripada kejatuhan harga komoditi tersebut harus dipandang serius dan diambil berat oleh kerajaan. Kerajaan harus mencari jalan untuk membantu mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan kepada kerajaan supaya menyediakan satu skim bagi membantu mereka-mereka. Saya cadangkan agar skim bantuan yang menyerupai skim bantuan pekebun kecil getah yang diumumkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 8 Mac 2001 di Pahang dan dilaksanakan pada 1 Julai 2001 diwujudkan bagi membantu para pekebun kecil lada. Skim bantuan yang saya cadangkan ini boleh dinamakan sebagai Skim Bantuan Pendapatan Pekebun Kecil Lada.

Di bawah skim ini, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan, saya mohon bantuan sebanyak RM1.00 sekilo, RM1.00 diberi bagi setiap kilogram lada hitam yang dijual dan agensi-agensi kerajaan seperti Jemaah Pemasaran Lada Hitam, Pertubuhan Peladang dan juga Jabatan Pertanian boleh dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan boleh membantu para pekebun kecil getah dengan memberi bantuan 30 sen bagi setiap kilogram susu getah yang dijual di bawah Skim Pendapatan Pekebun Kecil Getah dan RM100 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan skim ini pada tahun 2001. Saya percaya kerajaan pun mampu juga memajukan skim yang serupa ini kepada pekebun-pekebun kecil lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi ke pendedag tanpa izin. Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pihak pasukan keselamatan kita iaitu polis dan tentera kerana dengan peranan yang mereka mainkan termasuk mengadakan rondaan-rondaan di kawasan persempadanan kita dengan Indonesia yang berbukit-bukau, bergunung-ganang, berhutan belantara, kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendedag asing tanpa izin warganegara Indonesia ke negeri Sarawak dapat dibendung.

Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada RELA kerana mereka juga terlibat dalam membanteras kegiatan penyeludupan kemasukan pendedag asing tanpa izin. Bagi mengurangkan lagi kedatangan penyeludupan dan pendedag asing tanpa izin warga Indonesia ke Sarawak, saya ingin mengemukakan dua cadangan. Satu, pembinaan pagar dan tembok. Saya cadangkan agar kerajaan membina tembok pagar di persempadanan kita dengan Kalimantan, Indonesia khususnya di sekitar kawasan-kawasan yang terdapat jalan-jalan tikus iaitu jalan-jalan dari mana kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendedag asing tanpa izin berpunca.

Tuan Yang di-Pertua, memang sukar untuk memagar dan membuat tembok di sepanjang sempadan kita yang begitu panjang iaitu panjangnya 1,600 kilometer. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya percaya memagar dan membuat tembok di sekitar kawasan di mana-mana jalan-jalan tikus ini sudah dikesan tidaklah begitu sukar.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, RELA. Memandangkan RELA telah membuktikan bahawa mereka juga telah memainkan peranan yang penting dalam membanteras kegiatan penyeludupan dan pendatang asing tanpa izin saya cadangkan agar pasukan RELA ditubuhkan di setiap kampung yang terletak di kawasan sempadan kita dengan Indonesia, khususnya di kampung-kampung di mana terdapat jalan-jalan tikus.

Masih dengan RELA saya juga memohon kepada kerajaan supaya setiap anggota RELA di seluruh negara khususnya mereka yang tinggal di pedalaman, di perbatasan Sarawak diberi sekurang-kurangnya satu pasang pakaian seragam kerana saya percaya Tuan Yang di-Pertua, dengan memberi satu pasang pakaian seragam kepada mereka akan dapat menyemarakkan lagi semangat mereka untuk berkhidmat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi kepada bekalan elektrik luar bandar. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk melaksanakan projek-projek bekalan elektrik luar bandar di negeri Sarawak.

Kerajaan telah memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan projek-projek bekalan elektrik luar bandar. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyediakan saya ialah semenjak lima tahun yang lalu pelaksanaan projek-projek BELB di kawasan Parlimen saya, P173 Serian, begitu lembap, begitu *slow*. Kalau sebelum ini sekurang-kurangnya lima projek dapat dilaksanakan dalam satu tahun, sekarang untuk melihat dua projek dilaksanakan dalam setahun pun susah.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya memantau dan mengkaji *performance* kontraktor yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek di kawasan saya, di Serian. Tuan Yang di-Pertua, rakyat marah. Rakyat marah bukan kepada kontraktor tetapi marah kepada Wakil Rakyat seperti saya dan marah kepada kerajaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke rumah guru. Baru-baru ini kerajaan telah membina rumah-rumah guru di setiap sekolah rendah kebangsaan di daerah saya, Serian. Ini adalah satu usaha yang baik dan harus diberi kepujian.

Bagi pihak rakyat di kawasan Parlimen Serian, khususnya para warga pendidikan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas usaha ini. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah guru hanya dibina di sekolah-sekolah kebangsaan sahaja. Sekolah-sekolah bantuan seperti sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah yang dahulunya dikenali sebagai sekolah mubaligh atau *mission aided school*, dikecualikan.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya mohon kepada kementerian supaya membina juga rumah-rumah guru di sekolah-sekolah yang bukan sekolah kebangsaan iaitu sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah yang dahulunya dikenali sebagai sekolah-sekolah mubaligh. Untuk pengetahuan bersama, Tuan Yang di-Pertua, di daerah saya Serian, hampir separuh daripada 79 buah sekolah rendah adalah sekolah yang bukan sekolah kebangsaan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke jalan kampung. Peratusan jalan kampung yang dinaik taraf atau diturap di negeri Sarawak masih rendah kalau dibandingkan dengan di Semenanjung. Di kawasan Parlimen saya Serian, kira-kira hanya 40 kilometer sahaja, dari 180 kilometer jalan kampung sudah dinaikkan taraf. Ini bererti yang selebihnya 140 kilometer lagi masih jalan tanah, masih jalan batu iaitu tanah yang becak di musim tengkujuh dan berdebu di musim kemarau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Richard Riot anak Jaem: Oh! Gulung. [Ketawa] Jadi oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan agar mengambil berat akan masalah yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan saya iaitu tentang perlunya jalan raya dinaikkan taraf atau diturap. Maka dengan peruntukan seperti mana yang saya sedia maklum iaitu sebanyak RM33.32 juta yang diperuntukkan untuk melaksanakan projek-projek jalan kampung di negeri Sarawak pada tahun ini harus diagihkan kepada kawasan saya Serian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.

4.52 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jalan di negeri Kelantan lebih baik daripada di negeri Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal isu Tabung Haji yang di mana berlaku suatu pendedahan yang dibuat oleh akhbar dan perakuan sendiri yang dibuat oleh menteri bahawa kehilangan sejumlah RM80 juta.

Bagi saya bahawa ini bukanlah kes pertama kali kehilangan ataupun kerugian seperti ini tetapi ini merupakan rangkaian daripada kerugian-kerugian yang terpaksa dan telah ditanggung oleh Tabung Haji, yang mana saya sering, berkali-kali di Dewan yang mulia ini telah membangkitkan isu soal kerugian yang berlaku di Tabung Haji tetapi sering pula dinafikan oleh pihak menteri ataupun pihak kerajaan sendiri.

Ada permainan-permainan istilah yang dibuat oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sendiri mengatakan bahawa ini bukan kerugian tetapi ini adalah kurang keuntungan. Ini permainan-permainan istilah yang tidak seharusnya digunakan oleh Setiausaha Parlimen kerana yang berada di sini adalah Ahli-ahli Parlimen bukannya Pengerusi JKKK.

Bagi saya bahawa seperti yang saya katakan tadi bahawa ini merupakan rangkaian daripada penyelewengan ataupun kerugian-kerugian yang telah berlaku sebelum ini dan didedahkan di dalam akhbar Berita Harian pada hari ini bahawa Tabung Haji saman Metrowangsa.

Bagi saya bahawa soal hendak saman sesiapa itu adalah hak Tabung Haji tetapi seolah-olah bagi saya bahawa Tabung Haji cuba hendak meletakkan dalam pemikiran pencarum-pencarum ataupun penyimpan-penyimpan ini bahawa yang salahnya ialah Metrowangsa ataupun pengurus dana termasuk juga dengan seorang bekas penyanyi nasyid dan juga bekas pelakon *Fajar Di Bumi Permata*, Pak Cat iaitu Ahmadi atau Ahmad Hasan.

Cuba diletakkan kesalahan itu kepada mereka ini, seolah-olahnya dia meletakkan bahawa mereka inilah yang menyebabkan kerugian kepada Tabung Haji sebanyak RM80 juta. Tetapi dalam masa yang sama, saya tidak nampak bahawa Tabung Haji cuba mendedahkan kepada rakyat bagaimana proses keputusan untuk melabur di dalam pasaran mata wang asing itu dibuat.

Ini yang saya kira bahawa Tabung Haji dan pihak kerajaan seharusnya memberitahu kepada publik dan pencarum-pencarum bagaimana proses pelaburan sebanyak RM100 juta itu dibuat di dalam pasaran mata wang asing yang saya kira bahawa ini akan menentukan, apakah perkiraan itu bijak ataupun tidak, dibuat oleh Tabung Haji sendiri.

Setahu saya bahawa proses pelaburan itu mesti ditentukan pertama sekali melalui salurannya ialah jawatankuasa pelaburan ataupun penasihat pelaburan. Kemudian diangkat kepada Lembaga Pengarah dan kemudian akhir sekali *decision* nya, keputusannya akan dibuat oleh Menteri.

Jadi apa yang saya hendak tahu, apakah ia terus melalui saluran-saluran seperti ini iaitu melalui panel penasihat pelaburan, kepada *board* dan juga kepada Menteri. Dan jika ianya melalui saluran ini, apakah perkiraan yang dibuat oleh saluran-saluran ini?. Apakah perkiraan penilaian untuk Tabung Haji membuat pelaburan yang besar dalam pasaran mata wang itu dibuat oleh penasihat pelaburan ataupun *board* ataupun Menteri...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Apakah mereka tidak tahu bahawa pasaran mata wang asing ini, perniagaan dalam Forex ini merupakan perniagaan yang berisiko tinggi seperti mana yang semua orang sedia maklum saya percaya Rompin juga sedia maklum. Saya minta maaf Rompin, saya hanya ada 10 minit, saya minta maaf. Ini merupakan perkara yang sangat penting yang harus diberikan penjelasan oleh pihak kerajaan khususnya oleh pihak Tabung Haji kerana bagi saya bahawa kalaulah panel pelaburan, *board* dan menteri tidak dapat memperjelas apakah perkiraan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan. Apakah perkiraan pelaburan itu dibuat maka sudah tentu ini akan menghakis suatu keyakinan

kepercayaan rakyat khususnya pencarum-pencarum dan juga penyimpan-penyimpan di dalam Tabung Haji....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk][Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...Jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa persoalan ini merupakan satu persoalan yang besar sebab bagi saya bahawa saya terfikir, bagaimana Tabung Haji boleh membuat satu keputusan untuk turut melabur dalam program yang ditawarkan kepada mereka oleh Pengurus Dana ataupun oleh yang ditawarkan oleh kumpulan Ahmad Hasan ini.

Kerana ini merupakan, semua orang tahu bahawa ia satu pelaburan yang berisiko tinggi. Bank Negara pernah kerugian dalam tahun 1993 sebanyak RM5.7 bilion apabila Bank Negara sebagai bank nasional ini telah terlibat dalam perniagaan mata wang asing iaitu dalam pelaburan dalam Forex sehingga menyebabkan kerugian dua tahun berturut-turut pada waktu sebanyak RM5.7 bilion....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tiba-tiba, Tabung Haji mengambil langkah yang pernah dilakukan oleh Bank Negara. Sepatutnya Tabung Haji telah mengambil kira ataupun mengambil masalah kerugian yang dialami oleh Bank Negara akibat daripada kesilapan mereka melabur ataupun terlibat dalam perniagaan mata wang asing ini sebagai satu pengajaran, sebagai satu iktibar untuk menyelamatkan kepentingan pencarum-pencarum ataupun penyimpan-penyimpan dalam Tabung Haji itu sendiri. Jadi oleh sebab itu saya ingin mendapat penjelasan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan sebab saya hanya ada 10 minit. Ini isu penting...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Penting ya! Dia tak bagi jalan ya!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bagi saya bahawa penjelasan perlu dibuat secara telus oleh pihak Tabung Haji sendiri. Apakah ini merupakan kelalaian ataupun satu benda yang disengajakan sebab bagi saya bahawa seperti yang dilaporkan oleh akhbar *Berita Harian* pada hari ini, dalam satu affidavit balas oleh Metrowangsa terhadap saman yang dibuat oleh Tabung Haji, beliau menyatakan bahawa Tabung Haji mengetahui latar belakang Ahmad Hasan sebagai peniaga kononnya peniaga bumiputera yang terbaik dalam urus niaga mata wang asing.

Kemudian katanya lagi dalam laporan ini, Tabung Haji tidak dapat berurusan secara terus dengan Ahmad ataupun Multitude Global dan Asasi kerana mereka tidak mempunyai lesen pengurus dana di Malaysia, lalu Metrowangsa dijadikan sebagai satu jambatan untuk membolehkan mereka melabur di dalam syarikat yang dimiliki oleh Ahmad Hasan itu sendiri.

Saya tidaklah hendak mempertikaikan Ahmad Hassan, latar belakang dia, dan sebagainya kerana saya tidak mengetahui dia terlalu banyak, saya hanya kenal dia sebagai pelakon yang memegang watak sebagai Pak Chat, dalam 'Fajar Di Bumi Permata' yang mengisahkan kehidupan peneroka-peneroka yang pernah disiarkan oleh Radio Malaysia suatu ketika dahulu.

Tetapi persoalan yang berlaku sekarang ini ialah bagaimana Tabung Haji telah berurusan dahulu dengan Ahmad Hassan ini atas nama Multitude Global dan juga Asasi ini dan kemudiannya oleh kerana mereka ini tidak mempunyai lesen.....

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Shah Alam.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak bagi jalan! Oleh kerana Multitude Global ini tidak mempunyai lesen sebagai pengurus dana di Malaysia, maka Metro Wangsa digunakan untuk membolehkan sebagai jambatan bagi mereka melabur

dalam syarikat yang dimiliki oleh Ahmad Hassan ini. Jadi, oleh sebab itu bagi saya bahawa hari ini, rakyat harus diberitahu bahawa persoalan pelaburan yang dibuat ini bukan suatu pelaburan yang diserahkan secara *lump-sum* ataupun bulat-bulat kepada Metro Wangsa ataupun Multitude Global dan juga Asasi ini tetapi pelaburan ini pelaburan yang dipilih oleh Tabung Haji.

Sebab saya percaya bahawa Tabung Haji tahu, sudah tentu dia kena tahu apakah portfolio yang dia hendak pilih untuk dia hendak tentukan pelaburan. Walaupun di sini tidak dijelaskan apakah portfolio, tetapi semua orang tahu apabila disebut *High Yield Programme* ataupun *Special Trading Programme* semua orang tahu, ia adalah pelaburan yang berisiko tinggi sama ada dalam konteks berkaitan dengan soal komoditi ataupun *Forex* (mata wang asing) dan juga yang berkaitan dengan perniagaan *bank guarantee* - yang dibeli daripada bank lain kemudian hendak dijual kepada bank lain, ini merupakan satu perniagaan yang sangat berisiko tinggi.

Seperti yang saya katakan tadi bahawa Bank Negara sendiri sebagai bank induk, bank nasional dalam negara kita telah mengalami kerugian sebanyak RM5.7 bilion. Jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa berdasarkan kepada beberapa arahan yang telah dibuat oleh Tabung Haji membuktikan bahawa Tabung Haji sendiri yang mengarah dan mengetahui dalam pengetahuan mereka bahawa pelaburan itu adalah pelaburan yang dibuat dalam *Forex*.

Seperti mana arahan yang dibuat oleh Tabung Haji pada 6 Januari kepada Metro Wangsa supaya membuat pelaburan semula daripada pelaburan pokok dan keuntungan secepat mungkin dalam *High Yield Programme*. Kemudian arahan yang kedua pula selepas itu pada 29 Mei 2001, satu lagi arahan yang dikeluarkan oleh Tabung Haji kepada Metro Wangsa, kepada pengurus dana ini, meminta melabur sebanyak RM75 juta secara secepat mungkin, secara segera di dalam program *High Yield Programme* dan juga di dalam *Special Trading Programme*.

Ini menunjukkan bahawa Tabung Haji sendiri yang telah membuat satu pengarahannya yang jelas kepada pengurus dana ini, bukan Tabung Haji memberikan arahan *lump sum* kemudian terpulang kepada pengurus dana untuk menentukan pelaburan tanpa pengetahuan Tabung Haji. Tetapi ini adalah merupakan pelaburan yang dibuat di dalam pengetahuan pihak Tabung Haji sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Boleh gulung sudah? Ini isu besar!.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak sudah cakap!.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya belum buka lagi, macam mana mahu gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu balik buatlah!.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Oh! [*Ketawa*]. Jadi, sebab itu akhirnya, yang menjadi mangsa ialah pencarum-pencarum, sebab itu kita lihat bahawa ekorannya daripada kerugian sebelum ini, menyebabkan pencarum telah memperolehi 3.25% bonus sahaja. Ini lebih teruk daripada Ahmad Nisfu dalam filem 'Tiga Abdul'. Ahmad Nisfu sebagai Sadiq Sigaraga, dia lantik penasihat ekonominya Salleh Kamil untuk hendak menghabiskan duit Ismi Ulam Raja. Oleh kerana Salleh Kamil beri nasihat yang dianggap baik, lalu dia beri 10%. Tabung Haji, UMNO, Barisan Nasional yang baik kononnya kepada rakyat, bagi 3.25%.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Akhir sekali saya hendak mencadangkan bahawa satu pembedahan siasat perlu dibuat kepada keseluruhan operasi Tabung Haji itu sendiri. Sebab itu saya mencadangkan sebagai sebuah suruhanjaya penyiasat ataupun jawatankuasa penyiasat mesti dibuat dan dipertanggungjawabkan di bawah Parlimen. Ini bukan saya tidak percaya kepada polis dan BPR tetapi sejarah telah memperlihatkan bagaimana kegagalan polis, kegagalan BPR, dalam hendak melaksanakan proses penyiasatan, akhirnya kalau dibuat pun hanya untuk simpanan fail Perdana Menteri tanpa untuk mengambil apa-apa tindakan kepada mana-mana orang yang terlibat dalam apa-apa penyelewengan.

Sebab itu saya cadangkan satu suruhanjaya ataupun jawatankuasa penyiasat yang mesti dibentuk dan diletakkan di bawah tanggungjawab Parlimen untuk membuat suatu penyiasatan bedah siasat yang menyeluruh terhadap operasi Tabung Haji, kalau ianya membabitkan mana-mana kepentingan pemimpin-pemimpin negara yang terlibat dalam apa-apa penyelewengan, maka mereka hendaklah diseret ke muka pengadilan selepas daripada itu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Buntar.

5.00 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh satu, dua perkara. Yang pertama, saya ingin juga mendapatkan hasil daripada soalan tambahan saya semalam tentang industri perbankan Islam yang saya fikir Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan tidak langsung menjawab soalan saya. Bahkan yang penting yang saya hendak tahu ialah simpanan daripada syarikat-syarikat kerajaan dan jabatan-jabatan kerajaan di peringkat pusat dan di peringkat negeri kepada Bank-bank Islam.

Saya khususnya menyentuh semalam tentang Petronas, berapa simpanan Petronas dalam rangka penyimpan-penyimpan sama ada *retail*, sama ada penyimpan-penyimpan institutional, KWSP misalnya, TNB, Telekom, MAB, Pos Malaysia Berhad.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*].

Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali: Kita hendak tahu sebenarnya sebab bagi saya inilah tunjang-tunjang daripada syarikat-syarikat kerajaan yang sepatutnya meneroka jalan,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali:Memberikan contoh yang paling baik tentang hal-hal mengenai pembangunan, ekonomi negara ini khususnya dalam Sistem Perbankan Islam itu. Jadi saya hendak minta supaya Kementerian Kewangan dapat menyediakan dalam jawapannya nanti tentang pola penyimpanan daripada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri terkhusus kepada syarikat-syarikat di bawah tanggungjawab mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh soal yang paling besar, antara yang besar saya fikir iaitu soal salah laku pelajar ini. Pelajar mencorakkan kehidupan manusia Malaysia yang akan datang, sebagaimana Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengatakan dalam ucapannya beberapa hari yang lalu, kita dalam Dewan ini sepatutnya menceritakan banyak hal-hal tamadun, soal-soal dasar yang kita bincangkan ini mestilah soal-soal yang akan merangka ke depan untuk mendapatkan satu gambaran apa bentuk negara ini 10 tahun daripada sekarang, 20 tahun daripada sekarang, 30 tahun daripada sekarang.

Sebab itu, di antara yang penting dalam pembentukan tamadun Malaysia ini ialah soal tentang salah laku pelajar. Tiap-tiap kali kementerian menjawab soalan mengenai salah laku pelajar ini terutamanya Setiausaha Parlimen, selalu menyebutkan bilangannya kecil, bilangannya kecil. Bilangan kecil bukan dalih daripada kita mengetepikan pandangan kita kepada masalah yang begitu besar ini. Pada saya masalah disiplin, bagaimana kecil pun harus dilihat ini merupakan satu kanser bukan sahaja yang meracun pelajar-pelajar yang terlibat, meracun persekitaran pelajar-pelajar yang terlibat bahkan meracun kewujudan generasi yang akan datang ini.

Sebab itu bagi saya, kalau kita lihat daripada beberapa statistik yang diberikan dan saya tidak bercadang untuk memberikan statistik itu, tetapi cukup kita rakamkan di sini hasil kajian Kementerian Pendidikan sendiri yang disiarkan dalam Majalah *Massa* pada 10 dan 16 Jun 2000 – Pelajar-pelajar terlibat membunuh, rogol, pukul, gangsterism, peras ugut, buli, mencuri, ragut, samun, berjudi, hidu gam, pil khayal, lumba haram, ponteng sekolah, pergaduhan, melawan guru, vandalism, rosak harta awam, langgar disiplin sekolah, berkhalwat, lucah dan lepak. Saya menyebutkan ini berkait dengan pelajar-pelajar sekolah, pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah sampailah kepada siswa-siswi di universiti.

Kalau inilah misalnya masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar di sekolah kita khususnya sekolah-sekolah yang ditaja oleh kerajaan, apa akan jadi kepada masyarakat Malaysia pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mereka akan mengambil tempat kita 10 tahun daripada sekarang, bayangkan Ahli-ahli Parlimen yang susur galurnya seperti manusia ini, bayangkan Ahli Parlimen yang fikirnya, tindak tanduknya, menggambarkan manusia seperti ini!

Sebab itu wakil daripada Dungun tadi menyatakan dan saya menyokong penuh sebenarnya, ini adalah kerana UMNO. Wakil daripada Dungun tadi mengatakan, inilah UMNO parti ganas dan kerana keganasan inilah, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali: Kerana keganasan inilah Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun dan membantah*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun dan membantah sekali lagi*].

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Senyap! *Sit down! This is my floor!*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Dewan riuh*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!, Yang Berhormat!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Apa! You tidak ada tadi, semasa Dungun berucap. *Come on and sit down, this is my floor!*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bercakap tanpa pembesar suara*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Kerk Kim Hock: Peraturan tidak ada, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebab Yang Berhormat bagi Rompin ada keluarkan Peraturan Mesyuarat.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Apa *standard* cakap, berhujah-hujan di Dewan yang mulia konon kitalah model yang baik, inilah Islam, inilah cara guna perkataan. Tidak ada *class* lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Izinkan saya meneruskan, izinkan saya meneruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Peraturan Mesyuarat yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat, tadi ...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingin menyebut Tuan Yang di-Pertua bahawa apa yang saya sebutkan ini... [*Disampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta *ruling* Tuan Yang di-Pertua. Gunakan perkataan yang baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, okey. Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Apa pula perkataan yang...
[Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Cakap pada Speaker sana. Ganas. Bukankah saya kata PAS ganas? [Kecoh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya menyebut wakil bagi Dungun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kamu apa kata wakil bagi Dungun, apa ini, tidak ada *class* lah *brother!* [Kecoh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar...

Beberapa Ahli: *Came on* lah, tidak ada *class* lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Yang Berhormat, bagi peluang untuk saya tegur sedikit sebab tadi Yang Berhormat bagi Rompin ada kemukakan Peraturan Mesyuarat. Jadi ini sama ada Peraturan Mesyuarat itu boleh diterima atau tidak, ini terpulang kepada Pengerusi di sini. Jadi sebelum saya membuat keputusan, sepatutnya Yang Berhormat tidak payah tegurlah atas apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tetapi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tetapi dia minta hendak kemukakan Peraturan Mesyuarat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dia menyebut tentang Peraturan Mesyuarat, mana Peraturan Mesyuaratnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan Mesyuarat memang saya kena memaklumkan juga bahawa tidak kenalah kepada isu yang dibangkitkan. Apa yang penting, semasa Yang Berhormat bagi Rompin keluaran Peraturan Mesyuarat, sepatutnya Yang Berhormat kena duduklah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak nampak dia mengeluarkan Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Terus, terus.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih. *Sorry*, Yang Berhormat bagi Rompin, *sorry*. Tuan Yang di-Pertua, sekali-sekali seronok juga begini [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi menceritakan soal tamadun, soal tamadun manusia di Malaysia ini, soal tamadun yang akan dibangunkan dalam tahun 2020, menjelang 2020 dan *beyond 2020*.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Minta penjelasankah Yang Berhormat bagi Rompin?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, saya ada 10 minit sahaja Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat kata minta maaf, saya hendak sokong Yang Berhormat kata itu atas isu konsep tamadun Islam yang berjaya, saya sokong. Alhamdulillah tetapi kita mesti ikut dengan kaedah kita, tindakan kitalah [Ketawa]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu bagi saya, salah satu daripada cara yang ditunjukkan zaman-berzaman yang paling berkesan untuk menangani masalah ini ialah kita kena berbalik kepada *roots* kita, dengan izin, kita kena berbalik kepada akar-umbi kita.

Apakah akar-umbi kita? Agama, manusia Islam balik kepada Islam, manusia Kristian balik kepada Kristian, manusia Buddha balik kepada Buddha, manusia Hindu balik kepada Hindu. Pengajaran-pengajaran, kalau kita tengok kepada mana-mana pengajaran agama, terutamanya Islam, ada tiga rangkaian di situ yang diajarkan kepada kita – ilmu, amal dan iman. Sebab itu dalam sistem pendidikan kita, Tuan Yang di-Pertua ...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak ada masa. *I'm very sorry, not for the time being...*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Walau untuk hujah menyokong.... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, ingin saya memaklumkan dia hanya ada 2 minit sahaja lagi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Betul, betul. Dia tidak pakai jam. Orang TNB tidak pakai jam. Dia pakai api sahaja *[Ketawa]*

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita kena berbalik kepada agama seperti saya sebut tadi. Sebab itu sistem pendidikan kita, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sistem pendidikan kita harus menghidupkan agama itu bukan hanya sebagai sumber ilmu sahaja, agama mesti diamalkan, pelajar-pelajar mesti mengamalkan.

Saya mengambil contoh tentang sembahyang, di beberapa forum yang saya turut serta, yang disertai oleh pensyarah-pensyarah universiti mengatakan, ada kajian-kajian rambang yang dibuat kepada kanak-kanak, kepada pelajar-pelajar sampai ke peringkat pelajar-pelajar universiti, jumlah mereka yang *observe* sembahyang lima kali satu hari satu malam, tidak sampai pun 8%. Itu kajian yang mereka buat, sama ada benar atau tidak benar, saya serahkan kepada pengkaji-pengkaji tersebut.

Bayangkan kalau anak-anak kita ini tidak menunaikan yang asas, sembahyang. Saya dalam pengalaman sudah 24 tahun menjalankan program-program dengan pelajar-pelajar ini. Bila ditanyakan, "*Berapa orangkah daripada kamu yang menunaikan sembahyang lima kali satu hari satu malam*", biasanya yang menjawab tidak sampai 5% daripada keseluruhan yang hadir, sama ada yang hadir 500 orang atau yang hadir 1,000 orang. Saya hendak menyebut, kalau sembahyang yang asas ini tidak dapat dijalankan, ini tergambar di kalangan orang tua-tua pun – polis yang mengadakan sekatan-sekatan jalan raya, yang melihat ceramah-ceramah yang kita adakan, kadang-kadang 14 trak, kadang-kadang 20 trak, kadang-kadang 15 trak, mereka datang daripada waktu Asar sampai waktu Isyak, di manakah mereka bersembahyang? Kanak-kanak memperhatikan.

Saya sudah menimbulkan dalam Dewan ini pada persidangan yang lepas, di manakah mereka bersembahyang. Sama ada mereka hendak taat kepada kerajaan atau terlebih dahulu hendak taat kepada Allah yang menjadikan mereka? Ini gambaran yang sepatutnya kita berikan kepada mereka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya menimbulkan ini, sedikit lagi, semua tadi dapat *some extra*. Yang Berhormat bagi Labuan tadi saya kira dapat 4 minit *extra*, saya hendak tagih 2 minit sahaja, 50% daripada Yang Berhormat bagi Labuan.

Apa yang saya hendak sebut, sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sangat untuk melihat bahawa agama ini bukan hanya disebut dan disalurkan sebagai ilmu. Agama mesti diamalkan. Sebab itu Perdana Menteri sendiri begitu fobia - sebut *qiamullail* begitu fobia, sebut wirid begitu fobia, sebut sembahyang Subuh, tazkirah begitu fobia. Kalau inilah yang berlaku, saya khuatir, sangat khuatir Tuan Yang di-Pertua ... *[Dewan gamat]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Bahawa ini tidak akan dapat melahirkan manusia-manusia. Mereka juga Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang bekas-bekas daripada asrama penuh dan sebagainya, sesungguhnya inilah yang dilakukan, inilah yang dilakukan kepada mereka, inilah yang dilakukan untuk membentuk generasi akan datang. *[Dewan gamat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak *appeal* Tuan Yang di-Pertua, bahawa demi untuk kemajuan kita yang akan datang ini, ini menyalak, ini menyalak namanya *[Menunjukkan kepada Ahli-ahli Dewan yang membuat bising]* Saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengingatkan lagi....

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingin mengingatkan lagi Tuan Yang di-Pertua bahawa untuk kebaikan, untuk tamadun Malaysia yang akan datang..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Seharusnya setiap rakyat Malaysia akan kembali kepada *roots*, kepada asal-usul mereka iaitu tidak lain dan tidak bukan, kepada agama, agama satu ciptaan Allah, kebesaran Allah kepada kita.

Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu. *[Disampuk] [Ketawa]*

Tuan Ramli bin Ibrahim: Boleh, boleh saya bercakap? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Bharu, sila.

5.13 ptg.

Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]: Dalam kesempatan yang terbatas pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Titah Ucapan Diraja dalam merasmikan Parlimen kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita mendengar suatu perdebatan yang mengingatkan kita bagaimana sebenarnya peranan Parlimen ini, sepatutnya menjadi tempat untuk membahaskan isu-isu penting bagi masa hadapan negara tetapi malangnya kita dengar perbahasan-perbahasan seperti ini adalah di luar dugaan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini bekas seorang pensyarah, bidang pengajaran saya ialah Pemikiran Politik Islam Semasa di Malaysia. Saya sentiasa mengajar mahasiswa saya bahawa di Malaysia ini sistem politiknya, tempat yang paling mulia sekali ialah Parlimen, pada masa itu. Selepas saya menjadi Ahli Parlimen, sejak 2 tahun lebih, saya rasa saya mesti mengkaji balik hujah-hujah saya kepada mahasiswa saya sebab apa yang saya lihat dalam Parlimen ini tidak sama seperti yang saya bayang sebelum ini – tidak merupakan tempat untuk membicarakan masa hadapan negara, menentukan hala tuju negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita merdeka sudah 40 tahun lebih. Kemerdekaan ini dipimpin oleh UMNO dan Perikatan dahulunya dan sekarang Barisan Nasional. Sekarang kita dengar banyak masalah negara yang dibangkitkan, Masalah politik, masalah sosial, masalah ekonomi, masalah pembangunan dan berbagai-bagai masalah. Kalau kita mendengar hujah-hujah Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di sini, dia menyalahkan orang lain – menyalahkan Amerika Syarikat, menyalahkan kuasa Barat, menyalahkan kejadian 11 September dan sebagainya, cuba mengalih pandangan sebenar kepada masalah dalam negara kepada masalah-masalah luar. Saya rasa ini satu pengalihan pandangan sahaja. Sebenarnya, selepas memerintah

hampir 40 tahun ini UMNO mesti bertanggungjawab bahawa masalah-masalah berbangkit ini adalah berpunca daripada UMNO dan Barisan Nasional sendiri.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan sedikit pandangan kepada UMNO dan Ahli-ahli Parlimennya, sebab pada penghematan saya, UMNO ini satu parti politik yang tidak ada ideologi. Satu parti politik yang diasaskan oleh pemimpin-pemimpin yang dianggap sebagai golongan nasionalis Melayu pada masa itu. Nasionalis Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan negara tetapi selepas 10 tahun merdeka atau 20 tahun merdeka, nasionalis Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan negara ini bertukar menjadi nasionalis oportunist sebab nasionalis Melayu ini kesemuanya sudah menjadi kaya-raya. Akhirnya dengan kekayaan ini mereka cuba mempertahankan *status quo* politik menggunakan birokrasi elit untuk mempertahankan kekuasaannya.

Oleh kerana terlalu lama berkuasa inilah kerana ingin mempertahankan kekuasaan dan status politik dalam negara maka pelbagai masalah timbul dalam negara ini. Sebab itu saya mengatakan berkali-kali dalam Dewan ini bahawa kita mesti menyemak semula kedudukan UMNO dan Barisan Nasional ini. Sebab tidak mungkin satu parti politik yang memerintah selama 40 tahun oleh empat orang Perdana Menteri tidak mempunyai masalah-masalah dalaman parti itu sendiri. Ini sebenarnya menjadi punca kepada masalah yang timbul dalam negara kita sekarang ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Ramli bin Ibrahim: [Ketawa] Bolehlah, boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya tertarik dengan ulasan perbincangan Yang Berhormat. Kalau kita hendak menilai sesuatu modul perkembangan satu negara kita mesti ada ukurannya, kita bandingkan dengan apa? Kata-kata itu tinggi atau rendah dengan apa, berat atau ringan apa perbandingannya. Bila Yang Berhormat menilai di negara kita sama ada kita maju 80%, ketinggalan 2% perbandingan kita. Saya kalau Yang Berhormat sanggup menjadi ukuran, kita mesti bersetuju dahulu ukurannya. Katakan kalau lulusnya 50% dan mana yang lebih 50% ia betul, yang kurangnya tidak. Sebab saya melihat Kelantan sendiri, Terengganu sendiri, malah di Terengganu sendiri macam ulasan-ulasan parti PAS sendiri. Dahulu jelas saya hendak bertanya kepada Bagan Datok tadi.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Boleh bereskan, masa saya pendek sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ..Mengatakan bahawa kafir bekerjasama dengan orang kafir, sekarang sudah berpartner dengan DAP, tetapi tidak tahan lamalah. Yang Berhormat kalau kita hendak menilai, kita senang menuduh sebab satu yang ditunjuk, tiga, empat lagi..

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih, terima kasih..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau Yang Berhormat hendak mengulas sebagai satu..

Tuan Ramli bin Ibrahim: Cukuplah, minta maaf, masa saya hendak habis.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Platform yang intellectual. Terima kasih Yang Berhormat saya sedikit, saya mengambil masa Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Saya berterima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah Yang Berhormat sanggup membuat satu *benchmark* ukuran nilai yang mana modul yang baik, apa modul yang terbaik negara di dunia ini untuk dibandingkan dengan negara kita.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Okay, terima kasih. Saya menilai daripada perbincangan di Dewan ini sahaja. Saya menilai hujah-hujah perbincangan-perbincangan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan, bukan saya daripada pembangkang tetapi oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sendiri. Kita dengar hujah Sarawak pasal ia miskin, Sabah miskin, kita dengar pada hujah-hujah bagaimanakah masalah dadah, masalah moral, masalah ganja, semua ini hujah-hujah dari parti Barisan Nasional.

Saya tidak menambah, saya hanya menggunakan hujah-hujah yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat Barisan Nasional bagaimana gelisahnya mereka dengan masalah negara dan ini kalau kita ikut perkembangan dahulu tidak pernah timbul.

Saya pernah hadir dalam Parlimen ini mendengar perbahasan semasa pimpinan Tunku Abdul Rahman misalnya, semasa Tun Abdul Razak, semasa Tun Hussein Onn tidak timbul seperti sekarang ini. Ini kerana beberapa dasar baru. Sebab itu saya memulakan ucapan saya tadi puncanya kerana UMNO itu tidak mempunyai satu ideologi. Walaupun cuba diideologikan pada tahun 1981, apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim menyertai UMNO dan meminta supaya UMNO mengubah beberapa dasar seperti penerapan Islam. Tetapi sekarang sudah mati dasar-dasar itu, kembali semula kepada penswastaaan sebenarnya.

Penswastaaan inilah yang menjadi masalah yang menimbulkan fahaman materialisme, kebendaan yang sangat menggila-gila di kalangan pemimpin-pemimpin politik dan ahli-ahli korporat. Ini puncanya yang sebenar di mana ia adalah masalah fahaman materialisme dan kebendaan yang melulu yang tidak ada tanpa sebab, itu istilah yang saya gunakan tadi, sekarang ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Alaa, sekejapnya. Sekarang ini UMNO dan Barisan Nasional sudah dikuasai oleh nasionalis yang dahulunya nasionalis sekarang sudah menjadi oportunist kaya raya. Sebab itu saya mengatakan kalau bolehlah Tuan Yang di-Pertua, sebab kita berfikir dengan tenang seperti mana hujah yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar tadi, kita kembali kepada asal, balik kepada asal kita, balik kepada *route* kita yang sebenarnya. Apa sebenarnya masalah yang kita hadapi sekarang supaya masalah titik bengkok yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen sebentar tadi tidak berbangkit lagi pada masa akan datang.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Bangun]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Ramli bin Ibrahim: Saya [Ketawa] saya hendak beri kepada Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Saya ingat hendak beri kepada Shah Alam sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Boleh saya sambung sedikit sahaja. Saya hendak gulung sedikit, bahawa kita cuba balik kepada asas. Asas kita ialah Malaysia ini kita mesti *route* kita agama itu mesti menjadi teras dan tonggak kekuatan negara ini. Agama iaitu semua agama seperti yang dibangkitkan tadi supaya kita biar ada asas untuk menentukan hala dan masa depan negara. Tidak seperti sekarang meraba-raba ke sana ke mari, bergaduh sesama sendiri, saya rasa ini adalah memalukan, [Ketawa] betul-betul memalukan. Saya rasa kalau saya balik mengajar semula di universiti saya akan memberitahu mahasiswa saya bahawa Parlimen ini tidaklah sehebat seperti yang disangka sebelum ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin, selepas ini kerajaan boleh menjawablah.

5.21 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tumpat dia ada Lembaga Pengarahnya, ini tokoh korporat baru dalam PAS dahulu tidak ada, sekarang sudah banyak korporat baru. [Ketawa] Saya mengambil kesempatan untuk menyertai, masa tidak ada saya mengambil masa sepuluh minit dan saya akan meneruskan ucapan saya nanti dalam ucapan perbahasan tentang belanjawan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian membahaskan usul Terima Kasih di atas Titah Ucapan

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibawa oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok tadi dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Bagan Serai.

Saya tertarik dengan dua isu tadi yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu tentang konsep ideologi negara. Ini memang selalu dalam perbahasan, menolak bahawa UMNO kerajaan tidak ada ideologi, itu tidak benar. Tetapi saya nampak yang tidak ada ideologinya ialah parti PAS. Ia mencungkil dan menggunakan Islam dan ia selalu berubah. Saya dapat satu ulasan, banyak ini, lapan perkara - 40 dan seratus lebih daripada Terengganu.

Saya tengok isu-isu di mana dahulu Exco sekarang sudah memiliki kereta Mercedes, BMW dan harta-harta Terengganu habis dijualnya. Ini apalah pemimpin Islam ini. Selepas itu ideologi seperti mula-mula mengatakan kita kafir, kalau kita bekerjasama dengan PAS selepas itu kita peluk DAP pula. Ini apa? Ada ideologikah PAS ini? Tidak ada, sebab itu bila ada cadangan supaya dipisahkan politik dengan Islam tidak boleh menggunakan label Islam, tidak ada modal sebenarnya. Tengok PAS sendiri apa ideologi dia bawa, apa pembaharuan yang dibuat di Kota Bharu, apa pembaharuan dibuat di Kelantan, apa pembaharuan di Kuala Terengganu.

Di Kuala Terengganu masa pilihan raya 113 perkara hendak dibuat, satu pun tidak dibuat. Manifesto, selepas itu kutuk, dahulu semasa Kerajaan Terengganu, balak diberi kepada kroni-kroni UMNO. Sekarang ini balak semua diberikan kepada kroni-kroni PAS. Selepas itu buat ini apa yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar membela anak muda, pastikan pendidikan itu masihkah anak muda kita generasi akan datang berpendidikan yang baik dan tinggi, moral yang baik. Saya bersetuju tetapi tengok Kerajaan Terengganu bantuan persekolahan IPTA dan swasta melalui Yayasan Terengganu sudah tidak dibayar. Seramai 3,000 pelajar tidak dapat dibayar. Kalau perjuangan PAS betul-betul membela masa depan anak-anak Malaysia tidak kita apa bangsa mengapa 3,000 penuntut ini dibatalkan pembayarannya?

Ini yang dikatakan cakap tidak serupa bikin.....

Tuan Muhamad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Peringat bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Selepas itu kita kutuk, apa ini beri kroni-kroni. Kita masuk kita beri kroni kita, tidak apa. Cakap senang, selepas itu mengatakan bahawa UMNO tidak ada ideologi, bila kita buat apa ideologi yang kita tunjukkan. Selepas itu pula kita mahu pendidikan, Yang Berhormat bagi Parit Buntar berapi-api.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Peringat bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Mahu pendidikan untuk anak-anak kita. Bila Kerajaan Persekutuan hendakkan tanah untuk buat sekolah, tidak diberinya. Lepas itu pula kalau diberikannya, dia kenakan RM50 ribu seekar. Apakah ini? Ini DAP sudah panas dah. Ini dia punya isteri dahulu sudah bercerai. Sekarang DAP terpaksa pujuk PAS untuk pilihan raya kecil di Bentong. Betul atau tidak? Saya cabar, bangun kalau DAP tidak perlu sokongan PAS. Bangun! Tidak berani.

Dahulu kita tidak perlu PAS. Kita tidak perlu perjuangan ala PAS. Senyap-senyap sudah terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nanti meja pecahlah. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Diterima pula *[Ketawa]* Oleh kerana pilihan raya kecil, wah! Apabila Setiausaha Agong kata, "*Sanggup kalau hang hendak cakap, hang cakap minta depan orang ramai.*" Terpaksa Setiausaha Agong bangun, "Kami DAP". Oh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Melaka bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *"Ini janda lama, ini orang lama, tolonglah bagi sokongan pada kami, sebab kami hendak menang. Dahulu lanyak PAS."*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Rompin. Saya hendak minta penjelasan daripada Rompin terhadap perkara yang dikemukakan oleh Parit Buntar dan Kota Bharu ini. Yang Berhormat bagi Parit Buntar beritahu kita ini semua hilang pertimbangan sampai boleh buat satu tuduhan yang cukup berat mengatakan bahawa polis-polis yang menjalankan tugas ini tidak sembahyang. Dia tahukah yang anggota polis itu sembahyang atau tidak sembahyang [Disampuk] Tahukah, tidak tahu?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa Yang Berhormat bagi Shah Alam, Parit Buntar kena minta maaf kepada anggota polis kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Buntar bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Menuduh anggota polis kita tidak menunaikan sembahyang mereka lima kali sehari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya rasa kalau Yang Berhormat bagi Parit Buntar tidak di luar Dewan mohon maaf, kita tahulah sebenarnya orang politik macam beliau, siapa juga sanggup dituduh untuk mendapatkan *mileage* yang murah, beliau sanggup buat demikian. Saya hendak teruskan ucapan saya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Surat khabar boleh menunggu di luar – minta maaf kepada anggota polis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit Buntar minta laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: [Menyampuk]

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Surat khabar boleh menunggu supaya Yang Berhormat bagi Parit Buntar hendak bagi *press conference* lepas ini, hendak minta maaf kepada anggota polis kerana menuduh anggota polis tidak sembahyang.

Saya hendak teruskan. Saya tinggal berapa minit sahaja lagi. Tidak apa, *press* menunggu di luar sebab Yang Berhormat bagi Parit Buntar hendak minta maaf kerana dia menuduh anggota polis tidak mengerjakan sembahyang. Sila minta maaf di luar.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri Menteri bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okeylah! Parit Buntar, saya kena bagilah sebab kawan saya [Ketawa]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Kenyataan saya tentang itu, kita bawa sejak daripada mesyuarat yang lepas. Beberapa daripada anggota polis datang menemui saya, ada di antara mereka yang sangat prihatin kepada amalan-amalan agama dan mereka datang untuk saya beritahu dalam Dewan ini. Untuk sampaikan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini bukan minta penjelasan daripada saya tetapi Saya kata hendak buat kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, *press*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Untuk sampaikan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, terima kasih, saya ingat hendak minta penjelasan daripada saya.

Saya tinggal dua minit. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat hendak minta penjelasan daripada saya, bukan Yang Berhormat bagi penjelasan. *[Ketawa]* Yang Berhormat hendak minta penjelasan daripada saya, ini Yang Berhormat hendak memberi penjelasan. Kalau Yang Berhormat hendak beri penjelasan, sila berjumpa dengan pihak media.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah! Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okey! Terima kasih, Yang Berhormat. Saya dua minit lagi ni ha!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Yang Berhormat saya sudah bagi. Yang Berhormat tidak boleh marah kepada saya, bukan saya tidak bagi, saya bagi tetapi Yang Berhormat hendak beri penjelasan, bukan minta saya beri penjelasan.

Beberapa Ahli Barisan Nasional: Teruskan, teruskan.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Habislah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sikit sahaja, Yang Berhormat bagi Rompin. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Rompin bila dalam isu yang beliau bangkitkan tadi bersabit dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Saya dapati bahawa Yang Berhormat bagi Kota Bharu ini agak keliru sedikit walaupun dia bekas seorang pensyarah tentang ukuran yang digunakan oleh beliau, tentang pencapaian negara kita semenjak 40 tahun.

Saya akui bahawa ada masalah, bila Ahli Yang Berhormat bagi Sabah dan Sarawak membangkitkan tentang pelbagai permasalahan, tidak bererti bahawa keseluruhannya tidak ada kemajuan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Okay, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Sebetulnya kemajuan ada banyak yang telah dicapai cuma tidak mungkin mencukupi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Setuju! Saya sebenarnya – Kota Bharu sebagai pensyarah bagus, alhamdulillah, bila masuk PAS, buta hati, kepala, hancur. *[Ketawa]* Sebab itu sebagai intelektual saya pun kenal Yang Berhormat tetapi dengan kutu-kutu ini, habis, selesai. *[Ketawa]* Macam Parit Buntar sebelum masuk PAS bagus. Bila masuk PAS selesai *[Ketawa]* Ada masa lagi?...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Duduk, duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Betul, saya kata, saya terima Yang Berhormat dahulu profesionnya baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rompin. Tidak ada lain ya! Masa sudah cukuplah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi bila masuk kancah politik PAS, hancur. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rompin, masa sudah cukup, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat,
Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang hingga jam 10.00 pagi esok hari.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.